

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 11 Mei 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan."

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah;

"Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan."

Hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap kerajaan terhadap ura-ura kerajaan Indonesia meminta jasa baik Perdana Menteri Malaysia menjadi orang tengah bagi membantu menyelesaikan konflik di Aceh, wilayah yang menuntut kemerdekaan dari Indonesia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, sukacitanya saya mengulangi di Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Malaysia untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara lain sama ada negara tersebut berjiran atau tidak dengan Malaysia. Aceh merupakan sebahagian daripada wilayah Republik Indonesia dan Malaysia menganggap masalah Aceh sebagai masalah dalaman Indonesia. Kerajaan sedar bahawa isu Aceh ini adalah satu masalah yang agak kompleks dan harus diselesaikan dengan segera. Kerajaan Malaysia yakin bahawa Presiden Abdul Rahman Wahid akan dapat menangani masalah ini bagi mencapai satu penyelesaian yang saksama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai anggota ASEAN dan jiran terdekat Malaysia telah menyatakan kesediaannya untuk membantu Indonesia mengenai isu Aceh ini jika bantuan kita diperlukan dan diminta oleh pihak Indonesia. Jadi, dalam hal ini Indonesia harus mengenal pasti akan peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia bagi membantu untuk menangani isu tersebut. Ini termasuk menjadi orang tengah atau menyediakan Kuala Lumpur sebagai venue bagi rundingan di antara pihak-pihak berkenaan untuk menyelesaikan konflik di Aceh.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana kita boleh menentukan bahawa orang dari Aceh itu tidak menggunakan tempat kita untuk mengemukakan masalah-masalah mereka kepada Kerajaan Indonesia seperti yang telah berlaku satu demonstrasi di Kuala Lumpur tidak lama dahulu di mana orang-orang Aceh telah masuk ke satu kedutaan negara asing dan telah menyebabkan satu masalah di negara kita. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inilah satu insiden yang berasingan atau isolated insident, dengan izin, di mana pelarian orang Aceh ini telah melarikan diri ke satu kawasan kedutaan untuk dapat perlindungan. Dalam keadaan begini kita memang cuba mengatasi masalah ini dan kita mengambil tindakan mengikut undang-undang negara kita yang ada dan juga menerusi saluran diplomasi di mana melibatkan pihak-pihak yang lain di negara-negara lain yang memberi perlindungan kepada mereka ini dan kita akan terus berusaha untuk menyatakan bahawa perkara ini adalah kita tidak menerima sokongan seperti itu yang tidak memberikan kesan yang akan memberikan keputusan atau pencapaian matlamat yang boleh dipersetujui oleh kedua-dua pihak khususnya negara-negara jiran kita Indonesia dan juga pihak kerajaan di mana kita sentiasa

memberikan pandangan bahawa kita tidak melibatkan diri dalam soal dalaman negara lain.

2. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan hasil siasatan mengenai kes manipulasi atas pendaftaran kereta di Jabatan Pengangkutan Jalan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan hasil siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah didapati terdapat kes-kes pemalsuan pendaftaran kereta di JPJ. Sehubungan dengan itu, JPJ telah mengambil tindakan dengan membuat laporan polis ke atas penyelewengan yang berlaku dan kini ianya sedang dalam siasatan polis.

Mengikut maklumat JPJ pada tahun 1997 terdapat 21 kes yang dikumpul di mana terdapat pegawai-pegawai dan kakitangan yang disyaki terlibat dalam rasuah, menyalahgunakan kuasa dan tidak mengikut arahan jabatan. Dari jumlah tersebut lima kes pegawai yang terlibat telah dibebaskan oleh mahkamah dari tuduhan rasuah, dua pegawai telah meletak jawatan, tiga diberi amaran, empat dikenakan denda dan lima telah dibuang kerja.

Pada tahun 1998 pula terdapat enam kes pegawai yang disyaki terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa di mana satu kes telah dibebaskan, satu kes telah diberi amaran dan tangguh pergerakan gaji, sementara empat kes lagi belum selesai. Pada tahun 1999 terdapat tiga kes pegawai dan kakitangan yang disyaki terlibat dalam rasuah di mana ianya masih dalam siasatan dan belum selesai.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana hasil siasatan di Sarawak iaitu kes-kes pemalsuan khususnya di Sibu di mana Pejabat JPJ pun dibakar oleh seorang disyaki terlibat dalam kes.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, kes ini spesifik, saya akan jawab secara bertulis.

3. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang diambil terhadap para pesalah yang ditangkap bagi kesalahan kes pembunuhan yang dilakukan secara kumpulan; dan
- (b) jika hanya seorang atau dua dapat ditangkap manakala pembunuh-pembunuh yang lain masih tidak dapat dikesani,

adakah pesakh yang ditangkap akan dibebaskan setelah beberapa tahun atau ditahan sehingga kes berkenaan selesai.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pesalah-pesalah yang ditangkap bagi kesalahan kes pembunuhan yang dilakukan secara berkumpulan akan dituduh di mahkamah atas kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan akan dibaca bersama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan.
- (b) Untuk makluman Dewan yang mulia ini jika hanya seorang atau dua orang dapat ditangkap, manakala lain-lain pembunuh masih tidak dapat ditangkap atau dikesan, maka sekiranya bukti-bukti mencukupi mereka akan dituduh dahulu di bawah Seksyen 302 kerana kesalahan membunuh bersama-sama lain suspect yang masih bebas. Sekiranya suspect-suspect lain dapat ditangkap kemudian, mereka akan dituduh bersama-sama dengan rakan sejenayah yang telah dituduh terdahulu.

4. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bilangan penghuni rumah orang tua pada tahun 1997, 1998 dan 1999 serta jumlah rumah orang tua mengikut negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penghuni di sembilan rumah orang tua atau dikenali sebagai Rumah Sri Kenangan yang sedang ditadbirkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi tahun 1997, 1998 dan 1999 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan penghuni</b>
1997	1,766
1998	1,764
1999	1,776

Kedudukan rumah-rumah Sri Kenangan tersebut mengikut negeri di seluruh negara adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Rumah Sri Kenangan</b>
Perlis	Kangar
Kedah	Bedong
Perak	Taiping, Tanjong Rambutan
Selangor	Cheras
Negeri Sembilan	Seremban
Melaka	Cheng
Johor	Johor Bahru
Kelantan	Pengkalan Chepa

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setakat ini berapakah elaun sebulan yang diberi oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kepada seorang penghuni di rumah orang tua?

**Dato' S. Veerasingam:** Bagi mentadbirkan rumah-rumah orang tua kerajaan semua perbelanjaan dibiayai oleh kementerian saya. Tetapi bagi perseorangan orang tua yang perlu bantuan, dahulu tiap-tiap seorang diberi sebanyak RM70 sebulan. Dalam Budget baru-baru ini kita akan memberi sebanyak RM100 sebulan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah pihak kerajaan memberi sedikit maklumat punca-punca bertambahnya warga di rumah-rumah Sri Kenangan ini?

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jika dibandingkan dengan negara-negara lain penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni rumah-rumah orang tua tidaklah begitu banyak. Di negara kita ini kita ada lebih kurang 1.2 juta orang-orang tua di mana hanya lebih kurang setakat ini ada 1,900 orang yang tinggal di rumah-rumah Sri Kenangan ini. Ada juga banyak rumah Sri Kenangan ataupun rumah warga tua yang dikendalikan oleh pihak swasta NGO. Tetapi jumlahnya adalah lebih kurang 3,931 orang yang tinggal di rumah-rumah orang tua ini. Jika kita lihat peratus orang-orang yang tinggal di sana di dalam tahun 1995 penghuni Melayu adalah 30.7%. Penghuni orang-orang Cina adalah sebanyak 31% dan penghuni orang-orang India ialah sebanyak 37%.

Ramai orang warga tua yang tidak ada tempat duduk dan lain-lain mereka duduk dengan jiran-jiran mereka ataupun saudara-mara mereka. Kerajaan memberi bantuan supaya mereka boleh duduk di rumah-rumah ini. Kerajaan juga baru-baru ini

telah menyediakan beberapa tempat DK Centre, dengan izin, di mana anak-anak yang pergi kerja boleh hantar ibu bapa mereka ke DK Centre ini, di mana mereka boleh bersama-sama bincang masalah-masalah, bermain dan lain-lain dengan warga-warga tua yang lain. Dengan cara ini kita memberi satu tempat yang sihat kepada warga tua dan kita harap ramai anak-anak akan menyimpan ibu bapa mereka di rumah sendiri supaya jika ada masalah kerana mereka pergi kerja, jika tidak ada tempat mereka biasanya dibenarkan duduk di rumah-rumah orang tua ini.

Di dalam rumah-rumah Sri Kenangan ini pegawai-pegawai kebajikan sentiasa memeriksa supaya ianya sesuai dan juga bantuan-bantuan diberi untuk membaiki rumah-rumah Sri Kenangan supaya ianya selesa bagi penduduk-penduduk.

5. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah projek penswastaan Indah Water Konsortium tidak dapat dilaksanakan dengan efektif oleh pihak swasta. Apakah kos pengambilan projek ini dari pihak swasta.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Indah Water Konsortium telah diberi konsesi bagi menyediakan perkhidmatan pemetungan di seluruh negara dan tanggungjawab untuk mengurus, menjalankan, menyelenggarakan, menaik taraf dan membaik pulih sistem pemetungan yang sedia ada dan juga membina kemudahan pemetungan yang baru.

Sejak memulakan operasinya dalam tahun 1994 IWK menghadapi berbagai-bagai masalah, antara masalah tersebut ialah keengganan pengguna untuk menjelaskan bayaran bil pemetungan yang menyebabkan IWK mengalami masalah kewangan yang serius dan telah menjejaskan kelicinan operasinya dalam menyediakan perkhidmatan kepada pengguna.

Di samping itu, ianya juga telah menjejaskan usaha-usaha IWK untuk memperolehi pinjaman dari institusi kewangan bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan kemudahan pemetungan yang baru seperti yang diperlukan ia memaksakan pihak IWK bergantung kepada pinjaman kerajaan.

Kerajaan telah mengkaji secara mendalam masalah yang dihadapi oleh IWK tersebut dan memutuskan untuk mengambil alih IWK dengan membeli keseluruhan ekuitinya. Langkah pembelian ini telah pun dilaksanakan dengan termeterainya

perjanjian jual-beli yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Harga pembelian yang dipersetujui ialah RM192.54 juta.

6. **Dato' Ting Check Si** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks telah menimbulkan banyak masalah, khususnya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan kerana bukan sahaja tidak layak tetapi tidak dapat membeli buku-buku dalam pasaran. Adakah kementerian beliau bercadang supaya SPBT diberi kepada semua anak-anak pegawai kerajaan, khususnya guru-guru di sekolah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:**

Tuan Yang di-Pertua, penentuan kelayakan pinjaman buku teks kepada seseorang murid adalah berdasarkan kepada dasar kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) iaitu mengikut pendapatan serta tanggungan ibu bapa. Oleh yang demikian, anak-anak kakitangan kerajaan layak mendapat pinjaman SPBT sekiranya memenuhi syarat kelayakan. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa dasar kelayakan SPBT akan dikaji.

**[Soalan No.7 - Y.B. Puan Hajah Che Jam binti Haron tidak hadir]**

8. **Datuk Long bin Jidin** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan perkhidmatan awam yang berpencen sebelum umur 55 tahun dan jumlah baki caruman wang simpanan pekerja yang masih tersimpan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Februari 2000 jumlah anggota yang bersara pilihan sendiri sebelum umur 55 tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pesara</b>
1998	2,385
1999	1,354
2000(sehingga Februari)	274

Jumlah simpanan bagi ahli aktif KWSP dalam sektor awam setakat 31 Disember 1999 adalah sebanyak RM8.1 bilion.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. KWSP pernah memperkenalkan satu konsep pengeluaran wang secara berperingkat untuk hari tua. Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah kejayaan dengan pengenalan konsep ini?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini nampaknya tidak ada kaitan dengan soalan yang ditanya. Walau bagaimanapun, kerajaan telah membuat beberapa keputusan untuk membolehkan bahawa pencarum-pencarum pegawai-pegawai perkhidmatan awam mungkin dapat mengambil, mengeluarkan caruman mereka sebelum mereka sampai umur 55 tahun.

9. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah kadar umum jenayah di Sarawak telah bertambah pada tahun 1999 jika dibandingkan pada tempoh yang sama dalam tahun 1998; dan
- (b) adakah benar Ordinan Mencegah Jenayah (Prevention of Crime Ordinance) belum lagi diperluaskan ke Sarawak. Jika ya, apakah sebabnya, memandangkan ia lebih berkesan daripada Ordinan Kediaman Terhad (Restricted Residence Ordinance) yang dipakai sekarang.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar jenayah indeks yang berlaku di Sarawak pada tahun 1999 adalah sebanyak 8,070 kes berbanding dengan 8,213 kes pada tahun 1998.

Ini bermakna terdapat penurunan kadar jenayah sebanyak 143 kes ataupun 1.74%. Penggunaan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegah Jenayah) 1969 masih belum diperluaskan di Sarawak. Ini adalah kerana pada masa ini, pemakaian ordinan tersebut adalah tidak perlu memandangkan keadaan jenayah kekerasan yang berlaku di Sarawak adalah terkawal. Sekian.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan bentuk jenayah yang berlaku di Sarawak? Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi pertanyaan Yang Berhormat jika sentuh dengan pecahan saya cuma ada dua di sini iaitu dari segi jenayah kekerasan.

Pada keseluruhannya, pada 1999 terdapat 8,070 kes, dalam angka ini terdapat hanya 582 kes jenayah kekerasan. Satu lagi ialah mengenai jenayah harta benda. Pada tahun 1999, bagi kes jenayah harta benda hanya 67 kes yang lain itu maksud kes

kecil-kecilan, remeh-temeh, curi ayam, curi kasut, ini pun bercorak jenayah juga. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kementerian pada masa ini mengalami kekurangan guru sains terutamanya dalam bidang ilmu fizik untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah, apakah langkah jangka pendek dan panjang yang dilaksanakan ke arah menambah bilangannya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari kekurangan guru mata pelajaran Sains terutamanya dalam pengkhususan Fizik. Ini disebabkan graduate fizik mempunyai peluang yang lebih luas dalam sektor pekerjaan lain.

Namun demikian, kementerian ini dari masa ke semasa berusaha mengatasi masalah ini. Antaranya ialah menawarkan Program Kursus Lepas Ijazah (PKLI) dalam bidang fizik di maktab-maktab perguruan mulai tahun 2001. Di samping itu, Program Ijazah Pertama Sains dengan Pendidikan yang dijalankan di universiti-universiti tempatan dapat mengurangkan masalah tersebut. Terima kasih.

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkaitan dengan kekurangan guru, saya mendapati kekurangan guru terlatih opsyen pengajian Cina di sekolah jenis kebangsaan (Cina) (SJK(C)) pada 31 Januari 2000 ialah seramai 3,415 orang. Untuk menggantinya ialah 30 orang guru kontrak, 2,100 guru sandaran tidak terlatih dan 22 orang guru lantikan semula telah dilantik. Saya ingin bertanya adakah kementerian mempunyai rancangan khas untuk melatih guru sandaran ini pada masa cuti untuk mengatasi masalah kekurangan?

Soalan yang kedua, apa rasionalnya bilangan yang kecil sangat diambil sebagai guru kontrak memandangkan kepada kekurangan yang begitu besar? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun soalan terkeluar sedikit dari soal pokok, soal asal. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan bahawa memang kita sedar bahawa masalah kekurangan guru untuk mengajar bahasa Cina memang kita hadapi buat masa sekarang ini dan beberapa langkah telah kita ambil. Salah satu ialah untuk mengadakan temuduga terbuka untuk memberi peluang yang lebih luas kepada peserta-peserta yang tidak memohon pada masa yang lebih awal. Oleh kerana itu langkah ini nampaknya berkesan dan ini sudah tentu akan

membantu untuk mendapatkan lebih ramai peserta diambil memasuki dalam maktab perguruan.

Selain daripada itu, kementerian juga setuju supaya melantik guru kontrak untuk guru-guru yang bersara, ini kita telah dan akan buat, sebenarnya Kementerian Pendidikan baru dapat turunkan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan (SPP) supaya membolehkan Kementerian Pendidikan untuk mengambil untuk melantik guru kontrak yang dinyatakan.

Ini adalah satu cara yang kita boleh lakukan untuk membantu mengatasi kekurangan guru. Selain daripada itu, Yang Berhormat sebut guru yang sedang berkhidmat sebagai guru sandaran tanpa terlatih. Ini juga Kementerian Pendidikan telah berfikir dan sedang menimbang bahawa mungkin kita akan mengadakan kursus dalam musim cuti. Perkara ini masih dalam peringkat pertimbangan, kalau ia dapat dilaksanakan ini juga akan memberi peluang yang lebih luas kepada guru-guru sandaran tanpa terlatih untuk diterima masuk dalam maktab perguruan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian telah mengenal pasti bahawa guru-guru Sains tidak mencukupi. Soalan tambahan saya, bagaimana prestasi subjek Sains bagi pelajar-pelajar yang menghadapi peperiksaan?

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat, walaupun kita menghadapi kekurangan guru dalam bidang Sains. Walau bagaimanapun, ia tidak akan menjejaskan prestasi pelajar kerana kita menganggap adalah masih cukup untuk menggunakan guru-guru yang memberikan pengajaran kepada pelajar supaya dia tidak akan menjejaskan prestasi mereka.

11. **Tuan N. Marimuthu** minta Kementerian Pendidikan menyatakan mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap guru-guru yang menanam sikap 'antikerajaan' terhadap pelajar-pelajarnya. Nyatakan jumlah guru yang terlibat dalam gejala ini semenjak Januari, 1999.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang memandang berat terhadap perbuatan guru-guru yang disahkan menanam perasaan antikerajaan kepada para pelajar. Jika seorang guru disahkan terlibat tindakan tatatertib akan diambil kerana perbuatan tersebut boleh ditafsirkan sebagai tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, kementerian ini juga mengamalkan pendekatan lain seperti cara pentadbiran iaitu dengan menukarkan pegawai berkenaan ke sekolah lain. Kaedah lain ialah cara pencegahan, iaitu mengadakan program latihan dan penerangan bagi meningkatkan integriti dan kesediaan di kalangan pegawai-pegawai. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tee Thio ng Hock:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita telah dengar jawapan dari Timbalan Menteri yang begitu jelas berkenaan dengan guru yang tidak bekerjasama dengan kerajaan.

Di sini saya mahu bertanya apakah kita boleh buat reward kepada guru-guru yang cukup bekerjasama dengan kerajaan selain dari naik gajilah [*Ketawa*] kerana kita tahu juga dalam profesion ini kebanyakan guru adalah guru yang baik dan efisien, bertanggungjawab dan juga ada guru yang cukup pandai dan cerdik dan mempunyai idea-idea yang begitu bright idea. Di sini saya ingin bertanya Timbalan Menteri apa jenis ganjaran yang akan diberi kepada guru-guru yang telah pun introducekan itu ataupun gunakan sistem no loceng, sistem no bell di sekolah-sekolah yang saya diberitahu ada beberapa sekolah di Selangor telah pun menjalankan sistem ini.

Kita melalui satu sistem pendidikan yang lepas, kita ikut loceng, bila loceng dibunyikan kita masuk kelas, ada loceng kita bangun kita pergi ke tandas. Jadi, banyak masa telah pun dibuang, lepas loceng dibunyikan guru masuk kelas, lima minit atau sepuluh minit telah dibuang untuk menyeliakan.

Jadi, dalam sistem baru ini loceng pada waktu sekolah dimulakan, loceng pada waktu sekolah ditamatkan dan loceng pada waktu recess. Jadi, di antara waktu-waktu, di antara period-period itu langsung tidak ada loceng. Murid jadi lebih berdisiplin, mereka tidak tunggu loceng untuk keluar ke tandas.

Saya diberitahu oleh kerana tidak ada loceng, without no loceng memang sekolah pun tidak memerlukan tandas yang begitu banyak, dengan izin, the students just forget about the toilet, it is very amazing.

Jadi, saya mahu bertanya di sini sistem ini saya diberitahu telah pun dieksperimen di beberapa sekolah di Selangor, kalau ini dibuktikan sebagai satu sistem walaupun begitu simple tetapi begitu efektif, apakah ganjaran kementerian akan beri kepada guru-guru ini? Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang kemukakan soalan tambahan.

Pertamanya, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa guru ini sebenarnya kebanyakan guru adalah memang setia kepada kerajaan. Cuma segelintir sahaja satu, dua orang yang melakukan kesalahan melibatkan diri secara aktif dalam politik dan menanamkan perasaan antikerajaan.

Bila Yang Berhormat tanya soalan ini, bukan bermakna masalah ini telah menjadi satu masalah yang rumit, masalah yang besar. Ini saya tekan di sini, cuma satu dua orang sahaja. Walaupun guru-guru ini telah pun kita kenal pasti dan kita telah pun menasihatkan mereka jangan melibatkan diri, jangan buat sesuatu yang tidak akan mendatangkan manfaat kepada sesiapa pun.

Jadi, saya rasa masalah ini kita akan tangani dengan cara yang baik dan saya juga rakamkan sebanyak terima kasih kepada guru kerana guru ini memang memainkan peranan yang penting, seperti Yang Berhormat sebut mempunyai inisiatif yang cukup baik, tanpa loceng tetapi murid-murid akan juga mengikut disiplin.

Jadi, ini satu cara yang baik. Pada hemat saya, guru itu tidak mungkin, bukan memandangkan ganjaran untuk melahirkan sesuatu fikiran atau innovation, dengan izin. Bagi saya kalau guru ini melihat muridnya tanpa mendisiplin, meningkat prestasinya, ini merupakan satu ganjaran yang cukup membanggakan. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya lebih kurang dengan Yang Berhormat tadi, cuma mungkin mekanismenya lain sedikit. Bagaimana pandangan kerajaan jika terdapat guru ini amat cemerlang dalam kerjaya profesionalismenya, cuma mereka simpati sedikit sahaja dengan pembangkang. Jadi, macam mana pandangannya?

**Dato' Hon Choon Kim:** Yang Berhormat, diucapkan sebanyak terima kasih. Sebenarnya pendirian kerajaan ialah guru itu masa mengajar tidak boleh menanam perasaan antikerajaan, itu tidak patut dilakukan. Tetapi di luar sekolah untuk pegawai DG3 dan ke atas memang tidak boleh melibatkan diri langsung dalam politik. Cuma untuk guru bukan ijazah, bukan graduate mungkin boleh tetapi itupun mesti dapat keizinan daripada Kementerian Pendidikan barulah mereka boleh pegang jawatan.

Kita tidak hendak memastikan semua cikgu mesti sokong, mesti dalam fikiran apa cara pun mesti sokong kerajaan, tidak tetapi untuk mereka masa mengajar tidak boleh menanam semangat bahawa parti itu baik, parti itu buruk, tidak boleh. Itu jawapan saya.

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Istilah antikerajaan ini saya rasa sedikit subjektiflah sekarang ini sebab ada Kerajaan PAS, ada Kerajaan Barisan Nasional. So, istilah ini saya rasa mesti digunakan di tempat-tempat yang sesuai, macam di Kelantan tidakkan kita tidak boleh antikerajaan, guru-guru tidak boleh antikerajaan. Kalau di Selangor memanglah kita tidak mahu dia antikerajaan sebab kita Barisan Nasional kan. So, saya hendak pastikan kementerian ini, bolehkah kementerian tentukan satu istilah yang lebih istimewa dan lebih khas kepada golongan guru ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar, apa yang kita hendak tekankan ialah bagi seseorang guru itu tidak kira sama ada bertugas di Kelantan atau di Terengganu atau di negeri-negeri lain tetapi untuk mereka tidak boleh menanam semangat antikerajaan, antikerajaan makna kerajaanlah, tidak kira kerajaan apa. Kerajaan yang diberikan mandat untuk mentadbirkan negara kita ini. Itu kita katakan kerajaan, oleh kerana itu kita hendak guru itu tidak boleh melahirkan perasaan untuk antikerajaan, itu maksud saya.

12. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan peguam yang dihukum pada tahun lepas dan ini oleh sebab gagal membaharui sijil praktis tahunan mereka.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peguam yang dihukum pada tahun 1999 atas alasan gagal membaharui Sijil Amalan Tahunan mereka. Pada tahun 2000 terdapat seorang peguam yang dihukum enam bulan penjara melalui prosiding penghinaan mahkamah disebabkan tidak mempunyai Sijil Amalan Tahunan.

Permohonan untuk menggantung hukuman telah ditolak di Mahkamah Rayuan baru-baru ini, beliau telah merayu ke Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Persekutuan telah membenarkan penggantungan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Rayuan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, fenomena tidak membaharui Sijil Praktis Tahunan ini baru timbul dengan mungkin pesat, kalau kita baca dalam surat khabar, dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sebelum itu mungkin fenomena ini tidak begitu ketara. Adakah kementerian mengkaji sebab-sebabnya selain daripada kelalaian.

Dalam surat khabar ada dibacakan, dikatakan peguam itu lupa hendak mengambil tindakan ini tetapi selain daripada itu adakah ini disebabkan oleh kegagalan mereka menyediakan akaun dan juga adakah itu disebabkan bahawa dari segi amalan mereka itu kurang memuaskan dan dari segi mengaturkan akaun-akaun pelanggan mereka, adakah itu juga ada masalah dan sebagainya. Kalau ini telah dikaji bolehkah kita diberitahu apakah sebabnya selain dari kelalaian? Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi amalan ini tidaklah berleluasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kita berharap Majlis Peguam yang bertanggungjawab kepada ahli-ahli untuk menasihat bahawa ahli-ahli mereka adalah lebih bertanggungjawab untuk menentukan bahawa mereka ada sijil amalan yang diperlukan sebelum pergi ke mahkamah atau sebelum jadi Peguam Cara.

Jadi, dengan cara itu saya rasa masalah ini dapat dikurangkan dan kita percaya kalau semua pihak bekerjasama ianya tidak menjadi masalah.

13. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku terutama di ibu kota.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang berat tentang masalah banjir dan tindakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang sedang diambil bagi mengatasi masalah banjir di ibu kota. Tindakan rancangan jangka pendek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. pelaksanaan program penyelenggaraan sungai seperti membuang kelodak untuk mendalamkan sungai yang telah menjadi cetek;
- ii. mengutip sampah-sarap dari sungai untuk memastikan aliran banjir tidak dihalang oleh sampah-sarap yang boleh mengakibatkan banjir;
- iii. pemindahan setinggan dari kawasan tepi sungai supaya kerja-kerja penyelenggaraan dan penggunaan sungai dapat dijalankan; dan
- iv. penyelarasan kerja-kerja di dalam dan berdekatan sungai melalui Jawatankuasa Petugas Banjir dengan ahli-ahlinya mempunyai tanggungjawab masing-masing seperti Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya.

Manakala, rancangan jangka panjang pula adalah seperti berikut:

- i. pembaikan sungai utama iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak dan Sungai Batu. Kerja-kerja masih dalam pelaksanaan dan kemajuan setakat sekarang adalah dalam kadar 35% siap;
- ii. pembaikan anak-anak sungai di Wilayah Persekutuan. Kerja-kerja masih dalam pelaksanaan dan kemajuannya adalah 60% siap;
- iii. pembinaan empangan takungan air di hulu Sungai Klang atau Sungai Batu. Kerja-kerja ini telah siap; dan
- iv. mengenal pasti kolam-kolam bekas lombong yang sesuai dijadikan kolam tanggukan banjir. Setakat ini tiga kolam telah dirizabkan untuk tujuan ini dan 24 kolam lagi dikenal pasti sebagai untuk kolam takungan banjir.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan tadi, saya boleh memahami bahawa pengaliran sungai seharusnya berjalan dengan lancar tidak ada sekatan dan sebagainya tetapi yang menghairankan, bagaimanakah tiang-tiang jambatan daripada Jalan Ampang untuk jejambat, jalan atas telah didirikan di dalam sungai itu sendiri yang telah menjadi sebab utama menyebabkan kebanjiran di Kampung Baru. Bagaimanakah tiang-tiang itu boleh dibenarkan didirikan di dalam sungai dan tidakkah ini difikirkan lebih dahulu oleh pihak yang teratas sekali sebelum diluluskannya kepada pihak *developer*.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banjir baru-baru ini bukanlah sebabnya kerana tiang-tiang itu tetapi oleh kerana ada kerja-kerja pembinaan di tempat-tempat tersebut yang belum siap dan juga telah melambatkan usaha-usaha Jabatan Taliair untuk menyiapkan benteng-benteng yang hendak dibuat. Maka pihak berkenaan memang telah menimbang kesan pendirian tiang-tiang tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar

14. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak kerajaan mendapat maklumat dan bertindak terhadap para pelajar institusi pengajian tinggi yang terlibat aktif secara terancang dan berkumpul dalam kempen politik pembangkang ketika Pilihanraya Umum lepas.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, pihak universiti dapat mengesan penglibatan pelajar dalam politik jika mereka berada di dalam kampus semasa sesi pengajian. Walau bagaimanapun, semasa pelajar balik bercuti pihak universiti tidak dapat mengawal penglibatan mereka dalam aktiviti mana-mana parti politik. Oleh yang demikian, pihak universiti terpaksa bergantung kepada laporan dan bukti-bukti yang kukuh yang diperolehi daripada pihak polis sekiranya terdapat bukti-bukti yang sahih, pelajar terbabit akan diambil tindakan berdasarkan peraturan-peraturan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan pindaan 1996. Tindakan-tindakan yang boleh diambil ialah memberi amaran, digantung pengajian dan juga disingkirkan dari universiti.

15. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) berapakah purata jangka hayat yang biasanya dimiliki oleh wanita-wanita Malaysia berdasarkan kepada klasifikasi kaum dan kawasan kediaman (bandar/luar bandar) merujuk kepada rekod terbaru yang ada dalam kementerian; dan
- (b) apakah punca-punca utama kematian wanita di Malaysia dan bagaimanakah taraf kesihatan mereka jika dibandingkan antara tahun 1995 dengan tahun 1999.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, jangka hayat semasa lahir untuk 1998 pada amnya bagi kaum wanita di Malaysia adalah 74.6 tahun. Jangka hayat semasa lahir bagi wanita kaum bumiputera Melayu atau lain-lain bumiputera adalah 73.1 tahun. Bagi wanita kaum Cina adalah 77.7 tahun dan bagi wanita kaum India adalah 72 tahun.

Pada masa ini pihak Jabatan Perangkaan Malaysia tiada perangkaan bagi jangka hayat wanita mengikut kediaman iaitu bandar atau luar bandar. Di antara

punca utama kematian wanita di Malaysia adalah penyakit sistem pengedaran darah dan penyakit *neoplasm* atau ketumbuhan. Semenjak beberapa tahun kebelakangan, termasuk tahun-tahun 1995 sehingga 1999 terdapat peningkatan yang ketara di dalam taraf kesihatan wanita. Ini dapat dilihat daripada beberapa *integrator* kesihatan seperti penurunan kadar kasar kematian bagi wanita daripada 4.4 bagi setiap 1000 penduduk dalam tahun 1983 kepada 4.2 bagi 1000 penduduk dalam tahun 1998.

Peningkatan jangka hayat semasa lahir untuk kaum wanita daripada 71.6 tahun pada 1993 kepada 74.6 tahun pada 1998. Penurunan kadar kematian ibu bersalin daripada 83 kematian bagi 100,000 kelahiran hidup dalam tahun 1975 kepada 20 kematian bagi 100,000 kelahiran hidup pada tahun 1998. Dan peningkatan kadar kelahiran selama daripada 85.1% dalam tahun 1985 kepada 95.3% dalam tahun 1996.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri saya ingin juga bertanyakan soalan tambahan. Bagaimana pula jangka hayat orang lelaki. Dan apakah punca-punca utama kematian orang lelaki. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka menunjukkan jangka hayat bagi lelaki. Saya bercadang akan memberikan jawapan secara bertulis. Walau bagaimanapun, biasanya jangka hayat lelaki memang pendek, rendah daripada kaum wanita. *[Ketawa]*

16. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk menyediakan kawasan pertanian yang baru untuk mangsa-mangsa wabak JE untuk membolehkan mereka mencari nafkah baru.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak mempunyai rancangan khusus untuk menyediakan kawasan pertanian yang baru bagi mangsa-mangsa wabak JE atau Nipah. Ini adalah kerana mereka telah menggunakan kawasan ladang yang sedia ada untuk mencari nafkah baru seperti menceburi aktiviti pertanian yang lain yang telah dikenal pasti iaitu seperti akuakultur, menternak ayam, lembu, kambing dan katak, buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga. Terima kasih.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini apakah bantuan atau pampasan yang diberi oleh kerajaan kepada mangsa-mangsa tersebut.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dari segi pampasan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk mangsa-mangsa tersebut dan juga dari segi penasihat dan perancangan untuk membuat penternakan pilihan baru selain daripada penternakan babi di kawasan-kawasan yang telah terlibat.

17. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah jumlah pakar-pakar perubatan dan pembedahan dalam perkhidmatan kerajaan terutama sekali di negeri-negeri di mana hospital pakar swasta tidak ada.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi Kementerian Kesihatan. Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah jumlah pakar-pakar perubatan dan pembedahan dengan menggalakkan lebih ramai pegawai-pegawai perubatan memasuki kursus sarjana perubatan. Pada masa ini ada 16 program sarjana yang ditawarkan di universiti tempatan dan meliputi pelbagai disiplin teras seperti perubatan dalaman, pediatric, pembedahan, orthopedic, perbidanan dan sakit puan hingga ke disiplin yang lebih khusus seperti perubatan kecemasan, perubatan rehabilitasi, perubatan sukan dan 'rehabilitasi' dan lain-lain. Jumlah calon yang sedang menjalani kursus sarjana perubatan dari tahun satu hingga ke tahun empat ialah 1,412 calon.

Di masa kini juga telah diadakan kursus sarjana perubatan melalui Program Sistem Terbuka atau Open System, dengan izin. Ini bermakna sebahagian besar daripada pegawai-pegawai perubatan yang mengikuti kursus tersebut ditempatkan di hospital-hospital kementerian. Dengan cara ini lebih ramai pegawai-pegawai perubatan berpeluang untuk mengikuti kursus tersebut dan dianggarkan sebanyak 150 ke 250 pegawai perubatan lulus peperiksaan kursus sarjana setiap tahun.

Selain daripada itu pihak kementerian juga bekerjasama dengan kolej-kolej luar negara untuk mengadakan peperiksaan *post graduate* di dalam negara. Sehubungan dengan itu lebih ramai pegawai perubatan berpeluang untuk menduduki peperiksaan tersebut. Kementerian juga mengambil pakar secara kontrak sama ada warganegara ataupun bukan warganegara untuk menangani kekurangan pakar-pakar.

Dalam penempatan pakar-pakar, kementerian hanya menumpukan pengagihan pakar-pakar ke hospital kerajaan. Oleh itu pengagihan pakar-pakar di antara negeri-negeri tidak seimbang memandangkan pakar-pakar di sektor swasta hanya menumpukan perkhidmatan mereka di tempat-tempat tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempat-tempat yang tidak mempunyai pakar-pakar perubatan dan pembedahan, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada mereka yang perlu perhatian pakar ini. Dan sekiranya mereka di dalam keadaan tenat, berapa cepat kementerian ataupun pihak hospital dapat menghantar mereka ini ke hospital-hospital yang mempunyai pakar. Kerana selalunya, memandangkan masa yang begitu lama diambil kadang-kadang pesakit yang tenat kadang-kadang tidak sempat dihantar pergi untuk diberi rawatan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar di kawasan-kawasan tertentu memang sukar untuk mendapatkan perkhidmatan doktor pakar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sentiasa cuba berusaha. Kalau kita lihat, kalau kita banding dengan dulu dan sekarang memang keadaan berubah. Jadi, ini kita mesti merakamkan banyak terima kasih, tahniah kepada Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang cukup baik, mengikut kemampuan kerajaan pada masa sekarang ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapa peratus negara memerlukan pakar-pakar perubatan berbanding dengan bilangan rakyat kita. Contohnya, kita perlukan pakar-pakar penyakit puan. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tentang angka ini saya tidak ada. Saya cadang memberi jawapannya secara bertulis.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan tambahan. Yang pertama, berapa ramai doktor pakar yang telah dilatih oleh kerajaan lepas itu berpindah ke hospital swasta. Yang kedua, bagaimanakah kedudukan kes yang berlaku dalam surat khabar, menyatakan seorang suami melaporkan isterinya dibidani oleh doktor pelatih. Bukan doktor yang berkelayakan. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal hospital swasta. Memang Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang perkhidmatan yang

diberikan oleh hospital-hospital swasta atau klinik-klinik swasta. Pada hemat saya, kalau mereka tidak mencukupi kakitangan ataupun pegawai-pegawai perubatan sudah tentu mereka tidak dibenarkan untuk mengendalikan ataupun memberikan perkhidmatan perubatan secara pakar ini. Jadi saya ambil maklum tentang masalah ini dan sudah tentu pegawai dari Kementerian Kesihatan pun ada dan akan diberi perhatian yang serius.

18. **Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah benarnya dakwaan bahawa proses pendaftaran ubat-ubatan tradisional tempatan telah mengambil masa yang panjang untuk didaftarkan dan adakah ubat-ubatan tersebut selamat digunakan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin juga memberikan jawapan bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Dakwaan bahawa masa proses pendaftaran ubat-ubat dan tradisional tempatan panjang adalah tidak tepat. Masa yang diambil untuk mendaftarkan ubat tradisional ialah di antara empat hingga enam bulan. Tempoh ini adalah munasabah untuk menilai dengan terperinci dokumen mengenai pengeluaran yang hendak didaftarkan. Untuk memastikan keselamatan dan kualiti ubat, keluaran juga dianalisis untuk memastikan kandungan logam berat dan contamination micro organisma tidak melebihi had. Dan, masa pengecualian untuk ubat biji tidak melebihi masa yang ditetapkan. Keluaran tradisional juga dianalisis untuk memastikan tiada bahan-bahan kimia atau racun berjadual. Pihak kementerian juga membuat pemeriksaan untuk memastikan pengusaha ubat tradisional mengamalkan amalan pengilangan yang baik semasa pengeluaran atau pengilangan ubat tradisional.

Walaupun jumlah permohonan keluaran tradisional telah meningkat sebanyak 61.72% iaitu dari 776 pada tahun 1998 kepada 1,255 pada tahun 1999, pemohon yang berjaya diproses pada masa yang ditetapkan masih tinggi iaitu 99.8% pada tahun 1998 dan 91.34% pada tahun 1999. Dalam proses pendaftaran keluaran tradisional, dinilai dari segi kualiti dan keselamatan ubat. Keluaran adalah selamat selagi pengusaha ubat tradisional mengekalkan kualiti ubat seperti yang dibuat semasa permohonan. Sekian, terima kasih.

19. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan 'research and development' dalam bidang sains di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan research and development dalam bidang sains di negara ini iaitu antaranya ialah:-

- (i) memperkenalkan skim pembiayaan R&D bagi sektor awam iaitu semenjak Rancangan Malaysia Kelima melalui program Intensification of Research on Priority Area (IRPA), dengan izin dengan peruntukan sebanyak RM400 juta. Peruntukan untuk program ini telah ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada RM600 juta dan seterusnya kepada RM935 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh;
- (ii) menggalak dan mempertingkatkan penglibatan pihak swasta dan aktiviti R&D melalui pengwujudan skim-skim geran penyelidikan seperti Industry Grant Scheme, Multimedia Grant Scheme dan Demonstrator Application Grant Scheme;
- (iii) memperkenalkan satu skim bagi pembangunan sumber manusia dalam bidang S&T dan program National Science Fellowship untuk penyelidikan bagi menggalakkan dan menyokong aktiviti penyelidikan di negara ini. Kerajaan juga melaksanakan program-program lain seperti Pangsa Siswazah bagi membiayai para penyelidik di universiti-universiti tempatan menjalankan penyelidikan dan meningkatkan keupayaan dalam R&D; dan
- (iv) di bawah program Penggalakan Sains, pengiktirafan kepada saintis-saintis negara telah diberi melalui pelbagai anugerah sains pada setiap tahun. Penyertaan saintis Malaysia dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa, anugerah-anugerah yang diperolehi telah diberi liputan yang

meluas dengan harapan akan dapat mempertingkatkan lagi kegiatan R&D di Malaysia.

20. **Datuk Christine Tibok Vanhouten [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh kerajaan bagi memperkukuhkan dan memantapkan pengurusan hal-ehwal belia dan pertubuhan belia yang sedia ada dalam negara supaya menjadi lebih cekap dan berkesan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan pelbagai program induk sebagai agenda pembangunan belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, berdasarkan Pelan Dasar Pembangunan Belia Negera. Agenda Perdana Pembangunan Belia ini adalah mampu untuk meneruskan agenda negara selaras dengan cita-cita Malaysia yang maju menjelang alaf baru ini.

Agenda Perdana Pembangunan Belia yang dilaksanakan secara berterusan untuk memantapkan kerjaya dan potensi belia dalam pembangunan termasuk:-

- (a) Program Pembangunan Usahawan Belia yang dilaksanakan bertujuan ke arah belia berniaga, belia usahawan, belia celik niaga, belia berdikari, belia dengan komputer, belia bermaklumat dan sebagainya. Dengan pendekatan baru dan strategi yang lebih futuristik yang disediakan oleh kementerian ini, adalah diharapkan ianya dapat melahirkan belia yang berjaya dan berdaya saing dalam menghadapi persaingan ekonomi global hari ini.
- (b) Program Pembangunan Latihan dan Kemahiran Belia dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan latihan-latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan-keperluan industri untuk belia yang berumur dalam lingkungan usia 17 tahun hingga 25 tahun. Program-program latihan kemahiran jangka pendek, jangka panjang di Institut-Institut Kemahiran Belia Negara dan institut-institut kemahiran swasta, latihan sambil kerja atau *on job training*, dengan izin, skim perantisan dan sebagainya, ianya diadakan secara menyeluruh di seluruh negara bagi menyediakan belia-belia berkemahiran bagi mendukung cita-cita negara dalam abad baru ini.

- (c) Program Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah Belia yang bertujuan ke arah melahirkan belia-belia yang berkepimpinan, berketerampilan, bermotivasi tinggi, patriotik, berdaya saing, mempunyai rasa tanggungjawab, bermasyarakat dan sebagainya. Pelaksanaan program-program kepimpinan di Institut Kepimpinan Belia Negara, Program Motivasi Perdana, Program Khidmat Sosial Negara, program-program kepimpinan dan keantarabangsaan dan sebagainya adalah merupakan program-program ke arah melahir dan memantapkan kepimpinan dan sahsiah belia-belia bagi alaf baru ini. Program-program ini dilaksanakan dengan perkongsian bestari atau smart partnership, dengan izin, yang menyeluruh dan bersepadu di antara kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan belia, NGO, agensi-agensi kerajaan lain, swasta dan institut-institut tempatan.
- (d) Program Pembangunan Rakan Muda yang dilaksanakan secara menyeluruh dan tersusun dengan mengambil kira minat dan cita rasa semua golongan remaja dengan menekankan kepada nilai jati diri, patriotism, rasa tanggungjawab, keagamaan, kepimpinan dan sebagainya kepada belia di kilang-kilang industri institut pengajian tinggi awam dan swasta, belia bandar, belia dalam rancangan tanah, pusat membeli-belah, perumahan awam dan sebagainya.

21. **Dato' Ting Check Sii [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) jumlah pertubuhan belia dan jumlah ahlinya mengikut kaum yang masih aktif dan yang tidak aktif atau terbatal; dan
- (b) jumlah pembekalan komputer kepada persatuan belia.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1998 terdapat sebanyak 7,960 buah pertubuhan belia yang berdaftar dengan keahlian seramai lebih kurang 2 juta orang. Daripada jumlah tersebut hanya 39.2% sahaja yang aktif iaitu

menjalankan beberapa program setahun dengan melibatkan seramai 415,956 orang ahli sedangkan 36.9% adalah dianggap kurang aktif iaitu hanya melaksanakan satu atau dua program setahun sahaja. Sebanyak 23.9% pertubuhan tidak aktif iaitu pertubuhan yang tidak menjalankan sebarang aktiviti sama sekali. Dengan demikian masalah sebanyak 76% sahaja pertubuhan belia yang berfungsi dan pihak kementerian sedang mengemaskinikan taburan keahlian belia mengikut kaum, jantina dan peringkat umur.

Pihak kementerian buat masa kini masih belum lagi membekalkan komputer-komputer kepada persatuan-persatuan belia. Ini adalah kerana ketiadaan peruntukan mengenai perkara tersebut.

**Dato' Poo Yew Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apa sebabnya begitu banyak pertubuhan belia yang tidak aktif pada masa sekarang, adakah benar pertubuhan itu mengalami kekurangan wang atau tenaga?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan beliau. Sebenarnya kelesuan pertubuhan-pertubuhan belia yang dianggap tidak aktif itu tidak semestinya disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Setahu saya, peruntukan ini hanya dapat membantu menggerakkan pertubuhan-pertubuhan NGO ataupun pertubuhan-pertubuhan belia tetapi tidak semestinya dapat menjamin kejayaan mereka.

Pada hakikatnya, dari pengamatan saya, terdapat pertubuhan-pertubuhan belia yang dianggap lesu itu adalah berpunca dari pucuk pimpinannya, umpamanya setakat ini masih terdapat lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang di luar lingkungan umur belia misalnya, ini juga merupakan satu-satunya gejala yang dihadapi oleh persatuan-persatuan belia yang lesu.

22. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menentukan segala usaha mempertingkatkan industri pelancongan di luar negeri mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah melancarkan kempen publisiti yang baru iaitu *Malaysia Truly Asia*

sempena perarakan Citrawarna Malaysia pada 16 Oktober 1999. Kempen ini bertujuan untuk menonjolkan kebudayaan berbilang kaum di Malaysia dan dengan itu semua bahan promosi pelancongan yang baru juga menggunakan *tag line* kempen publisiti ini. Di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan adalah:-

- (i) kempen pengiklanan memaparkan budaya berbilang kaum melalui media cetak dan elektronik;
- (ii) pengedaran maklumat berkenaan perkara ini semasa penyertaan dalam pameran antarabangsa, seminar, misi galakan dan taklimat yang diadakan sama ada di dalam atau di luar negeri;
- (iii) mengutarakan persembahan kebudayaan, kesenian berbilang kaum yang terdapat di Malaysia di luar negeri semasa Pameran Pelancongan Antarabangsa dan misi galakan pelancongan; dan
- (iv) menjemput crew perfileman, media dan ejen luar negeri ke destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia supaya dapat melihat sendiri komponen kaum-kaum di Malaysia yang menjadi penarik bagi pelancong-pelancong ke negara ini.

Terima kasih.

23. **Dato' Ting Check Sii [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah anggota tentera kita tidak diwajibkan menabung dalam LTAT ataupun KWSP sedangkan pekerja asing perlu mencarum dan mendapat faedah dari KWSP, yang demikian kebajikan anggota tentera dapat dijamin selepas mereka tamat perkhidmatan tentera mereka.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang berfungsi dan memberi kemudahan kepada anggota tentera, sama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sejak dari semakan gaji Tan Sri Sheikh Abdullah tahun 1972, kerajaan melalui Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Pindaan 1980), telah menetapkan bahawa askar-askar Angkatan Tetap diwajibkan menabung dalam LTAT. Kadar caruman yang dibuat oleh askar-laskar berkenaan adalah sebanyak 10% daripada jumlah gaji manakala kerajaan akan mencarum sebanyak 15% daripada gaji askar-askar

berkenaan. Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa anggota tentera tidak diwajibkan menabung dalam LTAT ataupun KWSP adalah tidak benar sama sekali.

24. **Dato' Tee Thiong Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) keadaan NPL di sektor perbankan yang terkini; dan
- (b) semenjak tahun 2000 hingga hari ini, berapa banyakkah jumlah mata wang asing yang telah dilabur di negara kita dan berapa dilabur di Bursa Saham Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang semakin pulih turut mempertingkatkan kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka dan seterusnya menurunkan paras NPL. Nisbah NPL bersih sistem perbankan telah menurun dari paras tertinggi sebanyak 9% pada akhir bulan November 1998 kepada 6.7% pada akhir bulan Januari 2000. Paras NPL yang terkawal dalam sistem perbankan adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh penjualan NPL kepada pengurusan Dana harta Nasional Berhad.

Bagi tempoh Januari hingga 3 Mei 2000 jumlah bersih pengaliran masuk dana pelabur asing baru melalui akaun luaran khas adalah sebanyak RM1.461,000 juta. Adalah dianggarkan bahawa sebahagian besar daripada kemasukan tersebut telah dilaporkan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Langkah kerajaan menubuhkan Dana harta untuk menguruskan dan mengurangkan beban NPL yang ditanggung oleh institusi-institusi perbankan kita dan langkah-langkah lain yang conducive, dengan izin, dan mampu menggalakkan kemasukan para pelabur telah meningkatkan lagi keyakinan mereka terhadap kemantapan dan kekuatan ekonomi negara dan pulangan yang baik untuk pelaburan mereka di negara ini.

25. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tidak mempunyai hakim yang mencukupi, jika benar, bilakah mereka akan dilantik bagi memenuhi keperluan tersebut.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan jawatan Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ialah sebanyak dua jawatan di mana satu telah diisi oleh Yang Arif Tuan Yusof bin Musa yang diwartakan pada 9 Mac

2000 dan berkuat kuasa mulai 16 Jun 1999. Sementara satu lagi jawatan masih lagi kosong disebabkan Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Ahmad telah bersara wajib pada 23 November 1999. Walau bagaimanapun, pihak JPA telah meluluskan untuk menyambung perkhidmatan beliau secara kontrak dan kini menunggu kelulusan dan pengesahan dari SPA. Bilangan hakim di Mahkamah Rendah Syariah yang sedia ada ialah lima orang dan empat jawatan telah diisi, satu dalam proses pengisian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun habis.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 26 dan 27 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PINDAAN) 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[10 Mei 2000]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sila sambung.

**11.16 pagi.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam perbahasan saya kelmarin, saya telah menyentuh tentang permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada tabung ini. Oleh kerana bilangan pelajar yang telah memohon pinjaman daripada tabung ini lebih daripada 110,000 orang, maka nampaknya tabung ini membantu ramai pelajar. Kelmarin saya telah menyarankan bahawa setiap permohonan itu kena dilayan, itu disebabkan setahu saya ada pelajar-pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka oleh kerana kemiskinan. Di negara kita pada hari ini di mana kita sudah begitu maju, maka ini bukanlah satu sebab yang harus menahan seseorang itu daripada meneruskan pelajarannya disebabkan oleh kemiskinan.

Oleh kerana itu, saya minta bahawa setiap daripada permohonan itu diberi layanan oleh kerana pada anggapan saya hanya orang-orang yang memerlukan bantuan ini mengemukakan permohonan itu dan kalau tabung ini ada satu ujian upaya keluarga itu sama ada harus diberi atau tidak, ini sudah boleh tentukan mereka yang harus diberi bantuan. Oleh kerana itu setiap .....

**Puan Jaya Partiban:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hanya ingin menambahkan sedikit pandangan kepada pendapat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi. Semua dasar dan juga peraturan yang ada mahukan supaya ia dilaksanakan dengan adil dan saksama tetapi pelaksanaannya selalu ada sedikit keraguan. Kami dapati adakalanya apabila permohonan diterima, sampai sahaja kepada pegawai-pegawai tertentu, mereka katakan peruntukan telah pun habis.

Saya rasa mungkin cara ia dikendalikan tidaklah begitu adil dan ia patut dilaksanakan tanpa mengira kaum, sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan dan kalau ia memenuhi segala keperluan yang ditetapkan maka tidak semestinya wujud satu situasi di mana jawapan diberi peruntukan sudah pun habis. Tidak kira Melayu ataupun bukan Melayu, kalau mereka meminta permohonan, bererti mereka tidak berdaya meneruskan pelajaran dan apabila satu tabung itu diwujudkan oleh kerajaan dengan satu aspirasi supaya tidak dinafikan hak pelajaran kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran, pelaksanaan itu hendaklah diawasi ataupun ada pemantauan yang perlu untuk menentukan tidak berlaku sebarang penyelewengan ataupun salah guna di pihak kementerian.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pendapat itu. Oleh kerana itu, saya telah menyatakan setiap permohonan itu kalau selepas lulus ujian upaya, maka haruslah diberi bantuan ini dan kalau itu dilaksanakan, maka tidak timbul lagi masalah kekecewaan atau masalah kurang puas hati daripada mereka yang tidak mendapat bantuan ini.

Dalam pembentangan rang undang-undang ini, Menteri tidak menyebutkan tentang bilangan pelajar yang gagal memulangkan atau membayar balik pinjaman. Ini juga satu daripada fakta yang kena diambil perhatian oleh kementerian untuk memastikan setiap pinjaman itu dibayar balik kerana yang dibayar balik itu boleh diguna untuk permohonan-permohonan seterusnya. Dalam jawapan nanti, mungkin saya boleh diberi peratusan pelajar yang gagal membayar balik selepas mereka menamatkan pelajaran mereka. Bagi saya, kalau peratusan ini satu peratusan yang

amat tinggi, maka perkara ini kena diatasi dan setiap kes itu yang gagal membayar balik khasnya mereka yang telah mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian mereka, maka kes-kes macam ini kena diberikan publisiti yang seluas-luasnya sebagai satu tekanan untuk mendapat balik pinjaman ini. Kalau itu dibuat dengan baik, maka tabung ini sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin komen sedikit tentang pindaan kepada Seksyen baru 15A. Setiap kali sesuatu badan itu diberi peluang menceburi dalam lapangan business atau perdagangan atau apa juga rancangan-rancangan dengan harapan mendapatkan keuntungan selalunya kalau tidak dibuat dengan baik, ada masalah. Baru-baru ini....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Dato' panjangkan ucapannya, saya tertarik tentang sistem bayaran balik. Saya tahu tabung ini baru lagi dilancarkan, mungkin tidak ada lagi pelajar yang membayar balik terhadap pinjaman dalam tabung ini. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan perlu memikirkan satu sistem, setiap pelajar yang mempunyai pinjaman daripada tabung ini perlu diberi satu tag ataupun nama ataupun kod supaya lepas sahaja dia habis tempoh pengajian, dia terpaksa mendaftar dirinya dengan Kementerian Sumber Manusia. Setelah itu apabila dia mendapat pekerjaan dia akan dipotong gaji oleh majikan, tidak kira sama ada dia ini kerajaan ataupun swasta, secara langsung melalui tag ataupun kod yang diberi kepada setiap individu yang telah pun meminjam dalam tabung pendidikan. Itu cadangan saya, kalau Dato' bersetuju ataupun boleh komen tentang cadangan ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Long. Saya memanglah bersetuju bahawa cadangan itu adalah satu cara yang baik dan mungkin kementerian boleh mengkaji dari segi bagaimana ia boleh dilaksanakan oleh kerana tiap-tiap tabung yang ada memberi pinjaman selalu ada masalah dari segi membayar balik dan sungguhpun ini adalah satu tabung baru tetapi oleh kerana banyak IPT ini sekarang menawarkan kursus tiga tahun sahaja, so kalau sudah tamat pengajian mereka, sudah berjaya, maka haruslah mereka menjalankan tanggungjawab untuk membayar balik. Cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Long itu tadi, memang satu cadangan yang boleh mengatasi masalah membayar balik ini dan saya bersetuju bahawa ini boleh dikaji dari segi pelaksanaan.

Berbalik kepada Seksyen 15A ini di mana tabung ini akan diberi kuasa untuk mencebur diri dalam beberapa kegiatan perniagaan dengan harapan dapat menambah lagi duit dalam tabung ini supaya ia boleh membantu lebih pelajar. Hanya satu yang saya perlu ingatkan kerana baru-baru ini kita telah membaca Majlis Peperiksaan Malaysia (MEC) telah juga melabur, telah membeli saham dan sebagainya dan harga saham itu telah menurun dan kemudian MEC ini telah mendapat arahan supaya cepat menjualkan saham itu sebaik sahaja keadaan saham itu pulih. Kalau tidak mendapat keuntungan pun dapat balik modal, jangan rugi. So, oleh kerana masalah-masalah semacam ini berlaku, maka kita kenalah berhati-hati dalam perkara ini. Kalau kuasa ini diberi kepada tabung, kita mintalah bahawa sebarang pelaburan itu dibuat selepas kajian yang betul-betul teliti.

Seksyen 15A(a)(v) itu ada dikatakan bahawa di antaranya, “badan ini boleh juga berkongsi dengan orang perseorangan (individual) untuk sebarang skim ini.” Kalau ia mengambil bahagian dengan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, suruhanjaya dan sebagainya mungkinlah risiko itu kurang tetapi kalau ia mengambil bahagian dalam perkongsian dengan seseorang, saya tidak tahulah sama ada risiko itu lebih tinggi ataupun lebih rendah tetapi pada pendapat saya risiko itu adalah lebih tinggi. Oleh kerana itu dalam pindaan ini seseorang itu diletak di bahagian yang bawah sekali iaitu yang last, yang akhir sekali diletak ‘perkongsian dengan seseorang’. Saya minta ini dikaji sama ada sesuai atau tidak sesuai untuk dimasukkan ‘perkongsian dengan seseorang’ untuk mengadakan projek-projek seperti projek-projek untuk menjanakan lagi keuntungan bagi memenuhi keperluan tabung ini.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan saya harap dari segi pelaksanaan, komen-komen saya itu diberi perhatian.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi.

**11.31 pagi.**

**Puan Chew Poh Thoi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta dalam perbahasan rang undang-undang ini kerana ia penting untuk menyediakan peluang bagi generasi muda mendapatkan pendidikan sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui Peraturan Mesyuarat 6(3) saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin mempengerusikan mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Long bin Jidin:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chew Poh Thoi:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengalu-alukan pencapaian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kerana bukan sahaja jumlah peminjamnya meningkat tetapi juga nilai pinjamannya sejak diperkenalkan pada tahun 1997. Nilai pinjaman pendidikan untuk pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dinaikkan daripada RM1,500 pada sesi akademik 1997/1998 kepada RM6,500 pada sesi akademik 1998/1999 sebenarnya melegakan ibu bapa. Malah, bagi yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga ikut merasai sama nikmatnya apabila pinjaman dinaikkan daripada RM4,000 bagi sesi akademik 1997/1998 kepada RM12,000 setahun untuk sesi 1998/1999 bagi jurusan Sastera, sementara peruntukan sebanyak RM12,500 setahun bagi pelajar Sains di tiga universiti swasta iaitu Universiti Telekom, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tenaga.

Melihat kepada angka-angka ini saya bertanya apakah jumlah ini akan kekal untuk selama-lamanya. Saya bimbang IPTS akan menaikkan yuran pengajian dan sudah pasti ini akan menjejaskan peluang pelajar. Apakah kementerian mempunyai cara atau mekanisme bagi mengawal atau menyelia yuran IPTS supaya tidak dinaikkan sesuka hati. Saya berpendapat pihak PTPTN tidak boleh selalu meningkatkan jumlah pinjaman kepada pelajar-pelajar setiap kali IPTS menaikkan yuran. Ini ternyata akan membebankan pelajar-pelajar selepas mereka tamat pengajian universiti kerana jumlah yang dikehendaki dibayar kepada PTPTN begitu besar.

Begitu juga bagi pihak PTPTN jika jumlah pinjaman yang ditawarkan kepada setiap pelajar turut bertambah, adakah ini bermakna pada masa yang akan datang, bilangan pelajar yang menikmati pinjaman itu turut kurang melainkan PTPTN menambahkan lagi saiz tabung supaya jumlah wang bertambah. Ini bermakna beban PTPTN akan semakin bertambah dengan bilangan pelajar yang memohon pinjaman meningkat dan jumlah pinjaman bagi setiap pelajar turut bertambah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kos pendidikan akan meningkat pada masa yang akan datang dan saya jangka lebih ramai pelajar memerlukan pinjaman untuk meneruskan pelajaran mereka.

Belajar di universiti pada masa sekarang bukanlah suatu pilihan lagi tetapi suatu yang diperlukan demi untuk peningkatan ilmu dan juga mencari peluang

pekerjaan yang baik. Pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM tidak lagi dapat mencari peluang pekerjaan yang baik, malah pengetahuan mereka dianggap sebagai terlalu umum. Dalam era teknologi maklumat, masyarakat memerlukan tenaga kerja yang khusus. Misalnya, seorang pelajar dikehendaki mengambil kursus komputer sebab sekarang pelbagai jenis pekerjaan memerlukan pengetahuan komputer. Seseorang pelajar lepasan STPM dan SPM mungkin mempunyai pengetahuan sedikit tentang komputer tetapi yang sedikit itu tidak mencukupi untuk membantunya dalam bidang pekerjaan. Di mana dia boleh dapat meningkatkan pengetahuan komputer? Jawabnya ialah di institusi pengajian tinggi tahap kolej ataupun universiti. Begitu juga bagi pengetahuan dalam bidang kejuruteraan, accountancy, pengurusan dan sebagainya. Pengkhususan dalam bidang tertentu turut membantu mereka mencari pekerjaan selepas tamat belajar.

Kadar pengangguran di kalangan graduan yang begitu besar sekarang iaitu 39,000 lebih begitu merisaukan semua pihak. Ibu bapa turut bimbang setelah berbelanja besar untuk anak-anak mereka dalam pendidikan. Begitu juga bagi para pelajar yang baru menamatkan pelajaran. Pekerjaan belum dapat ditemui dan di sini mereka dibebankan dengan pinjaman yang baru dihabiskan untuk pelajaran.

Bagi pihak PTPTN jika ramai di kalangan mereka yang tidak dapat menjelaskan pinjaman kerana tidak mendapat pekerjaan, ini turut menjejaskan peluang pelajar baru untuk mendapatkan pinjaman. Di sini kita boleh melihat sesuatu kesan rangkaian ataupun chain effect, dengan izin, yang akan menjejaskan beberapa pihak pada masa yang sama. Soal pokoknya jika semua pihak bertanggungjawab, contohnya, pihak universiti memberikan pendidikan yang bagus bagi pelajar, PTPTN mengeluarkan pinjaman untuk mereka belajar dan pelajar membayar pinjaman selepas apabila bekerja, semua pihak akan menikmati sesuatu yang diperlukan dan masyarakat turut aman dan damai.

Saya ingin menyarankan pandangan saya bahawa suatu sistem flexible diwujudkan bagi pembayaran balik pinjaman, contohnya, pelajar dikehendaki mula bayar apabila mereka bekerja. Mereka boleh bayar dalam masa 15 tahun, mereka juga boleh bayar dalam masa 7 tahun jika mereka ingin menjelaskan secepat mungkin.

Selain daripada itu, skim pembayaran mestilah secara komprehensif dan berkesan di mana jika seseorang pelajar enggan menjelaskan pinjaman, mereka boleh

dikesan dengan senangnya. Janganlah sampai ke tahap membawa mereka ke mahkamah dan mengheretkan kes sehingga bertahun-tahun.

Pada pendapat saya, sebarang saman-menyanman di mahkamah mengambil masa yang lama dan juga kos tinggi sebab yuran guaman bukannya murah. Lebih baik menyelesaikan sebarang pertikaian di luar mahkamah. Bagi pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri yang ditugaskan untuk mengutip balik pinjaman, mereka boleh membuat demikian seperti mengutip cukai pendapatan. Skim seperti potongan gaji bulanan membayar cukai juga boleh diwujudkan bagi pelajar menjelaskan pinjaman.

Bagi mereka yang menikmati pinjaman, saya mengalu-alu mereka supaya jangan lupa jasa baik PTPTN yang membantu mereka menghabiskan pengajian di peringkat universiti dan cara terbaik untuk membalas budi ialah bayar balik pinjaman secepat mungkin supaya pelajar lain berpeluang sedemikian.

Saya juga menyarankan penalti ataupun hukuman kepada mereka yang enggan bayar. Pelajar-pelajar boleh dikehendaki menandatangani dokumen sedemikian sewaktu mereka memohon pinjaman. Langkah sedemikian boleh dianggap suatu reminder kepada mereka supaya bertanggungjawab.

Kes-kes pinjaman MARA di mana pelajar-pelajar tidak bayar sehingga nama mereka disiarkan dalam surat khabar ataupun disaman di mahkamah boleh dijadikan suatu amaran kepada pelajar-pelajar, iaitu mereka tidak boleh menikmati pinjaman itu sewenang-wenangnya tanpa bayar. Bagi mereka yang berpengajian tinggi, mereka harus lebih bertanggungjawab dan membantu lebih ramai pelajar menikmati peluang belajar. Sekian sahaja dan saya turut menyokong.

**Datuk Long bin Jidin:** Silakan Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

**11.43 pagi**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpenggil untuk mengambil bahagian dalam perbincangan kali ini, iaitu berkait rapat dengan peluang pendidikan di kalangan anak-anak kita. Fungsi tabung pendidikan untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang kurang berkemampuan amatlah dialu-alukan.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar tidak mengenakan kos perkhidmatan sebanyak 4% kepada para pelajar kerana ia akan membebankan kepada pelajar apabila membuat pembayaran balik pinjaman tersebut. Adalah wajib pinjaman diberikan kepada pelajar secara percuma, iaitu tanpa

mengenakan apa-apa kos tambahan. Kalau dahulu kita dapati kerajaan mampu untuk memberikan biasiswa kepada pelajar tetapi sekarang pinjaman sahaja yang diberikan oleh tabung. Oleh itu, kos tambahan 4% yang dikenakan kepada pelajar dirasakan kurang adil. Di sini saya mohon penjelasan apakah bezanya kos perkhidmatan dengan faedah kerana saya agak keliru dengan istilah yang digunakan dan bimbang sekiranya ia juga melibatkan unsur-unsur riba?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati jangka masa untuk memproseskan pinjaman juga memakan masa yang agak lama. Saya menerima aduan ada pelajar-pelajar yang datang memberitahu perkara ini kepada saya di antaranya daripada pelajar UIA contohnya, yang memohon pinjaman selepas tamat Matrikulasi untuk ke tahun pertama -tahun satu, telah memohon pinjaman pada bulan Disember tahun lalu tetapi hingga sekarang masih belum mendapat apa-apa keputusan sama ada permohonan mereka diluluskan ataupun sebaliknya. Saya merayu kepada pihak tabung pendidikan ini agar memproseskan segera permohonan yang dikemukakan kerana pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan yang amat mengharap dan bergantung kepada pinjaman tersebut untuk meneruskan pengajian.

Di sini juga saya mengambil kesempatan untuk mendapat penjelasan sama ada pelajar yang berjaya memperolehi wang pendahuluan diri ke IPT akan dijamin untuk mendapat pinjaman seterusnya belajar di IPT tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan agar pinjaman yang diberikan kepada pelajar ditukarkan kepada bentuk biasiswa sekiranya pelajar-pelajar tersebut menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pelajaran. Saya rasa cukuplah setakat itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya turut menyokong. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, silakan.

**11.45 pagi**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana berpeluang untuk berbahas sekali lagi pada hari ini. Saya turut sama untuk menyentuh berkaitan beberapa isu yang berkaitan rapat dengan tabung pendidikan tinggi. Memandangkan fungsi tabung pendidikan tinggi sekurang-kurangnya telah mampu untuk mengurangkan masalah kewangan pelajar sewaktu mendaftar di institusi pengajian tinggi.

Di sini, saya mengambil peluang untuk merayu kepada pihak tabung supaya memperluaskan lagi pinjaman ke institusi pengajian tinggi swasta yang lain selain daripada lima ataupun enam buah IPTS yang telah diberi pinjaman kepada pelajar. Cadangan saya ini selaras dengan isu kekurangan pelajar Melayu terutamanya memasuki IPTS kerana kos pengajian di IPTS adalah terlalu tinggi. Sekiranya pinjaman tabung ini diperluaskan kepada IPTS yang lain, maka peluang pinjaman akan terbuka lebih luas dan anak-anak kita akan mampu untuk memasuki IPTS. Hal ini perlu diambil kira kerana tempat belajar di institusi pengajian tinggi awam agak terhad dan sudah pasti IPTS akan menjadi pilihan anak-anak untuk melanjutkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan sehingga sekarang pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS, manakah yang diberikan kemudahan pinjaman oleh tabung pendidikan tinggi ini? Memandangkan tabung telah beroperasi beberapa tahun, berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada pelajar pada tahun 1998, 1999 dan sehingga sekarang serta jumlah pelajar yang menerima kemudahan pinjaman tersebut? Memandangkan bilangan pelajar yang memohon untuk mendapatkan pinjaman adalah tinggi, oleh itu apakah ciri-ciri pemilihan atau syarat kelayakan yang perlu ada pada seseorang pelajar tersebut untuk melayakkan mereka mendapat pinjaman tersebut?

Akhir kata, saya amat mengharapkan agar tabung pendidikan tinggi dapat melaksanakan fungsi dengan baik terutamanya elakkan dalam apa juga bentuk aktiviti yang berunsurkan riba dan yang bercanggah dengan syariat Islam. Sekian, saya turut menyokong.

**Datuk Long bin Jidin:** Sila Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

#### **11.49 pagi**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kepada saya peluang untuk turut serta membahaskan suatu Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000.

Saya ingin menarik perhatian dua perkara sahaja. Pertama sekali, saya ingin menarik perhatian terhadap pindaan Seksyen baru 15A. Saya difahamkan bahawa pada permulaannya tabung pendidikan tinggi ini adalah mendapat sumbangan daripada kerajaan dan sepertimana yang dijelaskan ketika akta pindaan ini dikemukakan bahawa sesungguhnya sekiranya tabung ini hanya mengharapkan

kepada sumbangan daripada pihak kerajaan sahaja, maka boleh jadi tabung ini lama-kelamaan akan kering.

Saya menyokong atas pindaan yang membolehkan tabung pendidikan tinggi ini mengorak langkah bagi menambahkan lagi dana dan sumbangan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan itu. Walau bagaimanapun kita harus ingat apa juga sumbangan yang diberikan oleh kerajaan bermakna ia adalah kumpulan daripada wang rakyat. Sama ada ianya melalui cukai dan hasil-hasil yang lain tetapi soal pokoknya rakyat ada menyumbangkan ke dalam tabung ini melalui sumbangan yang diberikan oleh kerajaan. Saya juga berpendapat bahawa sesungguhnya apabila akta ini dikuatkuasakan ianya haruslah dijalankan dengan penuh teliti dan cermat kerana apabila perbadanan tabung ini nanti menurut kuasa-kuasa yang diberikan oleh pindaan ini akan menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Saya boleh bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Dato' Dr. Chin baru-baru tadi. Apabila sesuatu perbadanan atau sesuatu tabung menyertai mana-mana juga kegiatan perniagaan ianya terdedah kepada untung rugi. Oleh yang demikian itulah kita rasa kita perlu memberikan peringatan supaya sebarang kegiatan perniagaan sama ada melalui usaha sama ataupun melalui cara-cara yang lain sama ada di dalam ataupun di luar negara maka suatu perkara yang perlu diambil ingatan supaya perniagaan itu hendaklah dipastikan sekurang-kurangnya diyakinkan bahawa ianya boleh memberikan pulangan kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini.

Saya tidak hendak membahaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan bagaimana tabung ini hendak memberikan atau hendak meminjamkan kumpulan wangnya kepada pelajar-pelajar kerana ianya sudah banyak dibahaskan oleh sahabat-sahabat kita yang terdahulu tadi. Cuma saya ingin mengambil perhatian di sini bahawa saya difahamkan hanya ada sebilangan kecil sahaja IPTS daripada beratus-ratus IPTS yang ada di negara kita ini yang diberikan peluang pelajar-pelajarnya untuk membuat pinjaman ke atas tabung ini. Saya mencadangkan supaya tabung ini mempertimbangkan juga kepada beberapa buah ataupun beberapa banyak IPTS yang lain selain daripada beberapa buah yang sudah pun diberikan oleh pihak tabung ini kepada pelajar-pelajar di IPTS yang tersebut terutama sekali yang daif iaitu IPTS yang dikendalikan 100% oleh bumiputera sedangkan ianya juga diperakui oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Saya mengharapkan supaya dalam perkara ini tidak ada perbezaan yang begitu jauh apabila pelaksanaan pindaan undang-undang ini dikuatkuasakan nanti. Dan saya juga mengalu-alukan kerana undang-undang ini memperluaskan lagi fungsi dan tanggungjawabnya di mana telah memasukkan pelajar-pelajar politeknik juga boleh memohon pinjaman kepada tabung ini. Dan mudah-mudahan dengan yang demikian itu kita tidak akan melihat lagi pada masa-masa yang akan datang pelajar-pelajar kita yang tercicir jauh ataupun yang tertinggal daripada menyertai pengajian tinggi.

Saya juga mengharapkan pengagihan hutang ini perlulah dibuat secara yang lebih adil dan ianya tidaklah hanya mempertimbangkan orang-orang yang berada sahaja tetapi kita harus memberikan hutang kepada orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan untuk melanjutkan pelajaran mereka kerana mereka tidak mempunyai kewangan yang cukup. Saya rasa kalau sekiranya dalam pengagihan kita memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar kita ini kita mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya mereka yang tidak berada. Kerana saya difahamkan kadang-kadang mereka yang tidak berada ini atas sebab-sebab kerana mereka tidak mampu membayar dan sebagainya kemudian mereka tidak mendapat pinjaman daripada tabung ini. Oleh yang demikian itulah saya mengharapkan semoga pada masa-masa yang akan datang ini keutamaan diberikan kepada orang-orang atau kepada pelajar-pelajar yang sungguh-sungguh memerlukan, tidak mengira kaum sama ada dia dari kalangan orang India, orang Cina atau siapa juga yang layak untuk mendapatkan pinjaman ini kita harapkan supaya dalam pelaksanaannya nanti semuanya ini akan diambil kira.

Kedua, peruntukan-peruntukan yang telah diberikan di dalam pindaan ini juga memberikan kuasa yang lebih luas kepada perbadanan ini untuk berusaha keras bagi menambahkan lagi dana untuk dimasukkan ke dalam tabung ini. Saya mendoakan supaya tabung ini akan berjaya dalam semua kegiatan yang dijalankan. Sama ada dalam usaha-usaha perniagaan yang akan dibuat demi untuk mengisi tabung ini dan kemudiannya akan memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar kita, kita mohonkan kepada Allah S.W.T. supaya orang-orang yang akan mengendalikan tabung ini akan dapat memperlihatkan kepada kita bahawa suatu ketika nanti tabung ini akan menjadi sebuah tabung yang kaya dan kemudiannya bukan ia bagi hutang lagi, bukan bagi pinjam lagi tetapi tabung ini akan memberi biasiswa ataupun macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ahmad apabila pelajar-pelajar kita itu mendapat

keputusan yang cemerlang dia akan diberikan keistimewaan, misalnya dikenakan hanya bayaran – setengah dari hutang tersebut iaitu 50% disumbangkan oleh tabung dan 50% lagi dibayar oleh pelajar-pelajar kerana kaku tidak bayar langsung pun, pelajar-pelajar itu kadang-kadang tidak ingat bahawa sesungguhnya tabung inilah yang dahulu memberikan sumbangan awal kepada mereka. Oleh yang demikian itu kalau kita hendak potong semua pun saya rasa tidak baik juga supaya ada ingatan yang berterusan pada tabung ini pada masa-masa yang akan datang dan mudah-mudahan mereka juga akan menjadi orang yang rajin untuk membayar pinjaman yang tersebut.

Saya juga mengharapkan supaya tabung ini esok jangan pilih bululah. Nanti Orang Asli dia kata, Orang Asli tidak dapat, itu tidak bolehlah, misalannya ya.

**Datuk Long bin Jidin:** Orang Asli bagi biasiswa.

**Tuan Hassan bin Shukri:** Orang Asli dia bagi biasiswa. Kita doakan biasiswa ini akan diteruskan.

Selain daripada itu supaya – dari segi politiknya bila saya bangun orang kata pembangkang padahal kami ini bukan wakil pembangkang sebenarnya, ada empat orang di sini. Kami dari segi Perlembagaan, dari segi perundangan yang saya baca dalam negara ini bukan wakil pembangkang, kami wakil kerajaan, Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Terengganu, tetapi selalu dipanggil di sini wakil pembangkang.

Saya tidak tahulah kerana di sini di Pusat ini kami jadi pembangkang, *wallahu waalam*, tetapi saya melihat dari kaca mata perundangan. Kalau boleh saya harapkan supaya dikurangkan kalimah-kalimah, perkataan-perkataan pembangkang itu.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Datuk Long bin Jidin:** Ada yang minta laluan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya mohon - saya hendak habis, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Yang Berhormat Zainal Rampak.

**12.01 tgh.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya bagi pihak rakan-rakan saya di sini mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik memangku jadi Speaker pada pagi ini. Tahniah, syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya sebelum ini telah banyak menjelaskan beberapa perkara yang harus diperbaiki dari segi sudut kaca mata kita semua demi untuk memantapkan lagi perjalanan dan pelaksanaan bilamana pindaan ini diluluskan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin institut pengajian tinggi dan juga kolej-kolej yang telah ditubuhkan di bawah naungan kerajaan telah *dicorporatisekan* dalam negara kita dan sudah barang tentu daripada sistem *corporatise* ini wujudnya lembaga mentadbirkan institusi yang berkenaan. Saya juga yakin lembaga yang dilantik mempunyai wakil-wakil, orang-orang yang pakar dalam bidang perniagaan, pengurusan, pelajaran dan sebagainya mengendalikan institut pengajian tinggi ini terutama sekali daripada penubuhan perbadanan tabung yang dicadangkan.

Kita telah mendengar di masa-masa yang lepas Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman biasiswa telah tidak dikembalikan oleh penuntut setelah mereka bekerja. Apa kata Tuan Yang di-Pertua, sama ada - saya tidak tahu sebelum saya bercakap ini rakan saya telah menyarankan atau mencadangkan supaya bilamana biasiswa yang telah diberikan kepada penuntut-penuntut dan tiap-tiap penuntut yang menerima biasiswa daripada tabung ini hendaklah membuat satu surat akuan dengan secara terbuka tidak dialamatkan mana-mana syarikat atau badan atau agensi dan hendaklah ditandatangani oleh penuntut yang berkenaan dan bilamana beliau telah tamat pengajiannya bekerja dan surat ini boleh digunakan untuk menghantar syarikat-syarikat, agensi-agensi dan jabatan kerajaan di mana beliau bekerja bagi memastikan potongan dibuat gaji mereka pada tiap-tiap bulan dan dihantar, dikembalikan kepada tabung ini.

Dengan ini bukan sahaja mengelakkan daripada mereka ini tidak menjelaskan pinjaman yang telah diberi Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga memberi satu kesedaran kepada mereka bahawa tabung ini diwujudkan dan wang yang telah diberi kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran bukan merupakan pembayaran sekaligus ataupun

pembayaran secara terus tidak pe ngembalian jadi mereka mesti mengembalikan wang tersebut, dengan cara lain mereka pasti bahawa duit yang diberi adalah duit pinjaman, mereka harus bayar balik dan mereka harus belajar dengan rajin, tekun untuk lulus dan mendapat kecemerlangan.

Ini lebih manfaat bukan sahaja kepada penuntut itu sendiri malahan kepada tabung dan negara sendiri. Jadi saya mencadangkan supaya lembaga Kementerian Pendidikan mewujudkan borang-borang sedemikian bukan sahaja borang pinjaman tetapi borang untuk mereka tandatangani dan setelah mereka bekerja dihantar kepada syarikat berkenaan dan beri kuasa kepada syarikat memotong gaji mereka pada tiap-tiap bulan dan kembalinya. Dengan ini tabung ini tidak akan rugi, tidak akan kekurangan wang dan sentiasa mempunyai wang yang cukup untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada penuntut yang lain yang memerlukan pinjaman daripada tabung ini. Itu satu perkara Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan oleh kerana kami selalu didatangi oleh penuntut-penuntut institut pengajian tinggi – tadi pun saya baru balik daripada UPM, kempen saya gaji minima dan banyak penuntut yang datang untuk berjumpa dengan saya untuk mendapatkan temujanji, mereka ingin untuk belajar dari segi perindustrian, Akta Perhubungan Perusahaan (Industrialization) iaitu Human Resources Development, dengan izin.

Jadi, saya selalu menerima jemputan-jemputan yang sedemikian. Dalam institut pengajian tinggi negara kita Tuan Yang di-Pertua, tidak ada department yang diwujudkan untuk mengajar isu-isu perhubungan perusahaan. Oleh kerana negara kita ini sudah berkembang dengan teknologi, dengan perindustrian masuk, dengan pelaburan masuk, industri kita berkembang begitu besar, pelabur asing masuk, jadi mengapa tidak kita wujudkan department kepada mereka yang ingin untuk melanjutkan pelajaran mereka dari bidang hubungan perusahaan (industrialization).

Dalam masa yang sama kita juga boleh menghantar pegawai-pegawai dari Kementerian Sumber Manusia yang perlu dilatih dalam negara kita, dalam bidang yang berkenaan, melengkapkan diri mereka, dengan ini sepertimana kata saya tempoh hari kes-kes isu pembuangan kerja, isu penamatan perkhidmatan, isu perjanjian bersama dapat diselesaikan, dikendalikan dengan secepat mungkin. Prospeknya Tuan Yang di-Pertua, banyak, kita lihat hari ini banyak institusi secara private telah

ditubuhkan, secara swasta ditubuhkan di negara kita yang mengajar bidang ini waktu petang, waktu hari kelepasan dan sebagainya.

Saya kira prospeknya begitu besar, kenapa kementerian tidak melihat bidang ini adalah satu bidang yang penting juga dalam industrial revolution dalam negara kita dengan izin. Kalau kita boleh lakukan ini Tuan Yang di-Pertua, ini akan dapat memberi faedah bukan sahaja pihak pengurusan, bukan sahaja mereka yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang industrialization tetapi juga untuk mengajar kepimpinan Kesatuan Sekerja di masa-masa akan datang. Next generation after reunion, selepas saya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang saya fikirkan dan saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil ingatan dan beritahu kepada institusi yang berkenaan supaya menubuhkan department yang sedemikian.

Kemudian, perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah soal peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran bukan sahaja harus terletak kepada murid-murid lepasan sekolah sahaja, selepas form six mereka melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi dan sebagainya tetapi juga peluang-peluang harus diberi kepada mereka yang sudah bekerja ingin melanjutkan pelajaran, golongan ini juga memerlukan pinjaman biasiswa daripada tabung ini dan tidak semestinya penuntut lepasan sekolah tetapi mereka yang telah bekerja ingin untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang tertentu yang diminati oleh mereka, mereka juga harus diberikan peluang untuk mendapatkan pinjaman daripada tabung ini bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam pelbagai bidang yang diminati oleh mereka.

Begitu juga dengan kakitangan-kakitangan angkatan tentera, polis, kalau luar negeri Tuan Yang di-Pertua, selepas NAS di Amerika umpamanya selepas National Service waktu mereka masih lagi menuntut bila balik mereka akan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi dengan bantuan pinjaman dan sebagainya. Kenapa tidak kita buka peluang ini kepada pegawai-pegawai angkatan tentera, pegawai-pegawai angkatan polis dan kakitangan awam umpamanya yang ingin melanjutkan pelajaran mereka supaya mereka dapat lebih pengetahuan, mempunyai pelajaran tinggi, mempunyai pengalaman yang tinggi dalam bidang-bidang yang diceburi dan career development di kalangan mereka, terutama sekali kakitangan awam.

Saya yakin, ramai kakitangan awam yang ingin untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap lebih tinggi. Dengan adanya pelajaran yang lebih tinggi, peluang-peluang mereka untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi, mendapat pendapatan yang lebih baik, saya ingat barangkali terjamin. Bukan sahaja pegawai-pegawai yang telah menjawat jawatan yang ada sekarang ini, malahan besar kemungkinan kalangan daripada supporting group, golongan sokongan yang mempunyai pengalaman, Yang Berhormat mempunyai pelajaran, yang ingin untuk melanjutkan pelajaran oleh kerana mereka tidak dapat bekerja oleh sebab kelulusan mereka. Tetapi mereka mempunyai minat untuk melanjutkan pelajaran. Peluang-peluang ini harus diberikan kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran dan memberikan mereka pinjaman dan sebagainya.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, ialah soal pinjaman. Rungutan-rungutan memanglah kita selalu dengar. Soal satu, kelambatan proses pinjaman - birokrat dalam proses pinjaman ini, saya ingat barangkali kita hendak kurangkan dari masa ke semasa. Isu reduce dengan izin, bila permohonan tersebut cukup lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki boleh buat satu borang, index borang. Apa yang perlu dimuatkan dalam borang permohonan tersebut supaya penuntut tersebut tidak pergi dan balik. Kalau mereka tinggal di luar bandar atau pedalaman di Sabah dan Sarawak dan sebagainya. Kalau adakan satu borang index, menyatakan ini yang perlu dikehendaki, dihantar bersama-sama borang pinjaman. Ini dapat diproses secepat mungkin dan pejabat pinjaman juga perlu ada di tiaptiap negeri. Ini untuk menyenangkan orang kampung, orang luar bandar tidak semestinya datang ke Kuala Lumpur, tidak semestinya datang ke pekan besar.

Mereka harus ada access, ada tempat yang boleh mereka pergi, paling dekat untuk mereka temui untuk mendapatkan pinjaman. Ini satu perkara yang harus difikirkan oleh tabung ini dan juga kementerian sendiri dan mencadangkan supaya lembaga melihat ini sebagai satu facilities, peluang yang perlu diwujudkan demi untuk kesejahteraan, kepentingan rakyat, mereka yang berpendapatan rendah, mereka yang memerlukan pinjaman dari tabung ini sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua ialah soal selain daripada proses, soal memberikan pinjaman. Saya juga yakin rakan-rakan saya sudah bercakap dahulu daripada saya soal kelulusan. Soal kita memberi pinjaman, tidak ada wujudnya pilih kasih atau melihat orang tersebut daripada golongan apa, dari

masyarakat mana dan sebagainya dan ianya harus diberikan pinjaman terbuka kepada semua pihak, dengan cara lebih luas.

Kalau sekiranya golongan daripada golongan rakan kita daripada warganegara Siam ataupun 'warganegara' Orang-orang Asli. Sekarang kita hendak cadangkan tukar nama Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya warganegara, warganegara Malaysia kumpulan etnik-etnik semuanya yang disebutkan tadi ialah kumpulan warganegara Malaysia tetapi kumpulan etnik Orang Asli, kumpulan etnik Siam. Jadi kalau dia sebut warganegara Siam, bererti dia mohon izin they are citizens of Thailand. Jadi ini bukan citizen of Thailand kita tidak boleh pergi pinjaman, warganegara Malaysia tetapi berasal usul dari Thailand dan juga warganegara Malaysia, Orang Asli, orang Melayu, orang China, orang India mereka warganegara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Dato' kebetulan dan saya menarik semula kata saya tadi itu apa yang telah dibetulkan oleh Dato' itu betul dan inilah perkara-perkara yang perlu dilihat dipandang oleh mereka yang membuat proses pinjaman bila mana pinjaman-pinjaman tersebut dikemukakan kepada tabung ini. Dengan keikhlasan dengan secara tulus perkara ini dapat dilakukan, saya yakin tabung ini akan dapat mencapai matlamat yang dituju kan, yang dikehendaki oleh negara dan kerajaan serta rakyat umumnya. Saya juga yakin dengan leada an yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua ini akan dapat menolong rakyat golongan miskin dalam negara kita. Juga dengan sekali gus mereka juga akan meyakini permintaan kerajaan seterusnya di masa-masa akan datang. Inilah generasi-generasi yang akan datang. Sebahagian daripada masalah-masalah yang wujud, kerenah-kerenah yang berlaku sekarang ini di kalangan penuntut. Inilah perkara-perkara yang wujud, yang ditimbulkan oleh mereka. Semua perkara ini harus diatasi.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran sama ada Kementerian Pelajaran telah membuat statistik penyelidikan isu-isu grievances, isu-isu masalah yang dibangkitkan oleh penuntut-penuntut hari-hari. Terutama sekali institusi pengajian tinggi. Sama ada penyelidikan telah dibuat dan menyediakan laporan serta tangani masalah tersebut, bagi memastikan perasaan kalangan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi ini tidak begitu timbul, tidak begitu mendadak keluar dan kita dipersalahkan.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kerajaan hendaklah juga mewujudkan semula..., kita panggil dahulu dalam kampus ini mereka ada freedom dalam golongan kampus itu sendiri untuk membuat rally, ceramah dan sebagainya. Biar dia buat apa yang dia hendak buat dalam kampus tersebut. Let them say what they want to say, A to Z dan sebagainya, biar mereka luahkan perasaan tersebut dalam kampus ini. Bila sudah diluahkan di sana, dia tidak akan keluar di luar lagi. Oleh kerana dia sudah curahkan semua, perasaannya sudah habis, tidak ada timbul lagi dalam hati perasaan mereka.

**Datuk Long bin Jidin:** Mana boleh buat semua Yang Berhormat, yang tidak elok itu.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Itu barang kali besar kemungkinan. Tuan Yang di-Pertua, waktu dahulu saya pernah juga turut perbincangan dalam kampus dan sebagainya. Semasa dahulu Tuan Yang di-Pertua masa keadaan saya dahulu tahun 70an dan sebagainya, saya lihat tidak ada batasan kerana mereka bercakap dan sebagainya. Akhirnya tidak ada berlaku perkara-perkara yang berlaku di luar daripada kampus. Itu saya fikirkan sama ada kementerian dapat memikirkan ini sebagai satu ruang untuk mengatasi penuntut-penuntut kita dari meluahkan perasaan dia di luar kampus, biar dia luahperasaan mereka dalam kampus, di kalangan mereka sendiri. Itu satu yang saya cadangkan. Satu penyelidikan - research hendaklah dibuat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut ini dan analyze cara-cara kita mengatasinya.

Kedua benarkan mereka untuk membuat ceramah dalam kampus itu sendiri bagi memberi ruang pada mereka untuk meluahkan perasaan mereka.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang undang-undang Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000 diluluskan. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Yang Berhormat Dato' Aziz, silakan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya turut membahaskan rang undang-undang Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Amat tepat sekali kerana hari ini merupakan hari genap 54 tahun lahirnya UMNO yang menjadi tonggak kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memperjuangkan untuk meningkatkan martabat bangsa, negara dan agama. Akta ini

yang telah ditubuhkan pada tahun 1997, yang ini kita hendak meminda sedikit sebanyak merupakan tonggak komitmen Kerajaan Barisan Nasional terhadap pendidikan yang merupakan khazanah untuk hendak menentukan supaya setiap kaum di negara ini seimbang dari segi intelek dan ilmunya supaya tidak wujud satu perbezaan dan jurang pemisahan yang pernah wujud dahulu antara orang-orang Melayu bumiputera dan kaum-kaum lain.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, yang perlu kita kaji undang-undang yang hendak kita bentangkan ini ialah, kenapa Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997, kini kita hendak beri pula tanggungjawab hendak melabur duit yang ada di dalamnya.

Saya rasa ini lari daripada tugas dan tanggungjawab sebenar. Kalau sekiranya tanggungjawab Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 untuk hendak memberi keupayaan murid-murid yang tidak berupaya mengikuti kursus-kursus di pengajian tinggi awam dan swasta dan kini diperluaskan kepada peringkat diploma, saya rasa tanggungjawab itu begitu berat sekali. Tidak perlu kita membebankan pegawai-pegawai Perbadanan ini dengan pengurus dananya kerana sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman moden ini, sudah wujud badan-badan institusi yang boleh melaburkan duit ini.

Tidak perlu kita wujud pegawai-pegawai khas, pengurus-pengurus dana hendak memikirkan di mana hendak simpan duit ini, hendak ini, hendak itu. Kita ada banyak pengurus dana, bank-bank perdagangan (merchant bank) misalnya, yang memang tugas dia memberikan perkhidmatan dalam bidang-bidang untuk hendak menentukan kepulangan modal dari segi wang itu dapat dipertingkatkan. Apa salahnya kalau kita gunakan mereka?

Ini saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 15A,

- (a) “.....Perbadanan, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama, atau selainnya, dengan -
- (i) sesuatu enterprais, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain ;
  - (ii) Kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan negeri;

- (iii) *sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;*
  - (iv) *sesuatu suruhanjaya ; atau*
  - (v) *seseorang; (individu pun) dan*
- (b) *menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancangkan atau diusahakan oleh Perbadanan.”.*

Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, it is a bit too much, kerana tanggungjawabnya hendak memberikan duit kepada penuntut-penuntut. Kerana kalau hendak mengadakan aktiviti-aktiviti ini, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang wujud sekarang ini mesti tidak mampu punya. Apa ertinya. Ertinya kita terpaksa mengambil pegawai-pegawai yang berpengalaman kerana duitnya banyak, yang dipertingkatkan sampai RM2 bilion, duitnya banyak. Itu tidak perlu kita bebankan. Terlalu banyak pengalaman kerajaan apabila kita memberikan pelaburan kepada kerajaan-kerajaan negeri dengan syarikat-syarikatnya, Tuan Yang di-Pertua tahu sendiri berapa ramai yang tidak dapat membayar balik kepada kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat, berbilion, RM8 bilion.

Ini kita bimbang kerana pengkhususan itu tidak wujud di kalangan perbadanan-perbadanan. Tanggungjawab perbadanan adalah dari satu tangan, *the arm of the government and it is not a business of a government to be in business*, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan ialah menguruskan pengurusan pentadbiran kerajaan kerana *business* orang lain buat. Ini kita hendak beri peluang sekali lagi. Duit itu senang sahaja. Sekarang kerajaan beri RM2 bilion atau RM1 bilion, buat satu *cash flow*. Berapa ramai penuntut dianggarkan tahun ini untuk hendak meminjam. Okay, tahun dulu sekarang ini saya ada tengok yang terbaru, tengok ini [*menunjukkan sebuah buku laporan*] laporan pun baru tahun 1998. Kita sudah tahun 2000.

Badan ini hendak diberi tugas-tugas yang berat lagi ini. Laporan sekarang ini yang terbaru, untuk makluman kementerian ialah tahun 1998, yang *disign* pada April 1999. Tahun 1999 tidak ada lagi. Saya sebut dalam Dewan yang mulia ini laporan yang hebat yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia - tahun 1999. Di bawah ini ada banyak lagi. Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti - tahun 1999. Yang

lain semua 1996, 1997, 1998. Tanggungjawab hendak buat laporan pun tidak boleh jalan. Ini perlu.

Jadi, maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sebenarnya mereka hendak melabur duit yang diterima supaya ianya tidak menjadi duit letak dalam bank sahaja, dapat 3%, 4% sahaja, berbincang dengan *merchant bankers* yang saya sebutkan tadi. Panggil, bukan seorang, dua tiga empat orang tetapi sebelum daripada itu siapkan belanjawan kita, *budget* kita. Daripada sekarang lima tahun. Adakah program dibuat? Saya hendak ditanya sekarang, adakah program dibuat oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional setakat ini? Rancangan lima tahun ini bagaimana?

Berasaskan kepada keperluan penuntut-penuntut di negara kita ini, IPTA, IPTS dan diploma kerana dia tahu berapa ramai sepatutnya masuk untuk menyertai gudang-gudang pendidikan ini. Berapa banyak terpaksa dikeluarkan setahun sampai tahun tiga ataupun empat. Hendak buat *cash flow paper* ini, cara betul. Berapa ramai pula yang hendak membayar selepas mereka tamat belajar dan bekerja? Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak pengalaman, badan-badan kerajaan, yang mana tunggakan dari segi MARA, JPA tidak bayar.

Perkara ini senang sahaja. Kalau mereka masukkan terma-terma perjanjian antara pelajar dengan tabung ini, misal katakan, masuk situ tanggungjawab pelajar selepas bekerja kerana wujudnya satu persefahaman antara kita dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya tidak sempat dengar tadi, saya tidak tahu apa yang Yang Berhormat Zainal Rampak bercerita. Kaitkan tabung ini, badan ini dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Buatlah satu perjanjian khusus, MoU - bukan Memorandum of Uncertainty tetapi Memorandum of Understanding dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri kerana sesiapa sahaja tidak lepas daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri ke mana sahaja mereka berada.

Berpunca kepada sekarang ini berapa digit nombor kad pengenalan, gunakan itu, beritahu Jabatan Hasil Dalam Negeri, orang ini bila kerja sahaja, potongan *direct* kepada tabung ini. Tidak payah minta lagi. Ini zaman canggih. Tekan sahaja butang nombor kad pengenalan, terus tolak duit dia. Bekerja sahaja terus tolak. *First month*, bulan pertama pun sudah boleh buat. Pasal kita banyak pengalaman. MARA berapa orang tunggakan, selepas itu pergi kepada *guarantor*. Saya salah seorang daripada

*guarantor* ini. Tetapi, mujur dia tidak pergi kepada orang yang meminjam. Dia tidak jumpa.

Cuba bayangkan tidak jumpa orang yang meminjam. Kita tahu di mana dia bekerja. Sekarang saya sudah tidak jadi *guarantor* dan saya ucap tahniah kepada Dato' Rais Yatim, bank atau sesiapa sahaja patut pergi kepada orang itu dahulu, dia pergi kepada *guarantor*, orang nombor dua atau tiga selepas habis gagal segala usaha. Ini caranya Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan tahun 1997 dan kini saya tengok sekarang ini 31,000 kah atau berapa yang mendapat faedah. Tahun 2000 berapa, 2001, 2002, 2003, buat lima tahun pun cukuplah kerana mungkin tidak pandai buat sepuluh tahun, jauh sangat ke hadapan.

Jadi, buat lima tahun. Selepas itu *cash flow*. Penerimaan bayaran balik. Kena ada budget sekarang ini. Saya hendak tanya ada atau tidak budget ini dibuat? Sekarang ini, sebelum mereka hendak menceburkan dan bertanggungjawab hendak menjadi syarikat dan sebagainya ini dan membebankan pengurusan yang sedia ada bagi memikirkan hal-hal. *It is not a part time thing*, bukannya sambil lalu buat business. Bukan perkara sambil lalu. Saya bimbang sekarang ini perbadanan-perbadanan yang punya kuasa menubuhkan syarikat ambil sambil lewa sahaja. Tanya sahabat saya di depan ini, Datuk Nor Azah. Bukannya senang hendak memikirkan *return* (pulangan modal).

Tiap-tiap minggu kena tengok, tiap-tiap bulan kena tengok bagaimana laporan-laporannya. Ini cara business. Kerana bukan duit dia, buat tidak peduli sahaja because bukan duit dia. Kalau duit sendiri hendak melabur, pening kepala hendak memikirkan. Tidak tidur tengah hari, tengah malam. Ha, ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya rasa sebelum kerajaan hendak memberikan lunas-lunas peluang untuk perbadanan ini hendak berniaga, hendak mendapatkan *return*nya, bincang dahulu. Sit down, fikir dulu bebanan pengurusan dan saya rasa elok sangat bincang dengan pengurus-pengurus dana yang ada di negara ini. *These are the experts*. Mereka mahir dalam menguruskan kewangan.

Gunakan sahaja dia dan kemudian bayar satu atau dua peratus sahaja. Dan pulangnya pukul rata. Macam saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, ini saya hendak bercerita. Hari itu, dua tahun dulu, masa kegawatan ekonomi, RHB Capital, RHB Unit Trust datang jumpa saya, dia kata elok kalau Dato' ada duit, masuk melabur dalam RHB Unit Trust, Amanah Unit Trust RHB. Ini cerita benar.

Apabila pergi kepada akaun nombor dua, KWSP, keluarlah. Return dia, Tuan Yang di-Pertua, pulangan dua tahun 95% pada waktu itu. Sekarang ini 95%.

**Datuk Long bin Jidin:** Dato', sebentar ya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tetapi duit itu tidak boleh ambil. Pasal saya belum sampai 55 tahun lagi. Sungguhpun saya sekarang nampak macam 35 tetapi sudah tua juga dah. Tetapi wang itu tidak boleh diambil lagi sampai umur 55 tahun. 90% lebih pulangan dan ini boleh dibuat oleh Perbadanan. Kalau tidak tahu di mana, takkan tidak tahu bank-bank perdagangan, merchant bankers yang ramai di sini dan pengurus-pengurus dana ramai, KL Mutual, banyak di Kuala Lumpur ini. Semuanya pandai-pandai belaka.

Inilah masa menggunakan tenaga mereka. Jangan kita wujudkan tenaga sendiri di dalamnya, selepas itu buat pening kepala. Hendak mengurus bukannya senang. Mesti ada networking. Hendak tahu fund ini naik ke mana, harga begini-begini. Ini *full time*. Penuh dengan kepakaran. Kepakaran-kepakaran wujud di negara kita, gunakan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua tidak perlu sangat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional beria-ia sangat hendak masuk lapangan baru.

Saya hendak tahu daripada kementerian, apabila kita beli pinjaman yang banyak begini rupa, adakah kita mempunyai kaunseling, kerana kita jangan ingat apabila beri sahaja duit pinjaman, tanggungjawab sudah habis. Tanggungjawab sebagai orang yang bena-benar bertanggungjawab dalam pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, mesti mengekori, memastikan pencapaian akademik dan juga kurikulum yang lain oleh pelajar-pelajar yang 30,000 ini.

Ini sepatutnya yang dibuat oleh badan ini kerana wang yang begitu banyak yang dikeluarkan. Sepatutnya kita mengekori perkembangan akademik dengan secara teliti. Saya tidak nampak dengan adanya pegawai-pegawai yang seramai ini, boleh mereka mengekori dari segi tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar, kalau saya tengok dari segi pegawai-pegawai di sini. Adakah mereka memikirkan perkara ini, saya tidak tahu. Kaunseling tiap-tiap semester dan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita hendak mereka mencapai ijazah atau diploma, kita mahu mereka ini benar-benar komited kepada pembangunan negara.

Tahu berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional yang mengaturkan program ini bukannya pergi keluar lepas periksa, bayar hutang pun tidak, terus

hentam kerajaan. Jadi di sini mesti wujud satu program, yang paling baik menjalankan program ini adalah badan ini bagi menentukan wawasan pemikiran pelajar-pelajar ini dijuruskan kepada kebanggaan kemartabatan negara. Ini pasal UMNO sudah mencapai 54 tahun, Tuan Yang di-Pertua, dan telah berjaya melahirkan ramai cerdik pandai atas perjuangan UMNO dan kerajaan Barisan Nasional dan dulunya Perikatan. Saya sebutkan di sini sebagai satu iktibar yang kita boleh ambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampak lebih bersemangat pagi ini ya?

**Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman:** Kuat semangat, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun umur sudah melanjut tetapi semangat masih berkobar-kobar, tak perlu lagi Tongkat Ali, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya nakkan pemantauan, sistem pemantauan pelajar-pelajar ini dari segi pencapaian akademik yang dibuat sendiri kerana ini tanggungjawab dia pasal mereka ini sebenarnya kalau ikut kita orang nak pinjam duit bank, bagaimana susahnya kita nak pinjam duit bank? Walaupun sekarang ini Tun Daim dah beritahu kepada semua bank senaraikan apakah kriteria-kriteria, ukuran-ukuran pasal nakkan ketelusan ini, ramai sangat orang yang pergi ke bank, tak dapat pinjam duit. Begitu juga nak pinjam duit ni, sebagai bank ini. Apakah kriteria-kriteria, ketahanan diri, jati diri, bersemangat kebangsaan ke, ataupun pelepas, jadi saya nak tahu ini, mental dia, daya saing dia pasal nak membayar balik. Kita nak memberi duit ini supaya ia mempunyai keupayaan hendak membayar balik, bukan awal-awal kita tengok, ini memang tak pas punyalah. Beri pun tak pas, duit hangus saja, pasal tak ada kerja, lepas itu tak lulus.

Banyak kriteria-kriteria, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita pantau betul-betul wujudkan kriteria. Saya nak tahu adakah kaunseling wujud di tengah-tengah perbadanan ini, adakah mereka memantau dari masa ke semasa, katakanlah tiap-tiap semester selepas cuti wujudkan program menaikkan semangat mesti ada....

**Datuk Long bin Jidin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada di belakang minta laluan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** ....buatkan peruntukan kalau tak ada, kalau tak ada tenaga, wujudkan tenaga, kalau tak ada peruntukan, wujudkan peruntukan.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Dato' Aziz ada menyatakan seolah-olah nak diketatkan macam mana cara nak pinjam duit ini

seolah macam bank. Saya takut yang miskin perlu diberi sedikit handicap Kalau dia ni nak disamakan dengan orang-orang yang duduk di bandar, yang mempunyai pendapatan dah besar, memang dia boleh menunjukkan yang dia mampu bayar. Yang kampung macam mana, yang miskin ni? Memang yang miskin duduk kampung, pelajarannya pun tak berapa tinggi, besok, dahlah pelajaran tak tinggi, Tabung Pendidikan pun tak dapat, macam mana peluang dia nak masuk ke universiti? Macam mana nak menampung pendidikan dia? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan mengetatkan, pengawasan, nak masuk tu bukan dari segi akademik saja. Kalau orang luar bandar, akademik dia memang turun sikit, diperjelaskan banyak kelonggaran-kelonggaran diberi, ketahanan jati diri itu yang penting, keupayaan bersaing, potensinya, itu yang kita nak tengok. Dalam kita minta kerja, misalnya interview orang minta kerja, Tuan Yang di-Pertua. Cara kalau saya tukang interview yang saya selalu interview orang, masa saya bekerja dengan MAS dulu saya selalu interview yang naik kapal terbang, yang jaga kapal terbang, duduk atas, pramugari, pramugara, ramai saya interview, saya tengok potensi dia, bukan nak mencari laki-laki, potensi yang boleh bermesra dengan pelanggan-pelanggan kita, orang yang menumpang, pelanggan-pelanggan yang nak naik kapal terbang ni, potensi, bukan cantik tapi kemesraan personaliti, dengan senyumannya, dengan tingginya, kelangsingannya, kriteria semacam itu. Ini betul ni, bukan saja kepada wanita, kepada lelaki pun mesti ada keupayaan bermesra dengan pelanggan-pelanggan.

Jadi ini semuanya potensi semacam ini tetapi yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, saya nakkan perbadanan ini kerana dah diambil alih kepada MARA, JPA, ini unggul, yang tunggak untuk nak menentukan kecapaian kita, pencapaian kita dalam bidang pendidikan alaf baru ke-ekonomi ini.

Yang kedua, entah yang ketiga atau keempat, saya dah lupa, banyak sangat. Tuan Yang di-Pertua, adakah ianya mentakrifkan dasar kerajaan, to define, mentakrifkan. Bila kerajaan sebut kita sekarang nak meningkat dari segi pelajar-pelajar kalau dulu 60-40, 60 Sains Teknologi, 40 Sastera. Baru-baru ini diumumkan 70-30, 70% Sains dan Teknologi, 30% Sastera. Saya nak tanya pihak kerajaan, yang mendapat pinjaman ini macam mana, adakah 70-30, 60-40 atau 60 terbalik, Sastera dengan 40 Sains kerana ini kita dah buat dasar, kerajaan dah umumkan satu dasar dan kita kalau nak bersaing dalam era globalisasi, liberalisasi memang kita perlukan

Science mindset yang berbeza yang berpaksi kepada Sains dan Teknologi, adakah mereka ini menterjemahkan dasar kerajaan dengan memberi 70% pelajar-pelajar Sains dan Teknologi dan 30% pelajar-pelajar Sastera kerana yang dapat biasiswa ini kebanyakannyalah bumiputera-bumiputera di luar bandar, mereka tidak mampu.

Pelajar-pelajar Tamil di estet-estet, kaum-kaum Dayak, Iban dan sebagainya bumiputera Sabah, Sarawak kerana mereka tidak mampu maka mereka memerlukan ini dan juga kaum Cina di luar-luar bandar. Soalnya sekarang, adakah mereka ini diberi biasiswa, ini pinjaman ya, saya tak sebut biasiswa, tak sebut lagi, ini pinjaman berasaskan kepada dasar kerajaan. Kalau sini 70-30 maka biasiswa ataupun pinjaman ini 70-30 Sains dengan Sastera.

Yang ketiga, di mana perginya biasiswa, di mana perginya cerdik pandai. Kalau zaman Tuan Yang di-Pertua dulu, Queen's Scholars, zaman saya Biasiswa Colombo, belajar ke Australia, ke England, ke Canada, waktu itu Colombo, Colombo Plan, Rancangan Colombo. Biasiswa, kita ada Biasiswa Diraja tapi jarang-jarang kita dengar orang dapat Biasiswa Diraja, setahun mungkin 3, 4 orang. Jadi sekarang ini apa ertinya pencapaian akademik yang tinggi, apa pengiktirafan yang diberi oleh kerajaan kepada mereka.

Katakanlah untuk mencerminkan demografi kita, 60 orang Melayu atau Bumiputera dapat Biasiswa Diraja, 30 orang Cina, 10 orang India termasuk orang-orang lain, ini demografi kita. Tiap-tiap tahun pergi berdepan dengan Perdana Menteri ke, ataupun dengan Agong ke menerima Biasiswa Negara, Biasiswa Diraja ke, Biasiswa Perdana dan orang-orang ini kita hantar di mana? Nun, Oxford, Cambridge, Harvard, Tokyo, Sydney tempat saya dulu, rata-rata kita hantar, bukan dia nak pergi kepada Universiti Malaya, balik inilah leaders, inilah pemimpin-pemimpin.

Kalau tengok pemimpin sekarang, zaman aliran Tun misalnya semuanya daripada Raffles kemudian dapat Biasiswa Queen's Scholar, pergi buat undang-undang di UK, Oxford, Cambridge, ramai tapi sekarang ini tak ramai dah. Jadi kalau kita tidak ada, kita tidak memberikan pengiktirafan kepada kecemerlangan, saya rasa perlu kita wujudkan bersama-sama dengan ini, kalau tidak menerusi ini, menerusi badan-badan lain supaya mendorong anak-anak kita di dalam semua kaum, dalam semua bidang, Sains ke, Engineering ke, Law ke, Medicine ke, tak kira, supaya kita dapat memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan yang dicapai.

Begitu juga kepada mereka yang diberi pinjaman, saya mahu kerajaan kalau boleh buat satu dasar kepada mereka yang diberi pinjaman, kalau dapat first class tidak perlu bayar dan memang ramai orang Melayu tidak dapat itu, pasal saya sudah bercerita dalam Dewan yang mulia ini berapa peratus orang-orang Melayu, bumiputera yang lain yang mendapat first class honours Tuan Yang di-Pertua, 3%, 4% sahaja. Tetapi kita hendakkan kecemerlangan, wujudkan satu sistem ijazah kelas pertama (first class honours) tidak perlu bayar 100%, kelas kedua atas (second class upper) sekian kita beri, katakanlah tidak perlu bayar 50%, kita buat scale. Yang third class itu bayar 100% atau second class lower itu dikira pinjaman.

Jadi, tidak ramai sangat yang mendapat biasiswanya, yang hendak membayarnya. Jadi, barulah kita mengenali kecemerlangan yang dicapai oleh pelajar-pelajar. Jadi, pinjaman itu ditukarkan jadi biasiswa. Sungguhpun mereka pinjam, berjanji hendak bayar ini, bayar itu tetapi kalau sekiranya tidak banyak duit hanya untuk mereka yang mencapai first class sahaja. Ini caranya, maka barulah kita dapat menghasil dan mendorong pewujudan akademik yang cemerlang di dalam bidang-bidang yang mereka pilih, yang berasaskan kepada ratio atau nisbah 70 sains dan teknologi: 30 sastera.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya juga kenapa perbadanan ini membayar RM53,000 setahun untuk berpejabat di Chess Perdana, walhal jabatan-jabatan sekarang ini banyak kosong dan saya hendak tanya, kenapa pihak-pihak perbadanan kerajaan tidak mengisi kekosongan-kekosongan yang telah pun dilepaskan oleh kementerian-kementerian yang berpindah ke Putrajaya kerana perbadanan ini banyak duit, hendak bayar sini, hendak bayar sana tetapi kita terpaksa membayar, saya tengok dalam tahun 1977 mengikut laporan RM53,000 di Chess Perdana. Tahun ini entah naik lagi saya tidak tahu, tahun 1999.

Jadi, tidak perlulah, saya rasa sungguhpun kenderaan pun sudah banyak, sudah 200,000 kenderaan sudah dibeli, tidak perlu kita membanyakkan overhead sebab perkara ini hanya bekerja dengan pelajar-pelajar ini dan saya mintalah ratiokan, buat satu nisbah pegawai-pegawai kaunseling ini tadi dengan jumlah pelajar-pelajar. Kalau kita sudah ada 31,000 apakah ratio untuk kita hendak memantau pelajar-pelajar ataupun mengikut universiti. Universiti Sains Teknologi seorang, Universiti Kebangsaan seorang atau bagaimana, saya tidak tahu. Berdasarkan kepada universiti kita ada 11 IPTA dan IPTS yang sekian-sekian, lepas itu diploma berapa

..... tetapi elok sekali kalau kita adakan nisbah antara pegawai-pegawai yang dikhususkan mengikuti atau memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar ini di mana tiap-tiap setahun, sekali, dua kali mereka ini dikembalikan dari segi semangat juang kepada usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional.

Ini nanti esok hak ini tidak berterima kasih kepada kita dan tidak bersyukur kepada Allah S.W.T. Hari ini saya tengok tadi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Presiden UMNO mengatakan, *“Kita ini mesti mengingati jasa-jasa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, oleh pemimpin-pemimpin yang lampau.”* Saya ada pernah mengatakan Tuan Yang di-Pertua, sekaya mana sesebuah negara yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. dengan emas hitam, negara-negara Arab itu saya katakan dahulu terapung atas minyak tetapi kalau pengurusannya tidak baik, negara-negara itu tidak ke mana perginya, bankrap. Saudi Arabia sekarang untuk makluman saudara-saudara saya di sini Tuan Yang di-Pertua, berjuta, berbilion-bilion hutang dengan Amerika. Itulah negara yang terkaya suatu waktu dahulu, sekarang ini orang di sana pun hendak mencari kerja yang dahulunya orang-orang yang berhijrah daripada negara-negara lain bekerja, sekarang ini menyapu sampah pun orang Badwi, polis pun sudah orang Badwi di negara-negara Arab. Dahulu mereka ini dapat RM2,000, RM3,000 tidak kerja apa pun.

Jadi, pengurusan sekaya mana Tuhan beri dari segi khazanah baik di bawah tanah, atas dan dari mana pun tetapi kalau kita tidak mengurusnya dengan baik tidak sampai ke mana perginya. Jadi, pengurusan yang baiklah yang mewujudkan tabung ini RM2 bilion yang sekarang ini ditingkatkan tetapi pengurusan yang baik juga akan menentukan gagal atau berjayanya perbadanan ini.

Jadi, saya minta kepada kementerian sabarlah dari segi hendak melibatkan diri di dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Gunakanlah tenaga yang sedia ada, pakar-pakar yang sedia ada dengan hanya membayar 2% atau 1%, kalau banyak sangat, kalau sampai berbilion-bilion ini 1%, ½% sahaja terpaksa dibayar dan wangnya akan dilaburkan dengan baik dan gunakan bukan satu, dua, tiga, empat kita pilih panel supaya laporan tiap-tiap tiga bulan kita tengok di mana yang berjaya dan meningkat. Ini cara yang lebih baik untuk kementerian memikirkan. Saya menyokong rang undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, ya.

**12.48 tgh.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, berterima kasih kerana membenarkan saya untuk ikut serta perbincangan mengenai Pindaan Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ataupun ringkasnya (PTPTN).

Saya merasakan bahawa rang undang-undang ini untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 1997, adalah menunjukkan kepekaan pihak kerajaan terhadap suatu cabaran baru yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang miskin, yang tidak mampu, dengan perkembangan IPTS di negara kita ini.

Kebimbangan ini umpamanya, kita telah lihat pada hari ini sendiri telah pun disuarakan di dalam Persidangan Pemuda UMNO semalam iaitu inilah pokok persoalan yang telah selama ini secara diam ataupun pernah disuarakan bahawa bagaimana masalah penubuhan sekolah-sekolah swasta ini akhirnya akan menggagalkan cita-cita kerajaan atau Dasar Ekonomi Baru (DEB) sendiri dalam mengimbangi antara pelajar-pelajar yang mampu dan pelajar-pelajar yang tidak mampu.

Pertumbuhan ini tentunyalah tidak dapat kita sekat. Penubuhan IPTS di negara kita, kita anggap sebagai suatu usaha ke arah mewujudkan, menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pelajaran dan ini tidak mungkin kita sekat, oleh kerana dengan berlangsungnya dasar-dasar liberalisasi dan juga globalisasi. Maka kalau kita undur ke belakang dalam soal ini, maka tentulah kita dianggap sebagai negara yang tidak menghayati perkembangan yang berlaku.

Jadi, maka langkah-langkah ini adalah jelas menunjukkan kepekaan kita dalam perkara ini. Dengan jelas ditegaskan bahawa dahulunya perbadanan ini hanya memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang hendak melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tertentu sahaja tetapi sekarang dengan pindaan ini, maka pihak perbadanan ini akan meluaskan pinjamannya kepada mereka yang pergi ke Politeknik dan juga kepada IPTS-IPTS yang lain. Malah yang terakhirnya, umpamanya pihak perbadanan ini juga telah meluaskan pinjamannya kepada pendidikan tinggi, kepada universiti perubatan antarabangsa dan ini adalah satu langkah yang saya kira juga adalah satu langkah yang tentunya dihargai oleh pihak kita.

Seperti yang kita maklumkan bahawa anak-anak Melayu memanglah tidak mampu untuk memasuki IPTS-IPTS yang ada di sekitar Kuala Lumpur atau pun di tempat-tempat lain. Perbadanan ini bagaimanapun akan berlaku adil dalam memberikan pinjaman ini. Cumanya, apa yang telah berlaku selama ini perkara ini kita telah pertanggungjawabkan kepada perbadanan. Ini satu perkara yang saya kira sangat penting iaitu dipertanggungjawabkan kepada perbadanan, tetapi masalahnya telah pun dibangkitkan oleh beberapa orang anggota Dewan ini, satu masalah yang sama iaitu wang telah ada, peruntukan telah ada tetapi pengurusan pinjaman ini telah menjadi sungutan dari masa ke semasa yang sepatutnya tidak menjadi masalah.

Dan akhirnya, kerana ketidakcekan ini ataupun kadang-kadang disalahkan kepada pihak-pihak pelajar. Umpamanya ada yang menyalahkan, memberikan jawapan umpamanya, kelewatan ini ialah kerana pelajar-pelajar itu tidak betul mengisi borang, pelajar lewat mengembalikan borang akuan penerimaan dan bilangan pelajar bertambah ramai dari tahun ke tahun. Ini dianggap sebagai proses melewatkan pinjaman ini.

Tetapi sebenarnya saya tidak tahu, dari pengalaman saya sendiri sehingga masuk ke semester yang kedua pelajar-pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa sendiri datang mengadu, mengatakan masih belum mendapatkan pinjaman. Ini telah pun disuarakan oleh banyak pihak tadi. Oleh wakil-wakil yang lain juga. Kenapakah hal ini berlaku dan malangnya yang baru berlaku ialah di dalam masa pilihan raya, selepas pilihan raya barulah pelajar-pelajar ini mendapat pinjaman. Itu di Universiti Islam Antarabangsa, saya tidak tahu di tempat-tempat yang lain lagi.

Saya kira, masalahnya ialah mereka yang dipertanggungjawabkan di perbadanan ini ataupun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini, haruslah menyedari bahawa sebarang kelewatan atau kelalaian ataupun apa juga masalah yang ditimbulkan kepada yang memohon pinjaman ini maka ia adalah mencerminkan kelemahan kerajaan. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di sini haruslah tidak menjadikan, merosakkan imej ahli-ahli politik. Masalahnya ialah apabila kelewatan ini berlaku, orang-orang yang terlibat di kampung-kampung mencari wakil-wakil rakyat dan menyalah – kemudiannya – apa yang saya dengar sendiri ialah – laporan daripada yang lewat mendapat pinjaman daripada Universiti Islam Antarabangsa umpamanya, di mana anak saya sendiri belajar. Dengan secara langsung mereka menyalahkan orang-orang politik. Tetapi mereka tidak menyalahkan pegawai-

pegawai, mereka tidak menyalahkan pegawai. Jadi, bebannya ialah mencemarkan nama kerajaan.

Jadi, saya haruslah diingatkan sekarang perbadanan ini diketuai oleh seorang ahli politik, bagaimana pun, tanggungjawab utama mereka yang berinteraksi dengan pelajar-pelajar ialah pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang terlibat dengan perbadanan ini dan merekalah yang mencerminkan imej kerajaan itu sendiri. Ini adalah suatu masalah besar iaitu pegawai-pegawai kerajaan tidak mencerminkan kecekapan ahli-ahli politik. Dan akhirnya tuduhan-tuduhan itu balik kepada politik, balik kepada UMNO, balik kepada Barisan Nasional.

Saya ingat ini satu perkara yang paling penting. Bagaimana untuk mengingatkan kakitangan-kakitangan perbadanan ini, yang bertanggungjawab kepada kerajaan untuk menjaga imej kerajaan sendiri. Hal ini saya kira sangat penting, sebab apa? Kita tidak boleh menyatakan umpamanya pelajar-pelajar tidak disedarkan tetapi kenapa kemarahan itu timbul. Orang-orang kampung yang lewat mendapat pinjaman ini terpaksa menjual lembu dan kerbau, terpaksa menggadaikan barang dan sebagainya. Dia tidak salahkan kakitangan kerajaan, kakitangan selamat. Tetapi akhirnya disalahkan UMNO. UMNO, kerajaan yang tidak betul.

Ini saya ingat, haruslah kesedaran-kesedaran menghayati tanggungjawab nasional itu harus ada pada kakitangan-kakitangan kerajaan harus ada pada perbadanan ini. Sampai mana pencemaran itu harus ditanggung oleh ahli-ahli politik dan tidak oleh pegawai-pegawai kerajaan, dan tidak oleh pegawai-pegawai perbadanan. Sampai bila? Saya harap perkara ini adalah satu perkara yang diambil berat bahawa tanggungjawab menghayati tanggungjawab terhadap kerajaan, menghayati inspirasi kerajaan, menghayati amanah yang diberikan oleh kerajaan. Ini adalah sangat penting.

Dan dalam pada itu, saya rasa pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman ini seperti yang telah – saya bergembira yang Ustaz Hassan sendiri telah menyebutkan, kalau tidak kena bayaran langsung, dia orang tidak ingat siapa yang bagi bantuan tetapi pinjaman mestilah juga dikenakan bayaran balik walaupun sampai satu masa nanti barangkali perbadanan ini telah mampu untuk memberikan biasiswa, katalah. Tetapi saya tidak menyertai pandangan bahawa perbadanan ini agar biasiswa ditukarkan daripada pinjaman. Saya tidak begitu bersetuju. Tetapi soalnya yang

paling penting ialah seperti yang Dato' Aziz kata memastikan bahawa setiap pinjaman yang diberikan mestilah dibayar balik.

Saya mengalu-alukan bahawa kalau saya tidak silap perbadanan ini telah pun mengadakan satu sistem pembayaran balik dibuat selepas 6 bulan tamat pengajian. Kalau saya tidak silap daripada pembacaan saya. Atau setelah mendapat pekerjaan dan pembayaran balik itu dibuat menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dan sistem ini telah pun dijalankan di Australia dan mungkin pihak Kementerian Pendidikan telah pun mengkaji dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Australia bagi memastikan bayaran balik daripada pelajar-pelajar.

Ini adalah amat penting. Dalam pada itu saya bimbang bahawa sebab ada kelonggarannya iaitu bayaran balik ini juga boleh dibuat dengan cara-cara lain. Jadi, masalah pinjaman apa yang berlaku kepada MARA, pinjaman boleh dibayar balik tetapi tidak ada cara untuk memastikan pembayaran itu dibuat. Dan akhirnya penjamin-penjamin akan menghadapi masalah, dan akhirnya ibu bapa di pihak penjamin bergaduh dengan ibu bapa pihak peminjam dan sebagainya. Hal ini banyak berlaku dalam masyarakat kita sekarang, perkara-perkara yang tidak perlu sebab tidak ada satu sistem – kita hendak dapatkan bayaran balik tetapi tidak ada satu sistem yang memastikan bayaran balik.

Jadi, untuk membayar balik pinjaman ini menerusi Jabatan Hasil Dalam Negeri selepas bekerja adalah satu langkah yang sangat baik dan pihak perbadanan ini juga akan memberikan pinjaman kepada kakitangan kerajaan seperti yang telah disebutkan tadi oleh Tuan Zainal tetapi sebenarnya saya mengalu-alukan kerana pihak perbadanan ini juga akan memberikan pinjaman kepada kakitangan kerajaan yang sedang bercuti separuh gaji atau tanpa gaji untuk mendapat faedah daripada perbadanan ini.

Tetapi saya akan kembali balik kepada soal bagaimana kita hendak mengingatkan para pelajar kita tentang pinjaman ini, tentang bahawa mereka telah mendapat kemudahan yang telah diberikan oleh kerajaan yang sedar. Dalam hal ini saya rasa kalau kita sering mengatakan mereka tidak mengenang jasa, tidak mengenang pertolongan yang telah diberikan oleh kerajaan, itu bukanlah caranya. Tetapi, sesiapa pun malah dalam keluarga kita sendiri pun ada juga anak-anak yang kadang-kadang barangkali tidak mengenang jasa ibu bapa dan sebagainya, apatah lagi

bila wang itu daripada kerajaan. Tetapi soalnya apakah suatu cara bagaimana kita hendak menyedarkan anak-anak ini terhadap segala kemudahan yang telah diberikan.

Dalam hal ini saya sukalah mengesyorkan agar perbadanan ini mengadakan juga satu program untuk menganjurkan supaya anak-anak yang mendapat pinjaman ini dihantar untuk bukan sahaja berkursus dalam negeri tetapi dari masa ke semasa perbadanan ini mestilah mengadakan tabung untuk menghantar anak-anak ini seperti Peace Cop. Amerika, di hantar ke negeri-negeri di Asia untuk menjalankan khidmat dalam masa cuti iaitu dihantar ke pedalaman-pedalaman di Indonesia, Thailand, Filipina, China dan juga di India. Mereka hendaklah dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman untuk bekerja pada suatu masa yang sesuai di dalam masa percutian untuk menyedari hakikat keadaan yang sebenarnya.

Umpamanya saya masih ingat bahawa di Singapura dalam tahun 1960-an selepas sahaja suatu pilihan raya, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah menghantar suatu rombongan lebih 25 orang pemuda Cina dari Singapura ke China, masa itu sokongan-sokongan orang-orang Cina terhadap komunis China dan perasaan sentimen orang-orang Cina terhadap negara Cina masih kuat. Dan, mereka dihantar untuk melawat negeri itu selama 2 minggu tetapi mereka telah minta untuk pulang ke Singapura hanya dalam masa satu minggu. Ini adalah suatu langkah bagi kita, satu cara yang halus, secara yang tidak terlalu menampakkan tujuan kita yang sebenarnya tetapi dapat menyedarkan mereka dengan cara yang halus, maka inilah cara yang sebaik-baiknya antara lain yang dapat kita lakukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jam sudah cukup pukul 1.00, sambung, ya. Majlis ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Zainudin, ingin menyambung ucapan.

**2.30 ptg.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua .....agar PTPTN dalam memberikan pinjaman ini kelak, dalam meningkatkan IPTS yang di mana akan diberikan pinjaman oleh perbadanan ini, maka mestilah dikenali dan dikaji lebih dahulu supaya IPTS berkenaan mempunyai kualiti dan kredibiliti yang mampu dan

layak untuk diiktirafkan dan tidaklah hanya kerana mempunyai ikatan atau kenalan dan sebagainya maka dengan mudah dihantar pelajar kita ke sesuatu IPTS dengan memberikan pinjaman dan sebagainya. Hal ini akan mudah berlaku dan saya harap pastikanlah tentang keupayaan sesuatu IPTS itu sebelum kerajaan meningkatkan jumlah IPTS yang hendak diberikan pinjaman kepada pelajar-pelajarnya.

Dalam pada itu juga, saya juga terfikir, kenapakah bahawa IPTS juga harus dalam beberapa hal tentulah pihak PTPTN ini akan tidak secara langsung dapat mempengaruhi kedudukan sesuatu IPTS yang pelajar-pelajarnya akan diberikan pinjaman. Maka dalam hal ini, kenapa kita tidak memikirkan bahawa banyak juga IPTS yang mengadakan universiti berkembar dengan negara lain, tetapi saya difahamkan bahawa ijazah universiti berkembar ini dari UK ataupun mungkin Australia, satu masa nanti, tidak diiktirafkan pada peringkat antarabangsa, pada peringkat United Kingdom dan Australia sendiri. Hal ini telah pun saya rasa dialami oleh sebuah, dua universiti di sini yang telah mengadakan universiti berkembar iaitu tidak diiktiraf, hanya diiktiraf dalam negara ini sendiri, walaupun pelajar melanjutkan pelajaran di UK umpamanya, kalau saya tidak silap, Universiti Teknologi MARA telah mengalami masalah ini.

Jadi, perbelanjaan yang kita keluarkan adalah besar dan akhirnya kita tidak mendapat faedah dan mengapa harusnya pengiktirafan hanya berlaku untuk negara kita sahaja dan tidak di negara mereka.

Keduanya, kenapa seharusnya IPTS mengadakan universiti berkembar dengan hanya universiti-universiti di luar negeri Kenapa tidak dibolehkan untuk kita mengadakan universiti berkembar dengan universiti-universiti dalam negeri Pihak IPTS yang dibuka di negara ini, yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan kenapa tidak boleh mengadakan universiti berkembar dengan pihak universiti-universiti dalam negara ini sendiri.

Jadi, hal ini haruslah difikirkan supaya kita tidak banyak membuang wang ke luar negara dan kita tidak rugi dari segi foreign exchange dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya sekali lagi mengharapkan agar suatu skim pembayaran peminjaman dan pembayaran yang efisien, yang mantap dan yang tidak menyusahkan para pelajar dan juga menjamin pembayarannya mestilah diwujudkan, itu yang pertama sekali.

Dan keduanya, pihak PTPTN mestilah mempunyai sikap proaktif, umpamanya banyak masalah. Masalahnya terutamanya pelajar-pelajar Melayu iaitu sikap yang negatif, tidak proaktif untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya, tidak suka bertanya kepada lecturer, kepada guru dan akhirnya tidak memohon pinjaman menerusi proses yang telah ditetapkan, ini kebanyakan pelajar Melayu tetapi tidak kepada pelajar bukan Melayu.

Dan saya sendiri apabila mendengar seorang saudara saya menceritakan, oh! dia tidak boleh dapat itu dan ini, kemudian saya kata ini bukan salah PTPTN tetapi ini mesti salah kepada budak ini sendiri, kepada salah sikap anak-anak di kampung sendiri yang tidak proaktif dan kemudiannya saya dapati memang betul. Jadi, ini satu sikap kita yang kita harus betulkan. Apabila mengetahui sikap ini, PTPTN sendiri mestilah mempunyai sikap yang proaktif, tetapi masalahnya ialah sikap Melayu yang jadi lecturer pun macam itu juga, sikap orang yang di universiti pun banyak yang begitu juga, sikap di perbadanan ini pun macam itu, ini masalah.

Bila kita hendak betulkan sikap sama ada di bawah ataupun di atas, sedangkan wang ada tetapi kita menjadikan masalah yang pada akhirnya, the final analysis, kerajaanlah yang mendapat tohmahan, kerajaanlah yang dikutuk, kerajaanlah yang buruk. Pada hal kerajaan menyediakan segalanya, tetapi sistem itu tidak berjalan, tidak seindah yang digambarkan, yang diberitahu kepada Dewan ini. Tidak seperti mana yang diharapkan oleh rakyat sendiri. Ini yang kita harus membetulkan sikap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar itu sahaja dan dengan ini menyokong kepada pindaan yang dilakukan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

### **2.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas rang undang-undang ini.

Seramai lapan orang Ahli telah mengambil bahagian, mereka ialah Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah, Yang Berhormat Tuan Hassan, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Datuk Zainudin.

Beberapa perkara telah disebut dan beberapa pandangan konstruktif telah pun diberikan. Saya ucapkan berbilang terima kasih. Saya tidak bercadang untuk pergi ke setiap Ahli Yang Berhormat tetapi saya akan cuba memberikan seberapa yang boleh tentang beberapa isu yang telah dibangkitkan.

Isu yang pertama, saya ingin menjelaskan tentang cara pinjaman atau dana itu diagihkan. Antara beberapa Ahli Yang Berhormat memperkatakan bahawa cara untuk memberi pinjaman tidak harus berasaskan kepada perkauman dan juga setiap pemohon harus dilayan dengan baik. Saya memang bersetuju bahawa kita tidak boleh berasaskan kepada perkauman kerana tujuan mengadakan tabung ini ialah untuk memberikan pinjaman kepada sesiapa pelajar yang memerlukan kewangan, memerlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu melihat bahawa ada di antara pelajar walaupun telah diterima masuk ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta tetapi oleh kerana kewangan keluarganya tidak mengizinkan, mereka tidak dapat masuk untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi yang terdapat di negara kita. Oleh kerana itulah kerajaan mewujudkan satu tabung dan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan dari segi pinjaman.

Oleh kerana itu, saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, cara untuk mengagihkan pinjaman memang tidak berasas kepada perkauman, tidak kira keturunannya, sama ada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya. Selagi mereka memerlukan pinjaman, selagi mereka diterima masuk di universiti-universiti tempatan dan mereka sudah memohon, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan meneliti dan juga akan menimbang permohonan daripada mereka.

Ini telah terbukti dengan begitu jelas. Bagi sesi baru yang memasuki universiti bulan Jun dan Julai, sekarang ini Perbadanan telah meluluskan seramai lebih kurang 13,700 pelajar untuk diberikan pinjaman dan kesemua mereka adalah diterima masuk dan kesemuanya ada memohon. Tidak sesiapa pun dinafikan pinjaman daripada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini. Selagi mereka layak, selagi mereka memohon, Perbadanan akan menimbang dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya meminta Ahli Yang Berhormat jangan ada anggapan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional menimbang dari segi perkauman, menimbang dari segi keturunan latar belakang

mereka. Itu tidak berasas sama sekali. Jadi, saya berharap inilah begitu jelas untuk menerangkan tujuan untuk memberi pinjaman berasaskan kepada keperluan dan kedudukan kewangan para pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara beberapa Yang Berhormat juga menyebut, mengapa memberi pinjaman, mengapa tidak mahu memberikan biasiswa. Sukacita saya maklumkan bahawa sejak Perbadanan ditubuhkan pada tahun 1997 hingga sekarang, kita anggarkan Perbadanan akan menggunakan sebanyak RM2,203 juta untuk memberikan pinjaman. Inilah salah satu angka yang cukup besar. Ini adalah satu angka yang cukup besar dan harus minta daripada pihak kerajaan. Kita anggarkan bahawa bilangan pelajar yang akan memohon atau memerlukan bantuan daripada tabung ini akan meningkat pada masa-masa yang akan datang. Oleh kerana itu, kita anggap tidak boleh kalau kita memberikan biasiswa dan wang itu hangus begitu sahaja sebab tidak ada pulangan daripada para pelajar dan dengan ini mungkin Perbadanan tidak akan membolehkan lebih ramai pelajar untuk mendapat pinjaman.

Oleh kerana itu, kita anggap sesuai untuk memberikan pinjaman kerana pinjaman ini adalah untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dan selepas tamat pelajaran mereka, mereka akan mencari kerja yang lebih lumayan gajinya dan boleh membayar balik. Dengan pembayaran balik itu dana yang sedia ada tidak akan terkikis, mungkin akan membesarkan lagi dan dengan cara ini Perbadanan boleh menggunakan wang ini untuk diberikan kepada lebih ramai pelajar yang memerlukan pertolongan. Oleh kerana itu, setakat ini kita masih belum bercadang untuk menukar daripada pinjaman kepada biasiswa.

Walau bagaimanapun, kita juga timbang kepada pelajar-pelajar yang mencapai prestasi yang cukup cemerlang, cukup baik atau mengikuti kursus-kursus tertentu yang sangat-sangat diperlukan, mungkin kerajaan atau Perbadanan akan menimbang sama ada pada akhirnya sebahagian pinjaman itu akan ditukar sebagai biasiswa. Walau bagaimanapun, pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang biasiswa ini terus akan diambil perhatian oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta laluan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui sekarang ini adakah kerana wujudnya badan yang baru ini sejak 1997 dan mengambil alih pula fungsi MARA dan JPA, pihak kerajaan

memang tidak ada mengkhususkan biasiswa langsung ataupun ada juga biasiswa di mana mereka dapat dan bekerja dengan kerajaan secara kontrak. Itu saya hendak tahu. Kalau tidak ada langsung biasiswa, maknanya hanya tabung ini sahaja menjadi badan khusus untuk mengeluarkan pinjaman. Jadi, adakah satu badan yang lain, kementeriankah atau apakah yang masih lagi mengeluarkan biasiswa?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada kementerian lain atau badan-badan lain akan memberikan biasiswa atau tidak tetapi sepanjang yang saya tahu JPA masih memberikan biasiswa untuk mengikuti kursus-kursus tertentu bagi mereka yang mencapai prestasi yang cukup cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, tentang proses permohonan. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat menyebut bahawa pemprosesan permohonan agak lambat dan ini mengakibatkan banyak masalah dan sebahagian pemohon menyalahkan orang-orang politik dan menyalahkan pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sentiasa peka tentang masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan.

Sebenarnya saya tahu, saya sendiri telah lihat bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Perbadanan telah cuba bertungkus-lumus untuk memastikan tempoh masa untuk memproses sesuatu permohonan tidak begitu lambat, tidak sengaja melambat-lambatkan. Memang tidak dapat dinafikan ada beberapa contoh bahawa borang-borang dihantar oleh pemohon tidak begitu lengkap dan ada kala juga pemohon walaupun ditawarkan tentang tawaran pinjamannya tetapi tidak datang untuk menandatangani beberapa surat perjanjian dan sebagainya. Oleh kerana itu, Perbadanan tidak boleh mengeluarkan wang pinjaman kepada pemohon-pemohon tertentu. Oleh kerana itu, mungkin kes-kes ini melibatkan kelambatan dan memerlukan sedikit masa.

Walau bagaimanapun, Perbadanan juga telah menerima cabaran daripada Menteri Pendidikan Malaysia bahawa dua minggu selepas pelajar melaporkan diri, pinjaman mesti disampaikan ke tangan sipemohon. Mereka di Perbadanan pun telah menerima cabaran dan kali ini kita pastikan bahawa pelajar yang melaporkan diri, dua minggu selepas itu akan menerima pinjaman daripada Perbadanan ini. Mungkin di antara masa....

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Kita telah dimaklumkan semasa perbahasan pagi tadi bahawa

terdapat beberapa penuntut yang sudah menuntut dalam semester dua Tahun Pertama yang belum lagi menerima jawapan dan ada juga mereka yang difikirkan layak seolah-olah permohonan mereka tidak diluluskan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat memandangkan kepada penjelasan Yang Berhormat telah beri tadi, sama ada jawapan yang cepat ataupun awal dapat diberi kepada mereka yang sudah menunggu begitu lama dan sekiranya ada mereka yang tidak diluluskan walaupun seperti apa yang saya tahu ada seorang budak yang saya fikir layak memohon tetapi tidak diluluskan, adakah permohonan seperti ini akan dipertimbangkan semula? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang perbadanan sentiasa menimbang. Walaupun permohonan telah ditolak atas beberapa sebab dan walaupun si pemohon dianggap layak dan mengemukakan rayuan, memang perbadanan akan menimbang. Saya pun faham bahawa selepas rayuan dan selepas menimbang semula, ramai juga pemohon telah diluluskan pinjamannya. Saya mohon kepada para pelajar yang telah memohon tetapi belum dapat jawapan, boleh datang ke pejabat perbadanan atau melalui e-mail boleh memberitahu kepada pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya rasa kelewatan pemprosesan permohonan ini bukanlah disengajakan. Ini adalah disebabkan ada sebab-sebab yang tertentu. Adakalanya - saya bukan hendak salahkan sesiapa, ada kalanya berpunca daripada universiti berkenaan kerana kita berasaskan kepada maklumat daripada universiti berkenaan sama ada pelajar di terima atau tidak. Kita hanya memberikan pinjaman kepada pelajar yang telah diterima oleh pihak universiti. Oleh kerana itu, adakalanya pemohon-pemohon semasa memproses permohonan itu nampaknya begitu lama. Walau bagaimanapun, perbadanan sentiasa berikhtiar supaya memendekkan atau mempercepatkan proses permohonan untuk dapatkan pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kutipan balik pinjaman ini, memang telah dibincangkan begitu detail dan sekarang ini pun kita telah dapat kerjasama dari Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membantu perbadanan supaya selepas belajar - tamat daripada universiti enam bulan atau bulan kedua belajar dapat pekerjaan, gajinya akan dipotong melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, tidak timbul masalah untuk mencari si pemohon untuk mendapat balik pinjamannya. Setakat ini

kita anggap baik sebab kita sudah dapat sebanyak RM12 juta daripada pelajar yang telah memulangkan pinjaman mereka.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Bagaimana keadaan seseorang peminjam setelah lulus ijazahnya bekerja di luar negara? Bagaimana pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak memotong pendapatan beliau ataupun sekiranya penuntut itu tadi telah self employ, dengan izin, iaitu bekerja dengan sendiri mungkin tidak melaporkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun mungkin tidak ada tax filenya, dengan izin, dan juga bagi penuntut yang membuka syarikat di mana beliau menjadi ahli pengarah tetapi tidak menerima elaun pengarah dan juga tidak menerima gaji dan dengan itu mungkin susah Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak locate, dengan izin, kerana tidak ada tax file. Jadi, bagaimana keadaan penuntut ini, bagaimana Jabatan Hasil Dalam Negeri hendak memotong gaji beliau? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Ini saya rasa sesiapa pun tidak boleh lari daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sudah tentu mereka kena bayar walaupun self employ, buka syarikat sendiri dan sebagainya, tetapi untuk keluar dari negara untuk bekerja, saya kena tanya kawan sayalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan cara untuk mengutip cukai pendapatan mereka. Wala u bagaimanapun, pada hemat saya, kalau kerajaan fikir segelintir orang mungkin lari, oleh kerana itu ia tidak memberi pinjaman kepada sebahagian besar yang memerlukan, saya rasa ini tidak adil, mungkin tidak dapat 100% kutipan balik daripada pinjamannya tetapi kita tidak boleh sebab segelintir sahaja untuk mengabaikan atau tidak memberikan langsung kerana kita takut mungkin setelah memberi pinjaman, tidak pulang balik. Tetapi pada hemat saya, kebanyakan pelajar yang dapat pinjaman, ia mesti rasa berbanyak terima kasih dan terhutang budi kepada kerajaan, takkan mereka tidak mahu pulang balik. Jadi, ini satu budaya (culture) harus melahirkan - pinjaman adalah pinjaman - loan is a loan, you have to pay, dengan izin. Jadi, mungkin kita harus menghidupkan budaya (culture) begini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat juga tidak begitu rasa senang hati mengapa perbadanan akan mencampuri dalam perniagaan. Sebenarnya saya telah jawab tadi, tujuan perbadanan, hasrat perbadanan adalah untuk berdikari dari segi kedudukan kewangannya atau dengan izin, self-financing. Perbadanan tidak mahu selama-lamanya bergantung kepada pemberian wang daripada pihak kerajaan, ini saya

rasa hasrat murni kerana kita tidak mahu bergantung semata-mata dan selamanya kepada pihak kerajaan untuk memberi pemberian wang. Perbadanan berfungsi sebagai posmen sahaja - dapat wang dari sini, lepas itu beri kepada pelajar. Perbadanan tidak mahu buat macam ini. Sebenarnya hasrat perbadanan ialah untuk self-financing untuk dengan usaha mereka dapat mewujudkan satu peluang untuk dapat keuntungan atau pulangan supaya .....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan....

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya habiskan, sekejap ya. ...supaya perbadanan boleh memberikan lebih banyak pinjaman kepada pemohon-pemohon pada masa yang akan datang.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Kalau boleh saya ingin mencadangkan sama ada kerajaan setuju atau tidak. Kita kena wujudkan satu budaya penyumbang, mungkin kerajaan pusat bagi tabung ini kepada tabung pendidikan tinggi ini. Kalau boleh ada negeri-negeri termasuk negeri yang ditadbir oleh PAS ataupun Barisan Nasional menyumbang kepada tabung yang berkenaan.

Begitu juga mungkin ibu bapa yang ingin sumbang RM5.00 satu keluarga setahun mungkin kita dapat berapa banyak, berapa juta ringgit sebab rakyat kita ada 20 juta. Kalau ikut ketua keluarga berapa ramai, RM5.00 berapa banyak? Buka peluang, mungkin ada institusi-institusi kewangan, orang yang kaya-raya ingin menyumbang sebagai tanggungjawab sosial, memberi sumbangan kepada tabung ini, lebih membanyakkan lagi jumlah tabung ini selain daripada mungkin kerajaan membenarkan tabung ini untuk berniaga. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya anggap cadangan ini cukup baik dan sebenarnya perbadanan juga ada program lain. Sekarang ini sebenarnya perbadanan sedang menimbang untuk mewujudkan satu skim simpanan. Ini akan dibuka kepada semua ibu bapa yang hendak atau yang ingin untuk menyimpan wang dalam tabung ini untuk mengeluarkan kelak digunakan oleh anak mereka. Ini sedang kita timbangkan. Cadangan daripada Yang Berhormat untuk mengutip derma dan sebagainya cukup baiklah. Kalau ada orang yang secara sukarela untuk menderma, kita terima juga. Saya rasa tidak jadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang mengapa perbadanan hendak menceburi dalam perniagaan atau untuk berkongsi melibatkan atau wujudkan syarikat dalam joint

venture dan sebagainya dengan syarikat-syarikat lain, tujuannya ialah untuk membanyakkan tabung. Bukan hanya menggunakan tabung yang sedia ada, supaya tabung akan kian bertambah. Sebenarnya saya rasa ini satu beban tambahan perbadanan sanggup pikul. Sebenarnya mereka tidak sanggup pikul beban tanggungjawab ini. Saya rasa pegawai-pegawai tabung perbadanan lebih suka untuk menguruskan tabung sebagai pemberian daripada kerajaan dan selepas itu berikan kepada pelajar. Tetapi mereka anggap ini tidak cukup. Oleh kerana itu, mereka minta Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan Rang Undang-undang supaya membolehkan mereka juga boleh gunakan tabung itu untuk melibatkan diri sejenis atau beberapa aktiviti perniagaan dengan tujuan dapat keuntungan balik untuk memberikan lebih banyak pinjaman kepada pelajar.

Walau bagaimanapun, jaminan yang saya boleh bagi ialah sebelum sesuatu pelaburan yang dibuat oleh perbadanan mereka harus dapat kelulusan daripada Menteri Pendidikan Malaysia dan juga dapat persetujuan daripada Menteri Kewangan. Itu perbadanan harus buat. Dan perbadanan juga akan wujudkan satu panel melibatkan beberapa profesional yang pakar dalam bidang perniagaan untuk menguruskan dana supaya risiko tidak begitu tinggi. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat yang khuatir tentang kerugian memang saya ucapkan berbanyak terima kasihlah. Tiap orang pun takut kalau buat bisnes rugi. Ini memang bukan kita sengaja hendak rugikan wang itu. Jadi, saya rasa inilah merupakan tanggungjawab tambahan bagi perbadanan untuk menguruskan tanah, dapat kebenaran daripada Ahli Yang Berhormat untuk menceburi dalam bidang perniagaan dengan tujuan supaya tabung itu akan kian bertambah bukan sahaja bergantung semata-mata daripada pemberian daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang 4% kos pentadbiran. Ini pun telah dapat banyak komen dan juga cadangan perbahasan daripada Ahli Yang Berhormat. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa kos pentadbiran dikenakan ialah untuk membiayai kos pentadbiran perbadanan. Kos pentadbiran perbadanan umpamanya sewaan ruang pejabat, gaji untuk kakitangan, pegawai dan sebagainya. Ini sudah tentu mesti dibiayai oleh pelajar yang pinjam wang dari tabung ini.

Ada beberapa ahli Yang Berhormat juga sebut sama ada ini bercanggah dengan konsep riba. Ingin saya maklumkan bahawa perbadanan juga akan mewujudkan satu jawatankuasa Syariah dengan sendirinya untuk mengkaji secara

mendalam sama ada ini bercanggah dengan konsep riba ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberikan sedikit masa dan saya rasa ini akan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat juga sebut masalah pelajar di IPTA ini sama ada mereka gunakan wang itu untuk belajar atau tidak. Ini memang cadangan yang baik untuk memantau pelajar-pelajar yang sudah dapat pinjaman. Saya akan mencadangkan kepada perbadanan nanti bahawa mungkin kita kena lihat dari segi pemantauan. Ini memang cukup penting bagi saya. Kalau pelajar sudah dapat pinjaman kalau langsung tidak ada hubungan dengan perbadanan, juga dengan pihak pelajar mungkin lama-kelamaan dia tidak rasa inilah satu jasa baik daripada perbadanan atau kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana itu, saya akan cadang kepada perbadanan supaya mungkin fikir satu cara bagaimana perhubungan kedua-dua pihak akan merapatkan hubungan lebih baik lagi supaya kita akan memberi nasihat kepada para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dan lepas itu akan membayar balik pinjaman dan juga berkhidmat kepada masyarakat dan yang penting sekali ialah sokong Kerajaan Barisan Nasional.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui adakah keputusan-keputusan peperiksaan daripada universiti-universiti di mana mereka yang mendapat bantuan atau pinjaman ini dihantar secara langsung (direct) kepada perbadanan ini untuk menentukan supaya pegawai-pegawai di situ dapat memantau kejayaan mereka yang mendapat pinjaman. Adakah perkara ini termasuk dalam terma-terma perjanjian?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini memang kita ada memastikan bahawa mereka mesti hantar keputusan peperiksaan. Walau bagaimanapun, kita boleh buat secara pentadbiran. Kalau kita boleh melalui forum-forum yang lain, seminar-seminar, perjumpaan-perjumpaan yang lain yang dianjurkan oleh pihak perbadanan. Walau bagaimanapun ini akan juga menggunakan wang dari tabung ini. Jadi, kita akan fikir cadangan Yang Berhormat sama ada ini disyaratkan supaya keputusan daripada setiap pemohon untuk menghantar kepada pihak perbadanan untuk pemantauan sama ada mereka belajar atau tidak dan sebagainya. Jadi, cadangan ini memang baik dan saya akan cadangkan kepada perbadanan supaya ambil perhatian tentang cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat tentang para pelajar untuk menggunakan wang

pinjaman itu dengan sebaik-baiknya, bukan lari dari tujuan asal untuk memberikan kemudahan pinjaman wang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada Yang Berhormat juga sebut tentang sama ada memberi penggalakan supaya pelajar mengambil kursus dalam bidang-bidang sains. Sebenarnya ini bukan satu syarat supaya kita hendakkan begitu peratus pelajar yang dapat pinjaman mesti ikuti bidang sains dan sebagainya. Kriteria untuk memberikan pinjaman berasaskan kepada pendapatan keluarga. Jadi, inilah jelas bahawa mungkin kita boleh mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa perbadanan telah bersetuju atau mengambil satu keputusan, dari tahun ini kadar pinjaman terbahagi kepada dua jenis. Satu ialah kadar penuh dan lain ialah kadar sebahagian. Kadar penuh ialah untuk menampung yuran dan juga kos sara hidup dan kadar sebahagian ialah untuk cuma yuran sahaja. Jadi untuk IPTA perbadanan telah putus bahawa bagi ijazah pertama sains, kadar penuh sebanyak RM7,000, kadar sebahagian RM3,500. Untuk diploma di IPTA, kadar penuh RM5,000, kadar sebahagian RM2,500. Bagi IPTS kecuali UNITAR dan IMU bagi ijazah pertama jurusan sains 'RM16.50' bagi kadar penuh.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan sedikit fakta itu. Kalau RM16.50 tidak, jadi mungkin RM16,000.

**Dato' Hon Choon Kim:** Okay, sorry. RM16,500. Bagi kadar sebahagian RM13,500. Bagi Sastera kadar penuh RM16,000. Bagi kadar sebahagian sebanyak RM10,000.

Bagi UNITAR, ijazah pertama jurusan sains, kadar penuh sebanyak RM10,500. Kadar sebahagian sebanyak RM8,500. Bagi sastera, kadar penuh sebanyak RM10,000. Bagi kadar sebahagian sebanyak RM8,000. Bagi IMU, ijazah pertama kadar penuh RM20,000. Bagi IPTS kecuali UNITEN, MMU, UPT, UNITAR dan IMU diploma sahaja RM5,000 bagi kadar penuh dan RM3,500 bagi kadar sebahagian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa penjelasan yang saya dapat berikan....

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Minta laluan Yang Berhormat Tadi Yang Berhormat mengatakan pinjaman kadar penuh melibatkan kos saraan dan juga yuran, tidakkah tabung ini memikir tentang kos pengangkutan, sebagai contoh peminjam dari

negeri Sarawak dan Sabah misalnya apabila menuntut di Semenanjung mereka terpaksa pakai kapal terbang dan ini melibatkan kos yang lebih daripada kos yang dialami oleh penuntut yang boleh menggunakan jalan raya. Jadi itulah soalan saya Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih. Sebenarnya ini telah pun kita berikan kemudahan sebagai pendahuluan (advance) sebanyak RM1,500 bagi pelajar daripada Sarawak kalau belajar di Semenanjung Malaysia, RM1000 untuk pelajar-pelajar lain untuk menampung kos awal untuk mendaftarkan diri di universiti-universiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa penjelasan yang saya sempat beri tentang Rang Undang-undang ini dan tentang perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab, sudah tentu pegawai-pegawai saya sudah akan mengambil perhatian dan akan dibawa balik ke Kementerian Pendidikan untuk kita buat satu tindakan dengan sewajarnya.

Jadi saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya ucapkan banyak terima kasih khususnya juga kepada pegawai-pegawai perbadanan yang begitu bertungkus-lumus untuk memastikan pemberian pinjaman kepada para pelajar dapat dijalankan dengan licin dan baik. Saya ucapkan banyak terima kasih dan saya mohon mencadangkan

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa* ]

**Fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2000**

**Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**3.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP berfungsi sebagai pemegang amanah simpanan ahli-ahlinya dan bertanggungjawab untuk memberi jaminan kewangan semasa persaraan ahli berasaskan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta KWSP 1991 atau Akta 452.

Tujuan pindaan kepada beberapa peruntukan Akta 452 dan mewujudkan beberapa peruntukan baru ialah bagi memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP untuk menambah skim kepada ahli selaras dengan perkembangan semasa dan bagi membolehkan KWSP memikul tanggungjawab untuk meningkatkan keberkesanan operasinya.

Pindaan-pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan terbahagi kepada tujuh bahagian utama seperti berikut:

- (i) memperkemaskan serta melicinkan lagi urusan pentadbiran dan penguatkuasaan;
- (ii) membenarkan pasangan suami atau isteri yang tidak mengambil pinjaman untuk membeli atau membina rumah, membuat pengeluaran bagi menyelesaikan atau mengurangkan baki pinjaman perumahan yang telah diambil;
- (iii) membenarkan pengeluaran sebahagian daripada simpanan bagi membiayai pengajian tinggi anak ahli dan untuk membeli komputer;
- (iv) membenarkan anggota perkhidmatan awam yang telah diletakkan di bawah skim pencen mengeluarkan semua baki simpanan syer mereka tanpa menunggu umur 55 tahun;
- (v) membenarkan ahli menggunakan simpanan untuk pembelian skim anuiti;

- (vi) menetapkan kuantum bayaran amaun tambahan bagi kes-kes kematian dan hilang keupayaan; dan
- (vii) mengehadkan faedah-faedah yang layak diterima oleh pekerja warganegara asing yang wajib mencarum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan urusan pentadbiran dan menjalankan penguatkuasaan di bawah akta terdapat beberapa perkara yang perlu diperkemas dan pindaan-pindaan seperti berikut dicadangkan:

- (i) adalah menjadi dasar KWSP bahawa komisen adalah sebahagian daripada upah yang mana selaras dengan definisi upah secara umum dan ianya tidak pernah dicabar sehingga akhir-akhir ini. Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa kes mahkamah di mana majikan telah mempertikaikan perkara ini dan Mahkamah Majistret telah memutuskan bahawa komisen tidak termasuk dalam definisi upah. Mahkamah Tinggi juga telah menolak rayuan KWSP di mana kes yang melibatkan bayaran komisen, dengan itu pindaan terhadap takrif upah di bawah Seksyen 2 adalah perlu bagi memperuntukkan secara jelas bahawa komisen adalah sebahagian daripada upah.
- (ii) meminda subseksyen 31(3), 31(4) dan 31(5) untuk memberi kuasa kepada Jawatankuasa Tatatertib membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmatnya dan bagi mempercepatkan proses tindakan tatatertib;
- (iii) memasukkan subseksyen baru 34(1)(5) untuk memberi kuasa kepada KWSP meletakkan mana-mana pegawainya selain daripada memeriksa dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugas seorang Pemeriksa tanpa memerlukan perletakan hak ini diwartakan;
- (iv) memasukkan subseksyen baru 38 (2A) bagi membolehkan KWSP mendapatkan perintah mahkamah terhadap orang-orang yang telah diambil tindakan pendakwaan dan seterusnya disabitkan kesalahan di bawah seksyen ini mengemukakan maklumat-maklumat dan butir-butir yang diperlukan atas

perintah mahkamah untuk tujuan pemeriksaan oleh pegawai-pegawai Lembaga. Ini disebabkan terdapat kesukaran dan kesulitan untuk mendapatkan butir-butir dan rekod terutamanya mengenai senarai pekerja dan rekod pembayaran upah dari pihak majikan. Peruntukan yang sedia ada hanya memperuntukkan hukuman sahaja dan masih terdapat ramai majikan yang gagal mengemukakan maklumat yang diperlukan walaupun setelah diambil tindakan mahkamah dan dihukum di bawah seksyen ini.

- (v) seksyen 50 dipinda bagi memperjelaskan kuasa Menteri untuk menetapkan pecahan akaun ahli untuk tujuan mengkredit caruman yang diterima oleh KWSP; dan
- (vi) bagi memastikan kesemua caruman tertunggak diperolehi, pindaan terhadap seksyen 63 (1) adalah perlu untuk memperjelaskan bahawa perkataan “amaun caruman” merangkumi keseluruhan amaun caruman yang tertunggak. Pindaan terhadap Seksyen 63(4) pula akan mempercepat dan mempermudah proses mendapatkan kembali caruman tertunggak melalui pilihan yang diperuntukkan demi kepentingan pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan bahawa pasangan ahli dibenarkan mengeluarkan simpanan bagi mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan ke atas rumah milik bersama, walaupun tidak membuat pinjaman perumahan, dengan syarat nama pasangan didaftar sebagai pemilik bersama rumah tersebut. Ini bertujuan bagi mengelakkan rumah ahli dari dilelong kerana tidak mampu membayar balik pinjaman di dalam sesuatu tempoh tertentu akibat daripada pemberhentian kerja, peralucutan jawatan, hilang keupayaan untuk terus bekerja dan seumpamanya.

Cadangan ini melibatkan pindaan kepada seksyen 54. Tempoh kekerapan mengeluarkan simpanan bagi mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan juga dicadangkan dikurangkan daripada 5 tahun kepada 3 tahun dan ini melibatkan pindaan kepada peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah KWSP 1991.

Dalam Ucapan Belanjawan 2000 kerajaan telah mengumumkan pengeluaran KWSP boleh dibuat untuk membiayai pengajian tinggi anak ahli termasuk pembelian komputer melalui Skim Pendidikan Anak Ahli KWSP. Bagaimanapun, berdasarkan banyak rayuan daripada ahli KWSP, kerajaan telah memutuskan bahawa pengeluaran untuk pembelian komputer dibenarkan untuk anak ahli yang berumur 10 tahun ke atas. Dengan ini, pembiayaan pembelian komputer tidak lagi termasuk dalam Skim Pendidikan Anak Ahli KWSP tetapi diletakkan di bawah Skim Pembiayaan Pembelian Komputer.

Selain itu, anggota perkhidmatan awam yang telah diletakkan di bawah skim pencen dibenarkan mengeluarkan semua baki simpanan syer mereka tanpa menunggu umur 55 tahun. Oleh itu, pindaan kepada seksyen 54 adalah perlu bagi membolehkan kedua-dua jenis pengeluaran dibuat oleh ahli. Untuk membolehkan syer caruman kerajaan diserahkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen, seksyen 56 perlu dipinda.

Dengan peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia, KWSP bercadang memperkenalkan skim anuiti iaitu skim insurans konvensional dan takaful yang memberi jaminan kewangan seumur hidup kepada ahli serta membantu keperluan tanggungan ahli melalui pembelian anuiti yang dibuat menerusi syarikat insurans yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ahli boleh menyertai skim ini secara pilihan. Dengan itu adalah dicadangkan peruntukan baru di bawah bahagian baru iaitu Bahagian VIA dan seksyen baru iaitu 55A diwujudkan untuk membolehkan skim insurans dilaksanakan.

Pada masa ini KWSP memberi bantuan kepada keluarga ahli yang meninggal dunia atau kepada ahli hilang upaya yang terputus sumber kewangan iaitu melalui skim bantuan kematian atau skim bantuan hilang keupayaan yang dikira berdasarkan formula aktuari. Bayaran ini dibuat menggunakan keuntungan KWSP yang sepatutnya diagihkan kepada ahli-ahli melalui pembayaran dividen.

Bagi mengelakkan ahli-ahli lain dibebankan dengan subsidi yang sedia ada, adalah dicadangkan kuantum bayaran bantuan kematian atau hilang keupayaan ditetapkan sebanyak RM2,000 untuk setiap permohonan pengeluaran kematian atau hilang upaya. Amaun tambahan ini adalah sebagai bentuk bantuan kematian atau hilang keupayaan daripada lembaga kepada ahli. Ini melibatkan pindaan kepada seksyen 58.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 58A pula dimasukkan bagi memastikan seseorang ahli tidak boleh menggunakan apa-apa amaun yang dikeluarkan daripada KWSP untuk maksud yang lain selain daripada maksud yang baginya pengeluaran dibenarkan. Jika tidak, ahli tersebut hendaklah memulangkan balik amaun yang terlibat kepada KWSP. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggarannya adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti am di bawah seksyen 60 di mana apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi 6 bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya.

Berikutan dengan keputusan kerajaan mewajibkan pekerja warganegara asing mencarum, KWSP menghadapi beberapa masalah dalam menguruskan caruman oleh pekerja warganegara asing. Antaranya ialah masalah pentadbiran dan pengurusan simpanan ahli-ahli tersebut termasuk kesulitan KWSP untuk mengenal pasti penama yang mungkin berada di negara asal.

Oleh itu dicadangkan empat dasar yang melibatkan kategori pekerja warganegara asing ini, iaitu penetapan tempoh tanggungan untuk mencarum skim pengeluaran yang layak iaitu pengeluaran meninggalkan negara, pengeluaran kematian dan hilang upaya dan menetapkan bahawa mereka tidak dibenarkan membuat penamaan. Oleh itu bahagian baru VIIA mengandungi lima seksyen baru iaitu seksyen 70A, 70B, 70C, 70D dan 70E dimasukkan bagi memperuntukkan penetapan dasar-dasar terhadap pekerja warganegara asing yang wajib mencarum.

Seksyen 70A menjelaskan bahawa bahagian tersebut terpakai kepada ahli KWSP yang bukan warganegara Malaysia yang diwajibkan mencarum atau memilih untuk mencarum pada atau selepas 1 Ogos 1998.

Seksyen 70B memperuntukkan bahawa tanggungan mencarum seseorang pekerja bukan warganegara Malaysia dan majikan kepada pekerja tersebut hendaklah terhenti untuk 2 bulan terakhir sebelum tempoh pas kerja bukan warganegara Malaysia itu tamat. Ini bagi membolehkan KWSP membayar simpanan sebelum ahli bukan warganegara Malaysia meninggalkan negara ini.

Seksyen 70C menetapkan syarat pengeluaran semua amaun yang ada pada kredit seseorang ahli KWSP yang bukan warganegara Malaysia iaitu ahli meninggal dunia, ahli tidak berupaya dari segi fizikal dan mental dan ahli yang akan meninggalkan Malaysia dengan tiada niat untuk kembali semula.

Seksyen 70D pula memperuntukkan bahawa ahli bukan warganegara Malaysia tidak dibenarkan membuat penamaan. Ini adalah kerana ianya akan menimbulkan masalah kepada KWSP untuk mengenal pasti penama yang mungkin berada di negara asal di samping dapat mengelakkan ahli bukan warganegara Malaysia ditipu oleh pihak tertentu dengan menamakan pihak tertentu sebagai penama.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan peruntukan kepada Seksyen 71 perlu dibuat untuk memberi kuasa kepada menteri membuat peraturan-peraturan berhubung dengan pengambilan polisi insurans di bawah Bahagian IV<sup>A</sup> termasuklah pe lantikan, pengurusan, pentadbiran, tugas, terma dan syarat syarikat insurans. Manakala tambahan peruntukan kepada Seksyen 73 pula memberi kuasa kepada lembaga membuat kaedah-kaedah yang berkaitan dengan pengambilan polisi insurans. Dengan pindaan kepada beberapa peruntukan serta penambahan beberapa peruntukan baru kepada Akta 452 ini, urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP dapat diperkemaskan, manakala tambahan skim kepada ahli adalah selaras dengan perkembangan semasa serta bagi membolehkan KWSP memikul tanggungjawab untuk meningkatkan keberkesanan operasinya demi kepentingan pencarum dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 diba cakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

**3.33 ptg.**

**Datuk Tee Thiong Hock:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya ambil peranan untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu cari perkataan untuk skim KWSP ini memang yang sesuai adalah “jimat sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit”. Itulah kerana kita mahu simpan wang terutamanya pekerja pada masa sampai umur bersara, ada cukup sumber kewangan untuk masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini

sebagai matlamat utama dan pemindaan yang tadi dibangkitkan dalam akta ini nampaknya KWSP ini adalah mengikut keperluan semasa, menjadi lebih fleksibel. Bertambah lebih faedah dan juga cara-cara di mana wang simpanan itu boleh diguna dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu walaupun ada fleksibilitinya kita kena jaga sedikit bahawa fleksibiliti ini jangan *diabuse*, diguna, makna saya ialah pada masa ini negara kita sudah menjadi *economically very strong*, dengan izin, dan dengan logik ini sepatutnya pekerja-pekerja dapat gaji yang lebih lumayan. Jadi, dari gaji yang bertambah itu patutlah seseorang pekerja ada *ability*, dengan izin, membiayai kehendak-kehendak keluarga seperti komputer, pendidikan dan lain-lainnya kalau *income purchasing power* dan *parity* adalah meningkat dalam keadaan ekonomi ini.

Saya kata jangan abuse kerana kita kena jaga. Kalau dengan skim baru ini, KWSP dengan *monitomya*, dengan satu cara *monitoring* yang *end result* ada begitu ramai ahli keluarkan wang untuk perkara-perkara ini. Memang itu bukan tanda yang sihat. Hanya merupakan sahaja pekerja-pekerja atau *contributor* semakin lama semakin miskin. Itu kita kena jaga. Jadi, walaupun ada fleksibiliti ini, saya haraplah ahli-ahli yang memerlukan fleksibiliti ini tidak ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap begitu kerana juga ada satu *phrase*, bahasa yang dulu saya baca, “kalau kita korek sedikit-sedikit, lama-lama habis ataupun lama-lama jadi kolam”, kalau sampai situasi itu memang *it is a very sad event*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin lebih fokus sedikit iaitu Fasal 2. Di Fasal 2, saya amat merasakan pihak pekerja ataupun *contributor* kerana kali ini bonus dan komisen telah pun dimasukkan dalam definisi gaji. Itu begitu mustahak dan oleh kerana dimasukkan dalam definisi gaji, jadi akan dapat *share of contribution* dari majikan, 12% itu nampak banyak juga. Kalau tidak, saya agak oleh kerana *court case* yang tadi disebutkan memang ada majikan akan ambil peluang tidak bayar 12% ini kerana juga banyak rakyat Malaysia upahnya atau jumlah gajinya, satu *proportion* yang begitu besar adalah dari komisen ataupun bonus. Kalau kita tahu *salesman*, pekerja-pekerja dalam bidang pemasaran ataupun pengurus (*manager*) boleh sampai lebih dari separuh. *The take home pay is based on commission and bonus*, dengan izin. Jadi, ini saya ucap tahniah kementerian kerana ada jaga rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10, saya nampak kerajaan kali ini membenarkan kakitangan kerajaan boleh keluarkan *share* EPF yang mereka *contribute* sebelum

mereka *diconfirm pensionable*. Saya harap juga kerajaan boleh menganjurkan faedah lebih sedikit kepada kakitangan kerajaan kerana dalam fasal ini share yang *dicontribute* oleh kerajaan akan dipindah ke Kumpulan Wang Amanah Pencen. Bolehkah kita menimbang kalau sesuatu kakitangan kerajaan pada masa mereka pencen bersara adalah satu rekod servis yang begitu cemerlang. Wang inilah berikan kepada mereka sebagai satu bonus *special*. Pada masa sekarang mereka hanya dapat *gratuity*. Jadi, ini sebagai satu hadiah yang istimewa kepada mereka kerana mereka sudah berkhidmat kepada kerajaan kira-kira 25 atau 30 tahun, begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12, ini saya rasa adalah insurans polisi yang kedua. Sebenarnya KWSP ada insurans polisi yang pertama kepada seseorang pekerja. Ini insurans polisi yang kedua, bukan saya hendak kata tidak bagus. Ini memang ikut keperluan seseorang. Hanya di sini saya mahu membangkitkan perkara insurans polisi ini berkenaan dengan faedah ataupun dividen ataupun *premium payment*. Saya harap oleh kerana insurans polisi ini nampaknya ada lah sebagai satu polisi yang *diguarantee* pembayaran premium kerana wang itu akan dikeluarkan dari KWSP.

Jadi, dia punya *lapse rate* akan banyak dikurangkan dan kos *administration*nya juga cukup rendah. Jadi, saya rasalah syarikat-syarikat insurans dipilih patutlah menjamin pulangan kepada pembeli polisi-polisi ini iaitu ahli-ahli KWSP yang lebih lumayan. Nombor satu, premium lebih rendah. Nombor dua, dividen lebih tinggi kerana kos *administration* dan juga *rate of lapsing* sudah turun.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap walaupun ada permintaan yang membolehkan lebih fleksibiliti ahli-ahli KWSP sanggup jaga sedikit dan jangan mengeluarkan wang ikut suka hati dan sebenarnya task utama kepada KWSP pada masa ini walaupun membolehkan lebih lagi fleksibiliti adalah meningkatkan pulangan kepada ahli KWSP selalu kita kata pulangan pada masa sekarang, dividend rate 6% sampai 7% tak berapa memuaskan. Kita patut aim sampai dua digit dan dengan kata-kata ini saya menyokonglah pindaan akta ini, terima kasih.

### 3.42 ptg.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan dengan menyertai perbahasan mengenai Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Pertama, pengeluaran wang untuk maksud membiayai perubatan iaitu

Fasal 54(6)(f). Saya rasa ini adalah satu langkah yang jitu yang peka terhadap keperluan pekerja-pekerja yang terdesak. Berkaitan dengan ini saya berpendapat bahawa lembaga perlulah menimbang pengeluaran bukan sahaja bagi pembiayaan untuk perkhidmatan doktor pakar dan membeli ubat-ubat yang luar daripada kemampuan pekerja, malah lembaga juga hendaklah menimbang pengeluaran untuk membiayai kos penjagaan dan rawatan, dengan izin, nursing and care pesakit yang berkenaan.

Kita tidak boleh membuat sangkaan atau assumption, dengan izin, bahawa isteri atau suami, jika pesakit itu isteri mempunyai masa dan keupayaan atau kecekapan untuk memberi rawatan ini. Malah kalau kedua-dua suami isteri itu masing-masing bekerja, salah seorang daripada mereka mestilah balik bekerja dan tidak boleh menjadi penganggur kerana hendak memberi rawatan kepada pesakit. Malah keluarga itu mestilah berterusan mempunyai sumber sara hidup lebih-lebih lagi apabila salah seorang sudah tidak mampu bekerja.

Kedua, Fasal 54(G) Akta yang sama pula membenarkan pengeluaran untuk pembiayaan pelajaran tinggi anak-anak. Saya berpendapat ini adalah juga satu langkah yang progresif lebih-lebih lagi dalam konteks kita merebut peluang untuk menimba ilmu dan kepakaran. Anak-anak tidaklah seharusnya hilang peluang untuk meneruskan pelajaran mereka jika mereka berkebolehan dan berminat. Berkaitan dengan kemudahan ini saya ingin menyeru pihak-pihak yang berkenaan supaya janganlah lupa akan tujuan KWSP atau tabung simpanan pekerja asalnya iaitu simpanan untuk umur tua pekerja. Saya berpendapat adalah wajar sekiranya pengeluaran untuk pengajian tinggi anak itu dianggap sebagai pinjaman anak-anak kepada tabung ibu atau bapanya. Pinjaman ini hendaklah dipulangkan balik apabila anak itu sudah lulus dan mulai bekerja. Ini adalah sebagai satu jaminan bahawa pencarum ada simpanan dan ada punca sara hidup apabila tiba umur tua sekiranya berlaku sesuatu peristiwa atau suasana di mana anak-anak tidak mahu menyara atau mengabaikan orang-orang tua mereka ataupun orang-orang tua itu sendiri memilih untuk berdikari.

Tan Sri Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa walaupun skim KWSP membenarkan pencarum menamakan pewaris simpanannya, pewaris-pewaris hendaklah menganggapkan wang simpanan ini sebagai hak pusaka mereka. Mereka hanya berhak ke atasnya sekira berlaku kematian. Yang penting diingati ialah

simpanan itu adalah untuk sara hidup pekerja apabila mereka sudah tidak berkeupayaan untuk bekerja lagi. Berkaitan dengan ini, saya ingin juga meminta pihak yang berkaitan untuk mewujudkan skim-skim bagi memperkukuhkan kemudahan warga tua seperti mengadakan peruntukan menerusi Yayasan Warga Tua atau seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya paling tertarik dengan Fasal 12, Fasal yang baru di mana seseorang ahli boleh menggunakan amaun yang ada pada kreditnya untuk mengambil polisi insurans di bawah skim anuiti melalui syarikat insurans yang diluluskan oleh pihak menteri. Beberapa manfaat atau faedah dapat dinikmati oleh ahli-ahli sekiranya mereka berbuat demikian. Ini termasuk jaminan, kadar pulangan yang kompetitif, kadar cukai yang fleksibel, bayaran perubatan termasuk penyakit kronik, pengeluaran kesemua dana atau dengan izin, surrender value secara fleksibel mengikut apa yang diperlukan sama ada 5, 6, 7 tahun atau selama hidup dan juga boleh dengan izin, cover sesuatu ahli hingga umur 90 tahun. Semua ciri-ciri annuity insurance ini adalah sesuatu yang boleh dirundingkan dan fleksibel mengikut keperluan sesuatu individu.

Skim insurans secara anuiti ini paling pesat di negara-negara maju kerana ia lebih komprehensif dan fleksibel dan memberikan pelbagai faedah di mana untuk warga tua yang memerlukan perhatian dan prihatin secara selesa dan secara fleksibel. Apa yang mustahak ialah supaya pencarum atau ahli-ahli KWSP memahami skim anuiti tersebut sebelum melaksanakannya.

Akhir sekali berkaitan dengan Fasal 63 iaitu tanggungjawab majikan. Saya ingin membangkitkan isu perkhidmatan suri-suri rumah tangga yang kebanyakan mereka tidak mempunyai perlindungan tabung simpanan untuk masa tua. Kumpulan-kumpulan wanita pernah menggesakan supaya satu skim seperti KWSP iaitu skim simpanan suri rumah untuk isteri-isteri yang tidak mempunyai pekerja lain di luar. Untuk full time house wife, dengan izin, suami adalah majikan. Oleh yang demikian, suami-suami hendaklah membuat caruman atau potongan peratusan yang sewajarnya daripada gaji mereka untuk tabung simpanan ini. Satu peraturan hendaklah digubal untuk melaksanakan skim ini dengan mengambil kira isteri-isteri yang dicerai, isteri-isteri yang ditinggalkan dan juga untuk balu-balu. Dengan demikian, kerajaan membuktikan mengambil kira sumbangan-sumbangan ibu dan suri rumah dalam pembangunan negara dan masyarakat.

Secara menyeluruh, syabas saya ucapkan atas pindaan yang dibuat kepada Rang Undang-undang Wang Simpanan Pekerja 2000 ini kerana telah mengambil kira semua isu yang sangat perlu untuk semua ahli, antara yang lain termasuk perubatan, pendidikan, pembelian dan pembinaan rumah dan perancangan hari tua secara komprehensif. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Dato' Aziz.

**3.49 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana semakin hari semakin fleksibel dengan penggunaan dana kewangan KWSP. Ini menunjukkan kerajaan amat prihatin bagi menentukan tanggungjawabnya terhadap pekerja-pekerja yang menyumbangkan begitu banyak kepada pembangunan ekonomi negara. Syabas saya ucapkan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KWSP ini saya perhatikan dia macam dinasour, badan besar, dengan keahlian 9.16 juta pencaruman, aset keseluruhan RM148 bilion, selepas itu dia kutip pula daripada orang ramai tahun 1998 sahaja, RM14.78 bilion setahun, tiap-tiap bulan bererti RM1.23 bilion sebulan, banyak. Tetapi seperti yang sahabat saya sebutkan tadi sejarah KWSP tak pernah memberikan dividen lebih daripada 10%.

Saya tengok sejarah, daripada tahun 1952 sampai tahun 1998, paling tinggi dividen yang diberikan 8.5% pada tahun 1983 hingga 1987. Selepas itu terus menurun, tahun 1988 hingga 1994 – 8%; 1995 – 7.5%; 1996 – 7.7%; 1997 hingga 1998 – 6.7% dan saya diberitahu tahun 1999 pun 6.7%.

Kita diberitahu KWSP sudah mempunyai satu group pakar daripada Namura, Jepun. Jadi, saya hendak mintalah pihak kerajaan kalau boleh kita tetapkan minimum sekurang-kurangnya, kalau sekiranya BSKL indeksinya sekian-sekian, maka pulangan dividen yang boleh diberi oleh KWSP kurang sedikit – marginnya saya tidak tahu, kurang sedikit daripada indeks BSKL.

Jadi, kalau begitulah caranya ataupun kita carilah mana satu benchmark yang hendak digunakan, komposit indeks BSKL kah ataupun saving fix rate dengan bankkah, kita cari, lepas itu jadikan benchmark atas keupayaan KWSP menggunakan wang ini dari segi pelaburan. Kalau tidak siapa yang boleh menentukan ukuran kepada KWSP, sejauh mana ianya efisien atau tidak. Kita tidak tahu kalau tidak ada

benchmark, kita tidak tahu bagaimana efisiennya KWSP dengan wang berjumlah berbilion-bilion ini, kita tidak tahu.

Jadi, kita hendak, PNB misalnya mempunyai lebih daripada 10%. Saya masuk PNB mula ianya ditaja sekarang ini duit saya di situ sudah meningkat begitu tinggi, boleh bayar kepada bank dan saya sebutkan pagi tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ambil punca kewangan masuk institusi, memindah kepada institusi amanah ini, dalam masa dua setengah tahun yang RM35,000 jadi RM69,000 – 90% lebih.

Jadi, tidak tahu berapa komponen daripada KWSP yang meletakkan wangnya supaya institusi amanah menjalankan kerja, kalau sekumpulan daripada duitnya kerana kita tahu dana yang diperuntukkan kepada ekuiti hanya 18.9%. Sungguhpun mereka diberi peluang untuk melabur dalam ekuiti sampai 25%, bayangkan KWSP mengambil peluang mengeksploitasi peluang apabila Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh kepada 262, cuba bayangkan. KWSP dengan penuh keupayaan, keberanian mencukupkan kuota sampai 25%, melabur di dalam ekuiti semasa indeks jatuh 262. Sekarang ini sudah 900 sampai 1,000 satu ketika, cuba bayangkan bagaimana banyaknya wang yang boleh didapati tetapi tidak, sebab itu saya katakan dana-dana kewangan yang besar-besar ini mesti menjadi catalyst - menjana, to lead not to follow, jangan kita jadi pengikut, kita menjadi pemimpin. Sebab itu jangan kita ikut sangat Dow Jones. Ini tidak, kebanyakan dana kewangan negara kita ikut apa yang berlaku di luar negara, walhal kita mempunyai fundamental-fundamental tersendiri.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan. Kalau ikut dari gunakan 25% wang labur di stock market, 280 point sampai masa sekarang ataupun sampai masa hadapan, bila ia sampai tinggi sekali katalah 1,300, jadi empat kali ganda. Adakah itu betul kalau empat kali ganda, 25% wang dilaburkan sudah jadi dapat empat kali 100%. Jadi, ikut logik itu jadilah tiap-tiap seorang ahli dia punya contribution, dia punya kredit akan tambah 100%, betulkah? Adakah itu memuaskan kalau pelaburan telah dibuat?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Kalau ia berlipat ganda memanglah memuaskan. Kita hendaklah dia memuaskan. Jadi, kalau masuk peringkat 262, Tuan Yang di-Pertua, kita masuk RM100, 262 kalau dia naik sekali ganda RM520 katakanlah. RM520 sudah jadi RM200, duit RM100 tadi. Naik sampai RM1,300 maknanya, empat kali ganda seperti yang saudara sebutkan tadi, memanglah kita

untung tetapi tidak semuanya, mungkin KWSP boleh jual kerana itu akan merudumkan, kerana ia mempunyai power tertentu, kuasa dan keupayaan KWSP dengan dana yang begitu besar akan menjatuhkan Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini pergerakan-pergerakan yang berjalan oleh..., tetapi kalau serentak, kalau ramai-ramai dana kita banyak di negara ini, bukan KWSP sahaja, PNB, Tabung Haji pakat-pakat kita sesama kita mencari jalan bagaimana hendak menentukan 'vitality' ataupun turun naiknya pasaran saham Kuala Lumpur dapat dijaga dengan elok. Tetapi jangan kita sekali-kali mengikut psikologi daripada mentality heard atau berduyun-duyun ini, keluar masuk, keluar masuk yang dibuat oleh orang-orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa KWSP tidak proaktif dan mengambil inisiatif. Cuba bayangkan kalau mereka sendiri membuat pakej-pakej insurans. Saya tidak nampak kenapa pula ia membiarkan ahli-ahli annuity insurance, kenapa tidak dibuatkan pakej A, pakej B, pakej C, insurans pakej. Cuba bayangkan kalau ia bersama-sama dengan syarikat-syarikat insurans di negara kita dan luar negara, sebab ramai ini, 9.1 milion ahli pencarum dan dana dengan RM148 bilion, banyak duit ini mendapat RM1 bilion sebulan.

Cuba bayangkan kalau ia memikirkan ada orang mati, ada orang tidak ada kaki, tidak ada tangan, ahli-ahli ini semuanya mempunyai insurance coverage dengan izin, menerusi yang dibuat ini sebagai pakej oleh KWSP sendiri. Ia tetapkan klausa-klausa tertentu untuk menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Senator Datuk Nor Azah binti Awin pun boleh dibuat. Boleh di cover dari segi insurans, dari segi hospital, dari segi persaraan, masuk hospital, semua boleh diberitahu, boleh dibuat.

Saya dapat baru-baru ini Diners Club, hantar satu surat menjemput saya membeli insuransnya dengan bayaran RM80 sebulan, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh beri saya kalau mati, RM300,000, masuk hospital ia bayar first class, RM200, RM400 sehari. Hospital bayar pula duit RM200, RM300 sehari. Perkara ini boleh dibuat oleh KWSP kerana saya tengok keluar masuk kewangan KWSP memang banyak. Yang mati, kematian 18,301 ia keluar duit RM255 juta. Ini kalau kita ada insurans menerusi Takaful bagi orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam boleh masuk insurans-insurans lain. Ini yang dibuat sendiri oleh KWSP dan kebanyakan orang bukan Islam pun bersetuju dengan Takaful. Buat sahaja, kita bincang ambil dua, tiga, empat insurans-insurans, mode yang berbeza-beza, pakej yang berbeza-beza.

Setiap ahli yang masuk menjadi pencarum dia buat pilihan Mula masuk sahaja buat pilihan skim insurans mana yang dia hendak masuk. Berapa yang berani dia hendak mencarum di dalam insurans dan kita beritahu dan kalau dia masuk awal lagi murah. Cuba bayangkan seorang pencarum KWSP yang lepas an universiti umur 23 tahun diberitahu daripada pencaruman yang dibuat, katakanlah RM200, RM300 sebulan RM100 ia pergi kepada insurans untuk beli coverage secara menyeluruh, cuba bayangkan dan ini sebagai satu kumpulan yang besar, KWSP akan dapat pakej-pakej ini dengan murah dengan syarikat-syarikat insurans kerana dari segi dana yang hendak dibiayai oleh insurans ini, oleh KWSP ini begitu banyak.

Jadi, saya tahu ramai pakar-pakar yang menjadi ahli lembaga pengarah di KWSP ini termasuk pemimpin-pemimpin persatuan sekerja, kenapa tidak memikirkan perkara semacam ini supaya pekerja-pekerja di seluruh negara kita mendapat perlindungan insurans. Ada? .... *[Ketawa]*

**Tuan Zainal bin Rampak:** Yang Berhormat, *[Ketawa]* Dato' is provoke kepada saya. Sebenarnya kami telah mengambil kira kesemuanya ini dalam perbincangan Lembaga Pengarah KWSP.

Telah saya jawab semasa Dato' Chan dahulu, memberi penjelasan bahawa segalanya ini telah kita fikirkan dalam jangka panjang demi kepentingan ahli-ahli KWSP itu sendiri dan kita tentukan satu group insurans tidak mengenakan caj yang tinggi di antara satu orang lain, dengan satu orang lain.

Jadi, kita cari satu group insurans untuk menanggung keseluruhan. Itu lebih murah dan untuk kepentingan KWSP, itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua Dato', kita sentiasa memikirkan dalam perbincangan Lembaga Pengarah KWSP sentiasa membincangkan isu-isu ini demi kepentingan pekerja. Sebenarnya Dato' 18 lembaga pengarah *[Ketawa]* lima wakil pekerja, yang kita menentang 13 yang lain dan itu satu aspek.

Yang ketiga Dato, untuk pengetahuan Dato' bahawa panel pelaburan yang selalu memikirkan pelaburan ini semua, tidak diwakili oleh kaum wakil pekerja. So, terletak kepada Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Ketawa]* Rupanya ada Ahli Lembaga Pengarah KWSP di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya ucapkan syabas. Tetapi maksud saya tadi bukannya wang itu dikeluarkan untuk membayar insurans kepada individu, tidak. Bukan dikeluarkan oleh individu itu, "*Oh! Saya*

*hendak masuk insurans ini*”, tidak. Saya mengatakan supaya satu kumpulan menerusi KWSP sendiri membuatnya. Maknanya kita pencarum KWSP secara automatik berasaskan kepada pilihan yang kita buat tadi A, B, C, D – kategori tertentu, kita secara automatik diberi *coverage*, diberi perlindungan oleh insurans yang dibuat oleh KWSP sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Cuba bayangkan bagaimana murahna premium setiap pencarum membayarnya kerana kita masuk secara satu kumpulan yang besar, RM91 milion. Insurans mana yang dapat ini, mesti buat duit punyalah, dan dia boleh *reinsure* lagi, bukan dia hendak ambil tanggung semua. Tetapi kalau tengokkan daripada jumlah pencarum yang meninggal dunia, 18,301 sahaja, 255 juta hilang upaya, ini mungkin tidak ada kaki, tidak ada tangan, *accident* dan sebagainya, 3,391 – 106 juta, Skim Kesihatan – 15 juta.

Kalau semuanya ini dapat ditanggung oleh syarikat-syarikat insurans Takaful dan sebagainya ianya mengurangkan bebanan KWSP itu sendiri. Pasalnya semua dia *form-up*, dia sudah *cover* oleh syarikat-syarikat insurans. Jadi, bebanan KWSP sendiri pun berkurangan dan amat besar berkurangnya. Cara macam ini tidaklah ianya jadi apa saya sebut tadi *dinosaur*. *Dinosaur* ni binatang besar, lepas itu susah hendak berjalan, dia hendak bergerak pun susah. Jadi kalau hendak makan dia kaut dari jauh sahaja. *Dinosaur* pun sudah tidak ada di dunia ini, ada institusi-institusi yang berupa *dinosaur* ini kita minta dia tukar *lean* supaya dia jadi langsing dan boleh naik kuda, bergerak dengan cepat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah pihak KWSP dengan kepimpinan ahli-ahli Lembaga Pengarahnya dan tunjuk ajar daripada Kementerian Kewangan dapat lebih proaktif bagi menentukan nasib bangsa pencarum-pencarum kita. Dan, saya juga hairan tadi kenapa kita masih lagi bermasalah dengan pekerja-pekerja yang mencarum di Singapura. Memang banyak, kalau saya tidak silap lebih kurang 3 bilion di Singapura yang masih ada, mengapa perkara ini masih tergantung begitu lama. Padahal pekerja-pekerja itu bermastautin mungkin kebanyakan sudah balik ke Malaysia tetapi duitnya masih lagi tergantung di sana. Apakah sebabnya begitu lama, adakah ianya ada berkaitan dengan air di Johor?

Saya rasa pihak kerajaan tidak perlu mengambil perkara ini sebagai satu pakej kerana pekerja-pekerja marhaen kalau dipanggil dulu, sekarang ini tidak ada lagi

marhaen semuanya baik-baik belaka, semuanya tahap tinggi-tinggi belaka, patutnya diberi peluang. Singapura memang peka dengan pekerja-pekerjanya. Kita mengharapkan Singapura juga peka kepada pekerja-pekerja daripada Malaysia yang telah menyumbang kepada pembangunan negaranya. Tanpa pekerja-pekerja dari orang-orang Malaysia berkemungkinan tidak dapat mencapai pembangunan ekonomi yang begitu pesat.

Jadi penyumbangan kita, kalau mereka hendak mengenal kita sebagai penyumbang, bayarlah balik cepat-cepat sumbangan CPF supaya wang itu dapat ditukar kepada KWSP atau apa sahaja caranya supaya pekerja-pekerja di Malaysia dan negara itu sendiri dapat menggunakan dana kewangan itu. Saya mengharapkanlah kerjasama antara KWSP yang menjadi penyelamat kepada pekerja-pekerja pada masa akan datang bekerjasama dengan CPF untuk menentukan wang yang dikutip di sana pun dapat dihantar ke negara kita.

Berkenaan dengan pekerja-pekerja asing ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak kerajaan, Timbalan Menteri kewangan ada di sini, berapa banyak kebocoran ke dana dari segi pekerja-pekerja asing menghantar balik duit mengikut pecahan. Indonesia berapa? Saya dengar satu ketika RM3 bilion, RM4 bilion juga setahun. Ke Filipina, ke Bangladesh merata-rata tempat ini, berapa banyak wang yang dibawa, yang dihantar pulang oleh pekerja-pekerja asing ini? Kerana saya rasa mesti ada perasaan terima kasih kepada negara ini. Dan cara terima kasih mereka kepada negara ini, kita cukai, satu, tetapi kita hendak tengok mereka juga mencarum di dalam KWSP ini.

Cerita-cerita kesusahan untuk menentukan pewaris dan sebagainya, itu cerita nombor dua. Cerita yang pertamanya, mereka terpaksa membuat pencharuman kepada KWSP dengan tahap yang berbeza kerana kita mesti ingat pekerja-pekerja asing ini juga mendapat dari segi kemudahan-kemudahan perkhidmatan kesihatan yang begitu murah. Dia pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur, pembayarannya tidak setimpal dengan apa yang mereka terima. Dan kos-kos sosial lagi, polis kita kena jaga dari segi penjenayahan dan sebagainya, kita dapat statistik, perangkaan berapa ramai yang terlibat dari segi kes-kes ini. Polis kita kena jaga keselamatan, imigresen kena jaga.

Jadi banyak institusi kerajaan prasarana diwujudkan bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja asing selain daripada kita memberikan mereka rezeki yang halal, tiap-tiap bulan dengan titik peluh mereka kita bayar gaji dengan baik, kita mahukan juga

pulangan daripada mereka. Cara macam mana saya serahkan kepada pihak kerajaan memikirkan satu formula untuk menggambarkan bahawasanya mereka juga ada saham dengan kerajaan yang memberikan institusi-institusi kemudahan-kemudahan ini, dari segi keselamatan, kesihatan dan sebagainya. Jadi, cara begini saya rasa mereka tidak dibebankanlah kerana kita memberikan perkhidmatan dan faedah untuk mereka ke sini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah.

**4.09 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyampaikan sedikit pandangan mengenai pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Setelah saya mengkaji beberapa fasal dalam akta pindaan saya tertarik untuk menyentuh seksyen 54 iaitu berkenaan Kebenaran Pengeluaran Caruman. Saya menyokong terhadap cadangan pindaan tersebut, walau bagaimanapun, saya memohon untuk membuat saranan di sini agar tambahan dibuat supaya boleh membenarkan seseorang pencarum mengeluarkan caruman bagi tujuan mengerjakan haji kepada mereka yang belum pernah menunaikan haji dan kepada mereka yang ingin mengerjakan umrah selepas mengerjakan haji dan seterusnya untuk tujuan melancong. Kerana dalam Islam pun menggalakkan kita supaya melancong mengikut kemampuan berdasarkan kepada ayat, *[membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]* “*Berjalanlah di muka bumi Tuhan dan perhati-renungkanlah kebesaran dan keagongan Allah*”, mengikut kemampuan yang saya sarankan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa jangka hayat dalam taraf kehidupan pencarum adalah pelbagai dan tidak sama di antara satu sama lain termasuk dalam aspek minat dan juga kedudukan, ekonomi dan kewangan rumah tangga.

Kita tidak dapat menafikan bahawa sebahagian daripada mereka dan kita sendiri banyak bergantung kepada caruman wang KWSP untuk meneruskan hidup di hari tua dan juga bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang perlu menjadi tanggungjawab untuk dibereskan seperti keperluan memiliki rumah sendiri walaupun sekadar rumah kos rendah. Oleh itu saya memohon pihak kerajaan agar mempelbagaikan lagi syarat-syarat yang membolehkan pencarum mengeluarkan wang

caruman mereka dan saya amat mengharapkan agar pengelauran bagi tujuan mengerjakan haji tanpa mengambil kira umur dan jangka masa perkhidmatan mereka.

Jadi, setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengundurkan diri dari sini, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, terutama kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana saya dengan Yang Berhormat Puan Hunaizah sepanjang tiga tahun kami berada di sini bagi mewakili Kerajaan Negeri Kelantan, segala tutur kata kami, kasar ataupun lembut mungkin tidak serasi dengan Dato' Yang di-Pertua, dan juga Tan Sri, kami harap dapat memaafkan. Juga rakan-rakan seperjuangan Senator di dalam Dewan yang mulia ini, termasuk kakitangan Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan kiranya terdapat kesalahan tanpa kami sedari, kami mohon maaf dan saya akhiri ucapan pendek saya dengan menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal.

#### **4.13 ptg.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berdiri ingin untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan dan pandangan saya, saya ingin menjelaskan bahawa saya juga Ahli Lembaga Pengarah KWSP dan saya juga bertanggungjawab terhadap pindaan-pindaan seperti mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah perbincangan begitu lama dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah akhirnya kita bersetuju untuk membuat pindaan-pindaan sedemikian demi untuk kepentingan pencaharum KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya saya amat berasa bangga dan berasa sukacita kerana pindaan ini telah dikemukakan dan selepas perbincangan di dalam Dewan ini, ianya akan diluluskan dan seterusnya akan dilaksanakan demi untuk kepentingan kaum pekerja. Terutama sekali dalam Seksyen 2 iaitu bersabit dengan komisen di mana ini akan menguntungkan pekerja-pekerja dari syarikat jualan seperti salesgirl, salesman di mana pendapatan mereka berasaskan gaji minimum yang kecil dan pendapatan komisen yang begitu besar diterima oleh mereka dan jika sekiranya komisen tidak dimasukkan, ini akan merugikan masa depan mereka dan caruman juga berkurangan dalam simpanan mereka.

Begitu juga, tindakan mahkamah yang harus diambil kepada syarikat yang gagal menyampaikan ataupun menghantar caruman pekerja kepada KWSP. Walaupun pindaan-pindaan ini merupakan salah satu daripada pindaan yang dalam proses KWSP, namun demikian saya ingin juga mengambil kesempatan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kementerian memikirkan dan mengarahkan Lembaga Pengarah KWSP supaya mana-mana syarikat yang gagal menghantar caruman KWSP mereka, caruman majikan dan pekerja diambil tindakan CBT seperti mana yang telah saya cadangkan, ini akan dapat menakutkan majikan jika sekiranya tindakan sedemikian berlaku dan saya pernah mencadangkan dalam lembaga pengarah, tetapi malangnya perkara ini belum dapat kepastian dan masih lagi dalam tindakan dan saya telah diberitahu bahawa pihak KWSP telah menghubungi Peguam Negara untuk mendapatkan pandangan. Saya tidak tentu dari segi kedudukan sebenarnya sama ada kita boleh membuat, menjalankan pindaan dengan cara sendiri atau perlu mendapat restu daripada Peguam Negara terhadap satu undang-undang yang menjaga kepentingan pencarum.

Jadi, saya ingin mendapat kepastian dari kementerian, kalau jawapannya begitu positif, insya-Allah, saya akan majukan perkara ini sekali lagi dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang supaya pindaan dibuat dengan serta merta dan dimajukan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya, kerana kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak syarikat yang gagal menghantar sumbangan, bukan sahaja sumbangan majikan malahan sumbangan pekerja itu sendiri, iaitu sebanyak 11%. Jadi, ini satu perkara yang harus diambil ingatan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran perumahan dan perbekalan pindaan yang lain, yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat berasa sukacita dan menyokong penuh terhadap pindaan-pindaan tersebut. Cuma satu sahaja yang saya hendak membawa perhatian dalam Dewan ini, membawa perhatian pekerja dalam negara kita, sekarang ini kerajaan telah pun mengusulkan dalam belanjawan, adanya pengeluaran untuk membeli komputer, kemudian lembaga pengarah juga bersetuju atas cadangan tersebut dan saya ingin menjelaskan bahawa pengeluaran pembelian komputer ini termaktub dalam Akaun 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan ini dengan jelas supaya kalau boleh siaran akhbar dibuat supaya pekerja jelas, tahu keadaan sebenarnya. Saya

berharap pekerja tidak akan terburu-buru untuk membuat pengeluaran membeli komputer. Pilihan harus dibuat oleh mereka sama ada Akaun 2 – Akaun 2 ialah akaun pengeluaran perumahan dan juga pelajaran. Jadi, mereka harus membuat pilihan yang mana lebih penting - untuk membeli komputer lebih penting untuk seorang, ataupun membeli rumah untuk satu keluarga yang lebih penting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akaun kira-kira KWSP, kita ada tiga akaun, saya hendak menolong Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan, iaitu oleh kerana saya Lembaga Pengarah, saya hendak menerangkan perkara ini supaya dapat kita tahu sebenarnya dan wakil-wakil rakyat dapat balik memberi penerangan kepada pekerja-pekerja yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kira-kira KWSP ada tiga akaun:

- (i) Akaun 1 - 60% untuk pencen masa tua;
- (ii) Akaun 2 - 30% untuk pengeluaran pinjaman perumahan (membeli rumah) dan termasuk pelajaran; dan
- (iii) Akaun 3 - 10% untuk perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, saya hendak memberi satu angka, kalau dalam keadaan situasi sekarang ini, pekerja sumbangan KWSP, majikan membayar 12% pada setiap bulan, kemudian pekerja diminta sumbangan sebanyak 11% , jadi bermakna 23% dalam sebulan. Kalau kita katakan seorang pekerja average sekarang ini, dengan izin, mereka mempunyai pendapatan RM500 ke bawah, 23% setahun mereka boleh menyimpan sebanyak RM1,380. Kalau ambil average dividen yang diisytiharkan, kata Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, paling tinggi 8.5% dan sekarang, yang baru disiarkan untuk 1999 – 6.84%. Kemudian, mengikut perangkaan kalau diambil average 6% setiap tahun, jadi bermakna RM1,380 campur RM82.60 - 6% , jadi jumlah akaun yang tersimpan untuk setahun RM1,462.80.

Kalau kita bandingkan keadaan ini berlaku dalam sepuluh tahun, paling tinggi pekerja boleh menyimpan sebanyak RM19,280.81 sen dan kita bagikan tiga akaun, 60% untuk simpanan masa tua, dia boleh menyimpan sebanyak RM11,568 lebih kurang. Akaun 2 – 30% sebanyak RM5,778 lebih kurang. Kemudian 10% untuk Akaun 3 sebanyak RM1,926. Akaun 2 inilah untuk rumah dan untuk pelajaran. Dan kalau mereka keluarkan duit beli komputer, harga komputer hari ini, Tuan Yang di-Pertua, di antara RM3,500 hingga RM5,000 dan komputer, softwrenya akan bertukar, maknanya Window 85, Window 90, Window Millenium akan bertukar dan

pekerja terpaksa membeli pembaharuan ini untuk memperbaharui software, updating software. Itu satu pelajaran selepas membeli komputer,

Jadi, saya ingin untuk mengingatkan di dalam Dewan ini kepada pekerja supaya berfikir dua kali terlebih dahulu, walaupun kerajaan, memang saya akui, the idea is very noble idea, dengan izin, sungguh murni, sungguh baik dicadangkan oleh kerajaan. Saya memang bersetuju pekerja dile ngkapkan dengan komputer, celik dengan komputer. Dengan adanya komputer ini mereka akan dapat mengikuti keadaan semasa, perjalanan semasa, perkembangan IT, perkembangan dunia yang penuh dengan cabaran dan kita akan menghadapi dunia tanpa sempadan, globaliz ation, liberalization, ini satu perkara yang kita selalu fikirkan.

Saya mengakui saya berterima kasih atas usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat ini adanya komputer terutama sekali anak-anak sekolah selepas berumur 10 tahun. Tetapi kalau kita tengok akaun ini, Tuan Yang di-Pertua, mampukah pekerja membeli komputer? The choice kepada mereka, sama ada hendak membeli rumah dahulu untuk tinggal anak-beranak, roof to stay, orang Putih cakap, dengan izin, ataupun membeli komputer untuk seorang diri. Itu problem. Saya menyatakan ini supaya pekerja faham, membuat pilihan dengan sebaik-baiknya demi untuk kepentingan dan keluarga mereka.

Apa yang hendak saya cakap, dua perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, beliau pun telah bertanya dengan saya apa saya hendak cakap dan saya sudah beri modal dengan dia dan saya harap dia akan menggunakan modal untuk memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan saya mengapa tidak kita naikkan caruman KWSP ini iaitu sumbangan majikan sekarang 12% kita jadikan 15%, sumbangan pekerja daripada 11% kita jadikan 12%, jadi jumlah sumbangan sebanyak 27% keseluruhannya pada tiap-tiap bulan. Saya anggarkan kalau average pekerja bergaji RM500 dia boleh menyimpan sebanyak RM22,634.06 termasuk dividen dalam masa 10 tahun yang akan datang dan ini akan dapat menambah simpanan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk mengingatkan Dewan ini, saya dengar banyak rakan-rakan saya mencadangkan supaya diperkembangkan lagi faedah-faedah untuk pekerja-pekerja, pencazum menikmati. Tetapi ingatkah kita semua asal-usul ditubuhkan KWSP ini ialah 'menyimpan untuk masa tua.' Inilah wang yang kita boleh simpan untuk kita gunakan bilamana kita telah bersara kelak. Saya telah

jelaskan pada satu ketika dahulu dalam Dewan ini generation yang akan datang pewaris kita, anak-anak kita, kita tidak tahu mereka boleh menanggung kita ataupun tidak, sama ada kita akan dihantar ke rumah orang-orang tua. Kita akan tua satu hari kelak dan kalaupun kita mempunyai kekayaan kita boleh menanggung diri sendiri Tetapi kalau kita berasaskan pendapatan kita dengan pendapatan yang ada sekarang ini saya tidak yakin, Tuan Yang di-Pertua, masa hadapan kita akan terjamin.

Kata Yang Berhormat Datuk Tee tadi pendapatan pekerja bertambah. Saya bersetuju dengan cadangan beliau dan saya juga berharap beliau akan menyokong cadangan saya iaitu diwujudkan gaji minimum sebanyak RM1,200 – sumbangan akan lebih tinggi dan pekerja akan menikmati faedah yang lebih tinggi, faedah yang lebih baik iaitu menyimpan untuk masa tua, membeli rumah dan juga perubatan untuk kaum pekerja, itu selalu saya nyatakan. Itu sebab saya menjelaskan perkara ini mengapa dan apa sebabnya MTUC memohon gaji minimum dinaikkan, kalau boleh dijadikan sebanyak RM1,200, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi – pengawalan, kerana saya takut pengawalan. Cara mana KWSP boleh mengawal kita sudah bincangkan, bagaimana. Kita tidak boleh mengawal – dia menyatakan dia hendak membeli komputer, kemudian dia pergi kedai, dengan izin. Instead of dia beli komputer, dia beli resit komputer. Saya rasa takut objektif dan matlamat kerajaan tidak akan tercapai. Kita tidak tahu besar kemungkinan tetapi saya nyatakan jumlah yang kecil – besar kemungkinan. Walaupun jumlah yang kecil tetapi tidak akan mencapai matlamat kerajaan. Instead of bawa balik komputer dia bawa balik resit. Resit akan dibeli sebanyak RM300 dan siapa yang untung? Tauke kedai yang untung for nothing satu resit harga RM300, satu resit cuma berharga 30 sen dia terpaksa bayar RM300, Tuan Yang di-Pertua. Apa akan jadi? Ini yang saya takut, akan merugikan pekerja itu sendiri, masa hadapan mereka. Orang kedai akan untung, pekerja akan rugi. Dia akan beli barang lain, bukan beli komputer. Besar kemungkinan dia beli radio yang lebih besar, harga RM2,000 atau RM3,000 lebih ataupun besar kemungkinan dia akan beli motosikal dan sebagainya.

Ini satu perkara yang kita fikirkan, bukan bermakna saya tidak menyokong. Saya menyokong penuh usaha ini, usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat membeli komputer, melengkapkan diri anak-anak mereka dengan komputer, belajar komputer dan celik dengan komputer dan kita akan menghadapi dunia yang penuh

cabaran, dunia globalisasi dan rakyat negara kita ini celik dengan komputer, kita tidak lagi berasa khuatir menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua iaitu soal pekerja-pekerja wanita. Pernah dahulu di dalam Dewan ini saya mencadangkan dan juga dalam Lembaga Pengarah, satu ketika dahulu saya pernah mencadangkan supaya pekerja-pekerja wanita ini bilamana mereka bersara umur 50 tahun di syarikat-syarikat swasta, dibenarkan mengeluarkan seluruh simpanan mereka. Keluarkan semua sekali simpanan mereka. Tetapi dalam undang-undang yang ada sekarang ini mereka tidak boleh, terpaksa menunggu sampai berumur 55 tahun. Kebanyakan syarikat swasta mereka bersara umur 50 tahun, berhenti kerja umur 50 tahun. Kemudian bilamana mereka bersara mereka tidak dapat mengeluarkan duit tersebut, kalau ditakdirkan Allah berlaku sesuatu hal kepada pekerja wanita ini – meninggal dunia, suaminya akan berhak untuk mengeluarkan duit tersebut. Saya hendak mengingatkan pendapatan ini pendapatan pekerja wanita itu sendiri. Kalau suaminya mengeluarkan duit tersebut, besar kemungkinan suaminya akan berkahwin lain dengan duit yang diperolehi kelak. It could be possible, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mencadangkan mengapa tidak kita fikirkan. Saya sudah mencadangkan dalam Lembaga Pengarah, saya tidak berjaya terpaksa bawa ke dalam Dewan ini untuk mendapatkan pandangan, bantuan, sokongan daripada kementerian supaya mengarahkan Lembaga Pengarah KWSP meminda undang-undang tersebut bagi membolehkan pekerja wanita mengeluarkan wang simpanan mereka bersara waktu berumur 50 tahun. Kita selalu menyatakan menyokong wanita, memberi bantuan kepada wanita termasuk ibu tunggal dan sebagainya. Saya kira ini satu perkara yang saya anggap penting juga yang harus kita fikirkan dan harus kita kaji demi untuk menolong mereka.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu perkara lagi ialah soal panel pelaburan. Dalam segala pelaburan KWSP dikendalikan oleh panel pelaburan. Dalam panel pelaburan ini tidak termasuk wakil-wakil daripada Kesatuan Sekerja dan panel pelaburan membuat keputusan atas budi bicara mereka dan menilai saham-saham yang perlu dibeli dan mana syarikat yang perlu diberikan pinjaman dan bayaran balik dan melihat dari segi pulangan balik dan sebagainya pinjaman tersebut, inilah tugas dan tanggungjawab panel pelaburan.

Saya pernah menyatakan bahawa panel pelaburan ini harus juga diwakili oleh pekerja. Bukan sahaja diwakili oleh pekerja, malahan Panel Pelaburan KWSP harus bertanggungjawab kepada Lembaga KWSP bukan sahaja kepada Menteri. Saya boleh nyatakan kalau kedua-duanya, both put together, Menteri juga dipertanggungjawabkan dan Lembaga juga. Jadi, makna panel pelaburan ini answerable both – kedua-duanya sekali, Menteri dan juga Lembaga Pengarah. Jadi, dengan ini pengawasan yang begitu jitu, yang begitu mendalam dapat dilihat dari segi perkembangan pelaburan, dari segi pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan dan juga mengikuti sama ada pinjaman-pinjaman tersebut dibayar balik mengikut syarat-syarat yang telah dikenakan.

Atas komen-komen ini, Tuan Yang di-Pertua, dan pendapat saya, saya dengan segala sukacitanya menyokong rang undang-undang ini diluluskan dengan beberapa kenyataan yang telah saya buat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua :** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

#### **4.30 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah beberapa pendapat kepada perbahasan yang telah dilakukan pada petang ini oleh rakan-rakan saya. Saya memang setuju bahawa KWSP ini adalah satu simpanan bagi masa tua dan kalau ada beberapa akaun yang boleh digunakan semasa muda maka yang menjadi masalah nanti ialah apabila sampai masa tua, maka sudah banyak kekurangan dalam akaun ini.

Saya tumpukan kepada pindaan Seksyen 50 di mana Menteri boleh dibenarkan mengarah amaun-amaun ke akaun-akaun tertentu. So, saya ingin menanya i adakah kerana Menteri mencadangkan bahawa beberapa lagi akaun dibuka kerana sekarang sudah ada tiga akaun, so, adakah ini bertujuan hendak buka lagi lebih daripada itu dan kalau itu benar, apakah maksud ini dan adakah itu akan menjayakan lagi dan menggalakkan lagi peserta itu mengeluarkan duitnya sehingga apabila diperlukan nanti maka tinggal sedikit sahaja.

Oleh kerana telah dicadangkan membuka beberapa akaun, maka diperlukan beberapa pindaan kepada Seksyen 58 atau menggubal satu seksyen baru 58A di mana akan mengambil tindakan kepada pencarum-pencarum itu yang menyalahgunakan duit yang dikeluarkan seperti yang disebutkan tadi oleh rakan saya, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak tentang mengeluarkan duit untuk sesuatu tujuan tetapi

sebenarnya tidak berbuat demikian. Sungguhpun Seksyen 58A ini ada untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan demikian, saya ingin tahu bagaimana dari segi penguatkuasaan ini boleh dijalankan dengan berkesan sungguhpun peruntukan ini ada, sungguhpun perbuatan sedemikian - katakan tadi, ambil resit tetapi tidak beli komputer, beli resit sahaja, ini memang satu kesalahan di bawah peruntukan 58A ini tetapi dari segi bagaimana hendak kesan ini, bagaimana hendak putuskan ini adalah satu perbuatan dengan niat jahat dan sebagainya, itu perlu diberi perhatian.

Saya juga ingin menyentuh tentang 55A pindaan kepada 55A tentang insurans. Tadi ada beberapa rakan saya telah menyentuh tentang insurans ini. Bagi saya, saya ingin menanya kalau seseorang pencarum itu sudah lebih daripada 55 tahun tetapi duitnya masih ada dalam tabung ini sama ada ia juga berhak menyertai skim-skim insurans? Oleh kerana apabila seseorang itu sudah melebihi umur 55 tahun, biasanya makin tua makin diserang oleh penyakit dan inilah masanya di mana ia perlukan perlindungan. Bagi mereka yang sudah melebihi 55 tahun tetapi tidak keluar semua caruman itu, masih ada dalam akaun sama ada ia berhak untuk mengambil bahagian.

Tadi, saya telah mendengar penjelasan tentang orang asing di dalam bahagian Seksyen 70A ini, kita diberitahu bahawa orang yang bukan rakyat Malaysia tidak boleh membuat penamaan. Dengan demikian, kalau seseorang itu mati, bagaimana kita akan tentukan siapa yang akan terima duit yang ada dalam tabungnya kerana apabila ia tidak ada, mungkin pihak-pihak lain - tadi kita diberitahu bahawa tujuan seksyen ini ialah supaya kita tidak mahu menggalakkan orang yang tidak berkenaan datang membuat tuntutan. Tetapi semasa ia tidak ada, mungkin lebih susah lagilah bagi kita memastikan sama ada tanpa penamaan, sama ada pihak yang datang itu benar-benar keluarga atau saudara orang itu dan bagaimana kita menentukan duit itu akan disampaikan kepada pihak yang patut menerima duit ini.

Saya sangat memuji kerajaan kita kerana diperuntukkan dalam Seksyen 70C itu di mana kita membenarkan seseorang asing yang telah mencarum kepada tabung ini apabila ia berhasrat meninggalkan Malaysia dengan niat tidak kembali ke Malaysia lagi, ia dibenarkan keluar semua duit dalam tabung ini dan ini adalah satu yang sangat baik berbanding dengan negara jiran kita di mana pencarum-pencarum daripada rakyat kita dalam CPF itu tidak dibenarkan keluar sungguhpun mereka sudah keluar dan tidak ada niat lagi balik ke Singapura. So, ini adalah satu yang, bagi saya

sangat dialu-alukan dan saya rasa begitu bangga bahawa kerajaan kita begitu prihatin tentang perkara ini.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

**4.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi. Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih ke atas beberapa pandangan, syor dan cadangan yang begitu membina bagi pihak Lembaga KWSP untuk melaksanakan kerja mereka demi kepentingan pencarum dan pekerja di negara ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengeluarkan perasaan khuatir bahawa dengan flexibility untuk memberikan kemudahan kepada para pekerja dengan beberapa pindaan yang akan dilaksanakan ini bahawa pihak KWSP ini akan lari daripada tujuan asalnya, iaitu sebagai satu skim keselamatan sosial. Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk memberikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya dengan mewujudkan beberapa lagi kemudahan dengan pindaan yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, skim KWSP ini memang akan dikekalkan sebagai satu skim keselamatan sosial dan tujuan asalnya tidak akan terlari.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Zainal Rampak yang telah memberikan penjelasan bagi pihak Lembaga tentang perkara ini iaitu segala simpanan ataupun wang yang dicarumkan oleh seseorang ahli akan dibahagikan kepada tiga akaun. Akaun A, 60% ini tidak boleh disentuh sebelum persaraan. Walau macam manapun, dia tidak boleh mengeluarkan wang sebelum persaraan. Setakat ini akaun A seseorang pencarum boleh mengeluarkan wangnya kalau sekiranya jumlah wangnya adalah melebihi RM50,000 beliau dibenarkan untuk mengeluarkan 20% daripada jumlah wang yang atas RM50,000 ini untuk menjalankan pelaburan. Ini dihadkan kepada pembelian Unit Trust sahaja dan ini

tidak boleh dikeluarkan sebelum persaraan. Maka seseorang pekerja dalam skim ini, masa depan mereka selepas persaraan memang dapat dijamin.

Dengan beberapa pindaan yang akan diluluskan pada hari ini juga, seseorang pekerja boleh menggunakan wang dalam akaun A untuk membeli atau menyertai skim insurans. Dan ini juga tidak boleh mengeluarkan apa sahaja wang sebelum persaraan dan skim insurans ini adalah merupakan satu skim optional dan terpulang kepada pekerja untuk membuat keputusan.

Dalam akaun B, 30% untuk perumahan, pendidikan termasuk juga pembelian komputer. Akaun C, 10% untuk kemudahan perubatan.

Pada pendapat kerajaan, keempat-empat tujuan iaitu perumahan, pendidikan, pembelian komputer dan juga kemudahan perubatan ini ada kaitan dengan menjaga kepentingan seseorang pekerja masa dia bekerja dan juga selepas persaraan kerana kemudahan ini akan memberikan faedah dan marfaat kepada seseorang pekerja ataupun pencarum selepas persaraan. Dan apa sahaja pelaburan dalam pendidikan juga dianggap sebagai satu pelaburan yang akan mendapat pulangan yang baik selepas persaraan, pelaburan kepada seseorang anak mereka. Ini memang dianggap sebagai satu pelaburan yang sangat bagus.

Kalau sekiranya seseorang tidak mempunyai wang yang mencukupi dalam akaun B untuk menjalankan beberapa aktiviti pendidikan, pembelian komputer dan pembelian rumah maka ini terpulang kepada kebijaksanaan dan priority ataupun keutamaan seseorang pekerja untuk membuat keputusan mengeluarkan duit ini untuk satu tujuan yang akan mendatangkan faedah yang banyak sekali kepada mereka masing-masing.

Saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan sistem pelaburan KWSP. KWSP telah diberikan satu tugas, satu tanggungjawab untuk menjaga kepentingan lebih daripada 9 juta orang pekerja selepas persaraan. Maka kita kena jaga-jaga bahawa kepentingan pekerja ini sangat-sangat diutamakan. Maka kalau ikut Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman dia kata bila syer KLSE jatuh 260 mata mengapa kita tidak masuk besar-besaran, sekarang sudah naik. Tetapi saya hendak tanya kalau sekiranya kita masuk besar-besaran masa indeks dia 1000. Kalau dia turun sampai 260 macam mana, kita akan menghadapi kerugian yang sangat-sangat besar.

Maka skim atau sistem pelaburan KWSP adalah dianggap sebagai satu sistem yang konservatif, yang berjaga-jaga oleh kerana kita telah diberikan satu tanggungjawab yang begitu berat iaitu untuk menjaga kepentingan sekumpulan pekerja yang begitu ramai tentang nasib mereka selepas persaraan. Maka dalam sistem pelaburan KWSP dalam akta yang sedia ada sebenarnya kita dikehendaki untuk melaburkan 70% daripada dana KWSP untuk membeli sekuriti Kerajaan Malaysia di mana ia memang tidak mendatangkan pulangan yang maksimum, yang sangat-sangat memuaskan, dua digitkah dan sebagainya. Tetapi ia dianggap sebagai satu pelaburan yang berisiko rendah ataupun yang tidak ada risiko.

Maka dalam akta kita kita menetapkan bahawa 70% daripada dana ini dikehendaki untuk melaburkan, untuk membeli sekuriti Kerajaan Malaysia. Ini telah membayangkan kita memang hendak mengamalkan satu cara pelaburan yang begitu konservatif tetapi berisiko rendah. Maka tidak adil kalau hendak banding KWSP dengan dana yang lain kerana memang mempunyai tujuan yang lain.

Walau bagaimanapun, oleh kerana dalam kebelakangan ini pihak Kerajaan Malaysia tidak memerlukan begitu banyak ekuiti untuk sumber kewangan untuk menjalankan pelbagai aktiviti, maka saiz dana KWSP begitu besar. Dan kalau dibandingkan dengan perkembangan pengeluaran sekuriti Kerajaan Malaysia, memang tidak cukup bagi KWSP untuk melaburkan 70% daripada dana KWSP, memang tidak cukup. Setiap bulan kita dapat mengutip antara RM1.2 hingga RM1.5 bilion setiap bulan. Memang banyak duit ada, banyak dana, begitu banyak berkembang dengan begitu pesat tetapi permintaan daripada pihak kerajaan masih berkurangan.

Maka kita terpaksa untuk mengubah sedikit kita punya allocation asset pihak KWSP. Maka dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri Kewangan, KWSP dibenarkan tidak payah untuk melaburkan 70%. Memang tidak cukup, kita hendak labur tetapi tidak cukup. Ini sekuriti kerajaan tidak cukup. Maka kita mengadakan allocation asset yang lain tetapi masih konservatif, pelaburan yang mungkin akan mendatangkan pulangan yang besar tetapi berisiko tinggi. Ini kita tidak akan sentuh. Maka segala pelaburan akan diteliti oleh Panel Pelaburan dengan begitu ketat sekali, sebelum sesuatu pelaburan dibuat kita hendak memastikan bahawa risikonya rendah dan seberapa boleh mendatangkan pulangan yang maksimum. Ini memang menjadi satu sistem pelaburan yang diamalkan oleh KWSP.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga mengemukakan beberapa pertanyaan yang ada kaitan dengan CPF. Saya terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang telah memberikan pujian kepada pihak kerajaan bahawa dengan pindaan ini kita akan membenarkan pekerja asing kita mengeluarkan semua simpanan mereka semasa mereka meninggalkan negara kita. Dan Yang Berhormat telah membangkitkan masalah CPF yang dihadapi oleh pekerja kita yang pada suatu ketika bekerja di Singapura tetapi sekarang sudah pulang ke tanah air kita dan mereka tidak dibenarkan untuk mengeluarkan simpanan mereka sebelum mereka mencapai umur 55 tahun.

Pihak kerajaan memang merasa dukacita juga tentang sikap ataupun dasar yang diamalkan oleh pihak Singapura ini. Walau bagaimanapun, perkara ini kita akan berunding lagi dengan pihak kerajaan Singapura supaya pada satu ketika yang akan datang bahawa kita haraplah ini dapat diselesaikan dengan pihak Singapura.

Yang Berhormat Zainal Rampak juga mengemukakan cadangan bahawa seseorang majikan yang gagal untuk mencarum untuk seorang pekerja supaya kita meminda akta ini supaya mengenakan hukuman yang berat seperti CPT. Memang perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan kepada pihak kerajaan dan oleh kerana ada beberapa masalah teknikal untuk melaksanakannya, misalan kata sesuatu pihak majikan yang gagal untuk mencarum, majikan ini mungkin merupakan sebuah syarikat. Kalau dikenakan hukuman secara CPT siapa yang akan menerima hukuman ini. Ini memang merupakan satu masalah teknikal yang kita hadapi. Walau bagaimanapun, kita masih akan mengkaji macam mana untuk supaya memastikan semua ataupun kebanyakan majikan untuk mencarum, kita dari masa ke semasa akan mengkaji dari semua aspek untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Tentang kenaikan sumbangan caruman bagi kedua-dua pihak iaitu pihak majikan dan juga pihak pekerja, maka saya mengesyorkan Yang Berhormat Zainal dapat mengemukakan sekali lagi perkara ini dalam lembaga, kalau lembaga bersetuju dengan cadangan ini memang pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan (MOF) akan memberikan pertimbangan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Zainal juga membangkitkan perkara tentang panel pelaburan. Mengikut struktur organisasi KWSP pada masa ini, KWSP ditadbir oleh sebuah lembaga yang mana ahli-ahlinya adalah dilantik oleh Menteri Kewangan. Lembaga ini bertanggungjawab menggubal polisi-polisi KWSP dan seterusnya menentukan

pelaksanaan polisi tersebut. Sementara itu semua hal berhubung dengan pelaburan KWSP adalah di bawah tanggungjawab panel pelaburan dan ahli-ahli panel pelaburan ini adalah juga dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Panel pelaburan KWSP bertanggungjawab menggubal polisi pelaburan serta membuat keputusan pelaburan KWSP.

Dari segi struktur, panel pelaburan KWSP memang tidak bertanggungjawab kepada lembaga pengarah KWSP. Bagaimanapun, semua polisi pelaburan KWSP yang diputuskan oleh panel pelaburan turut dikemukakan kepada lembaga untuk mendapatkan pandangan serta diambil maklum. Selain daripada itu, beberapa keputusan penting mengenai pelaburan KWSP juga turut dikemukakan kepada lembaga untuk pandangan sebelum keputusan muktamad dibuat oleh panel pelaburan. Dalam hal ini juga lembaga berhak untuk mendapatkan apa juga maklumat pelaburan yang diperlukan dari panel pelaburan pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 50, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tentang kuasa yang diberikan kepada menteri untuk menetapkan bilangan akaun dan juga peratusan akaun ini. Beliau bertanya sama ada pindaan ini dibuat dengan tujuan untuk menambah bilangan akaun lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kuasa ini memang telah ada diberikan kepada Yang Berhormat Menteri melalui peraturan-peraturan. Kita hendak memberikan kuasa sekarang dalam akta ini untuk menjelaskan kuasa seseorang menteri sahaja dan setakat ini pihak kementerian dan pihak menteri memang tidak ada cadangan untuk menambah bilangan akaun dan bilangan tiga akaun ini, setakat ini memang dianggap mencukupi.

Tentang pekerja asing yang tidak membuat penamaan, apa akan berlaku sekiranya pekerja asing ini meninggal dunia. Dalam konteks ini, bila seorang ahli ataupun pekerja asing meninggal dunia kita akan berhubung dengan kedutaan yang berkenaan supaya apa juga follow-up, dengan izin, akan disempurnakan dengan pihak kedutaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya dapat berikan penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat. Tentang beberapa perkara lagi yang saya tidak sempat memberikan penjelasan, kita akan tetap memberikan perhatian yang serius. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah baha wa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.02 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 dicadangkan adalah bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk;

- (a) memindahkan kuasa kawal selia atas kelulusan dan pendaftaran prospector perhubungan dengan tawaran awam sekuriti daripada pendaftar syarikat iaitu ROC kepada Suruhanjaya Sekuriti iaitu SC; dan
- (b) mengekalkan dengan ROC kuasa kawal selia terhadap tawaran syer dan debenture oleh syarikat-syarikat yang merupakan kela b rekreasi yang tidak tersenarai di bursa saham. Seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan juga tawaran kepentingan selain daripada syer dan debenture seperti keahlian dalam skim kongsi masa

kelab golf dan rekreasi serta kelab marin dan lain-lain. Pindaan-pindaan adalah juga dicadangkan untuk membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengawal selia dan membangunkan pasaran bon di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya rang undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi 16 Fasal pindaan di mana kebanyakan daripadanya adalah pindaan-pindaan yang wajar dibuat berikutan daripada pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Fasal 2 rang undang-undang mencadangkan pindaan ke atas subseksyen 4(1) untuk meminda takrif istilah-istilah iaitu "perbadanan meminjam", dengan izin, "borrowing corporation", "langganan minimum", dengan izin, "minimum subscription" dan "prospectus", dengan izin, "prospektus" dan mencadangkan takrif kepada dua istilah baru iaitu "sekuriti", dengan izin, "securities" dan "kelab rekreasi yang tidak tersenarai", dengan izin, "unlisted recreational club".

Fasal 3 Rang Undang-undang mencadangkan pindaan ke atas subseksyen 6A(3) yang memasukkan perenggan baru (d) untuk memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setelah berunding dengan Menteri Kewangan untuk menetapkan sesuatu hak sebagai bukan kepentingan dalam sesuatu syer. Sesuatu hak yang ditetapkan sedemikian tidak perlu diambil kira bagi maksud membuat penzahiran, dengan izin, disclosure di bawah bahagian 3A penggal 4 Seksyen 134 dan Seksyen 135 Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan memasukkan Seksyen baru 36A dalam bahagian 1 penggal 4 Akta Syarikat 1965. Mengikut Seksyen baru ini mulai tarikh penguatkuasaannya bahagian 1 dan 4 penggal 4 Akta Syarikat 1965 berhubungan dengan prospectus dan debenture masing-masing tidak lagi terpakai kepada mana-mana tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti yang dikawal di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Sebaliknya bahagian-bahagian tersebut hanya akan terpakai kepada tawaran atau pelawaan untuk melanggan atau membeli syer atau debenture yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang merupakan kelab rekreasi yang tidak tersenarai di bursa saham.

Walau bagaimanapun, satu salinan setiap prospektus yang diterbitkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan satu salinan semua laporan yang dibuat

di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti oleh sebuah syarikat meminjam perlu juga di serah simpan dengan pendaftar syarikat untuk kemudahan orang ramai membuat semakan selaras dengan fungsi ROC sebagai penyimpan dan pembekal maklumat korporat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang terkandung dalam Fasal 5 dan 6 Rang Undang-undang adalah untuk mengeluarkan Seksyen 39A dan Seksyen 44 daripada Akta Syarikat 1995 kerana peruntukan-peruntukan di bawah seksyen-seksyen berkenaan telah dimasukkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk membolehkannya di bawah bidang kuasa SC.

Fasal 7 mencadangkan meminda Seksyen 48 untuk menjadikan sebarang umpukan syer iaitu dengan izin allotment of share yang dibuat tanpa mencapai langganan minimum atau selepas tempoh sah sesuatu prospektus berhubungan dengan sesuatu tawaran sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sebagai satu kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965. Selain dari itu, denda bagi kesalahan di bawah seksyen ini dicadangkan dinaikkan RM1 juta selaras dengan hukuman bagi kesalahan seumpamanya di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen-seksyen 49, 52 dan 58 melalui Fasal-fasal 8, 9 dan 10 adalah bertujuan menjadikan apa-apa kesalahan, larangan dan kehendak di bawah seksyen-seksyen ini sebagai merangkumi juga apa-apa tawaran sekuriti dan penerbitan prospektus-prospektus yang dibuat di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dengan tidak mematuhi seksyen-seksyen tersebut.

Fasal 11 Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 pula bertujuan untuk meminda Seksyen 90 bagi memastikan kehendak-kehendak Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 berkaitan dengan prospektus tidak akan terpakai kepada prospektus yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan kepentingan selain daripada syer dan debenture kepada awam menurut Akta Syarikat 1965 di mana kehendak-kehendak prospektus di bawahnya adalah berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 96 untuk memperluaskan kuasa Menteri bagi memberi pengecualian dari mematuhi kesemua atau mana-mana peruntukan dalam bahagian 5 penggal 4 Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan tawaran kepentingan di bawah seksyen ini supaya merangkumi kelulusan pengecualian kepada mana-mana kelas syarikat atau mana-mana individu

atau kelas individu. Peruntukan yang ada sekarang hanya memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan pengecualian kepada sesebuah syarikat sahaja. Cadangan pindaan ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan peruntukan-peruntukan di bawah bahagian 5 penggal 4 tidak terpakai kepada mana-mana jenis kepentingan atau kelas kepentingan, atas alasan ianya lebih sesuai dikawal selia sebagai sekuriti atau kontrak niaga hadapan di bawah undang-undang sekuriti. Kuasa baru kepada Menteri ini akan hanya dilaksanakan atas permintaan yang dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa negara mengalami kegawatan ekonomi, syarikat-syarikat yang turut mengalami masalah kewangan telah membuat permohonan kepada mahkamah di bawah seksyen 176(10) untuk mendapat Perintah Perlindungan, dengan izin, *Restraining Order*, bagi menghalang apa-apa tindakan atau prosiding selanjutnya terhadap syarikat berkenaan. Diperhatikan sebilangan daripada perintah yang telah dikeluarkan telah meliputi penjamin atau pihak-pihak lain selain daripada syarikat pemohon.

Ia ternyata bercanggah dengan seksyen 176(10) yang mana hanya membenarkan perintah sedemikian dibuat untuk menghalang sesuatu tindakan atau prosiding daripada diambil terhadap syarikat pemohon sahaja. Berikutan daripada itu, bon-bon yang dijamin pembayarannya tidak akan memperolehi keyakinan pelabur-pelabur sepertimana yang dihasratkan.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan dimasukkan peruntukan baru subseksyen (10F) dan (10G) untuk menjelaskan bahawa perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah seksyen 176(10) tidak meliputi atau merangkumi penjamin atau pihak lain selain daripada syarikat pemohon atau bagi pihak syarikat yang terbabit sahaja. Cadangan ini terkandung dalam Fasal 13 Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 14 Rang Undang-undang seterusnya mencadangkan pindaan ke atas seksyen 363, Akta Syarikat 1965 untuk mengecualikan pemakaian larangan atau sekatan di bawah seksyen ini berhubung dengan permohonan atau tawaran syer dan debentur kepada orang awam kepada sebarang permohonan atau tawaran syer atau debentur yang dibuat mengikut Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 untuk mengelakkan sebarang pertindihan kuasa kawal selia.

Cadangan pindaan berikutnya terkandung di bawah Fasal 15 yang mencadangkan pindaan ke atas seksyen 365 di mana subseksyen (1A), (1B), (1C), (1D) mengenai sekatan terhadap pembayaran dividen oleh sebuah syarikat itu dimansuhkan. Sekatan terhadap pembayaran dividen tersebut adalah dicadangkan dimansuhkan mulai 29 Oktober 1999 selaras dengan keputusan kerajaan untuk melonggarkan kawalan modal yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan Negara pada tarikh itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan terakhir iaitu di bawah Fasal 16 ialah untuk mengeluarkan Jadual Kelima - A dari Akta Syarikat 1965 kerana peruntukan mengenai prospektus ringkas bagi terbitan hak syer atau *debentur* kepada ahli-ahli sesebuah syarikat yang tersenarai di bursa saham telah dikeluarkan daripada Akta Syarikat 1965 dan diletakkan di bawah bidang kuasa SC. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

**5.15 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara. Jelas sekali pihak kerajaan memang serius untuk menentukan pasaran bon dan *debentur* dapat berjalan dengan baik di negara kita ini sebagai satu punca dana kewangan kepada syarikat-syarikat swasta. Saya perhatikan rang undang-undang ini adalah merupakan ekoran daripada rang undang-undang yang diluluskan baru-baru ini iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000, Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan

(Pindaan) 2000 dan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Depositori Pusat (Pindaan) 2000.

Semuanya ini menjelaskan kepada kita bahawa Suruhanjaya Sekuriti merupakan satu bumbung (under one roof) bagi mengawasi pasaran bon, *debentur* dan derivative yang lain dan memisahkan tanggungjawab dan pengawalseliaan daripada Pendaftar Syarikat (ROC) memang bijak sekali dan ROC pada awalnya apabila dipertanggungjawabkan dengan isu-isu prospektus bon dan *debentur* ini tentu sekali mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih.

Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan seperti yang saya tanya beberapa kali dulu, apabila kita pindahkan kuasa-kuasa kepada Suruhanjaya Sekuriti ini, sekarang ini pegawai-pegawai daripada ROC misalnya, adakah mereka dipindah juga? Berapa orang? Saya hendak tahu berapa orang pegawai-pegawai daripada ROC yang akan dipindahkan untuk dipertanggungjawabkan mengawasi kerja-kerja yang dahulunya diusahakan oleh ROC.

Saya juga ingin mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan terutama menerusi ROC bagi mengawasi kerja-kerja yang terpaksa dijalankan oleh mereka berkenaan dengan bon dan debentur yang boleh diberi ataupun dikeluarkan oleh kelab-kelab rekreasi. Saya tahu dulunya banyak masalah dari mana kita dapati apartment-apartment, resort dan sebagainya ini, kita beli debentur, kita beli saham untuk kongsi masa (*time sharing*) dan semuanya ini, tetapi dari segi penguatkuasaan untuk menentukan perkara ini berlaku tanpa percanggahan tidak begitu kemas.

Begitu juga saya difahamkan ramai juga prospektus-prospektus daripada luar negara yang memberitahu kepada penduduk-penduduk di Malaysia, mereka boleh beli *time sharing* dengan syarikat-syarikat tertentu di Amerika, misalnya ataupun di tempat-tempat lain. Adakah kuasa yang sama mengawasi prospektus-prospektus ini yang dijual dan dipasarkan kepada kita di Malaysia, yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat luar negara bagi mengundang pelabur-pelabur untuk menyertai sistem kongsi masa pada kawasan-kawasan resort di Amerika dan Florida, misalnya. Saya dengar ramai yang membeli untuk satu ketika supaya mereka dapat bercuti di sana selama seminggu atau dua minggu setahun tetapi bila sampai masanya tidak dapat. Jadi, ini adalah satu penyalahgunaan prospektus daripada luar negara.

Siapa yang mengawal? Adakah Rusia sewaktu itu mengawal? Adakah mereka itu dapat menjual menerusi debentur, surat khabar dan prospektus yang *informal*? Jadi kita hendak tahu pengawalan syarikat-syarikat asing di luar negara yang cuba mendorong pelabur-pelabur di negara kita dengan prospektus *informal* ini. Saya katakan '*informal*' kerana saya tidak tahu adakah ia diluluskan oleh ROC dan kini tanggungjawab itu terus akan diletakkan kepada ROC. Adakah ROC berjaya mengawasi perkara-perkara semacam ini?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan dengan wujudnya kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Sekuriti bagi memberikan kepercayaan pelabur kepada pasaran bon dan debentur ini, kita mengharapkan ramai yang akan menyertai hutang sekuriti swasta kerana ini semuanya instrumen-instrumen (alat-alat) derivatif yang boleh menjana pasaran dana kewangan di negara kita.

Kita minta, Tuan Yang di-Pertua, dana-dana yang besar-besar boleh menggunakan kekuasaan mereka iaitu tahap dana yang mereka punya bagi mencebur diri di dalam pembelian atau menguatkan lagi seperti yang saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, pasaran sekunder (*secondary market*) untuk mereka menjual beli secara aktif instrumen-instrumen ini.

Mudah-mudahan Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pegawai-pegawai yang sepatutnya dipindahkan ke Suruhanjaya Sekuriti bagi memantau perjalanan-perjalanan yang diperuntukkan kerana tanggungjawab Securities Commission ataupun Suruhanjaya Sekuriti bertambah begitu mendadak selepas wujudnya dua, tiga, empat pindaan-pindaan yang kita luluskan kelmarin dan termasuk juga, insya-Allah, yang kita hendak luluskan pada hari ini. Atas pindaan-pindaan itu, mestilah kita berikan infrastruktur, prasarana yang sesuai kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Begitulah juga satu hari dulu ada juga cadangan supaya Suruhanjaya Sekuriti mempunyai pegawai-pegawai pendakwa yang lebih sedikit, saya rasa dengan kuasa pemantauan yang diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti saya nak tahu berapa ramai pegawai-pegawai yang sekarang ini berada di Suruhanjaya Sekuriti yang boleh mendakwa kesalahan-kesalahan di atas akta yang wujud dulu dan berapa ramai lagi pendakwa-pendakwa yang akan diwujudkan dari segi man power kerana tidak disebutkan dalam ucapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tidak disebut berapa pegawai kita akan tambah kerana wujudnya pindaan-pindaan ini kerana ini mustahak,

kerana kita tak mahu kita mempunyai rang undang-undang yang begitu bagus tetapi dari segi perlaksanaannya tak ada, pasal tak cukup tenaga.

Kita tahu benar, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah kita penuh dengan kes-kes yang tertangguh dan begitu juga saya sebutkan dulu kemungkinan dari segi pattern misalnya mungkin hendak satu mahkamah arbitration, timbang tara dan sebagainya. Jadi kita nak tahu untuk nak menentukan Suruhanjaya Sekuriti berjalan dengan baik atas lunas-lunas akta-akta yang kita pinda ini mereka terpaksa diberi pegawai-pegawai yang cekap, yang berpengalaman kerana hendak mendakwa orang yang cuba nak menipu keadaan ini kita kena juga mempunyai satu level intelek yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini iaitu Akta Syarikat 1965 yang nak dipinda ini supaya ianya dapat mengemaskinikan kedudukan Suruhanjaya Sekuriti kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng

**5.22 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang ini oleh kerana pada kelihatan seksyen-seksyen baru dan juga pindaan-pindaan itu maka saya dapati kawalan yang lebih ketat, kawalan yang lebih ketelusan, kawalan yang lebih meyakinkan akan timbul nanti dan ini akan seperti yang diterangkan oleh rakan saya tadi meyakinkan semua yang terlibat dalam menjual, membeli urusan-urusan yang ada kaitan dengan syarikat-syarikat ini.

Apa yang menarik perhatian saya adalah beberapa pindaan, seperti contoh pindaan kepada seksyen 36A(3) itu iaitu di mana sekarang kelab-kelab rekreasi yang tidak disenaraikan harus dikawal selia oleh Rang Undang-undang ini. Ini juga akan memberi keyakinan kepada mereka yang akan membeli debenture atau saham-saham daripada syarikat ini oleh kerana setakat ini kawalan kawal selia itu belum lagi termasuk kelab-kelab semacam ini.

Juga pindaan kepada 36A(7) itu di mana peminjam dan juga penjamin itu kena menunjukkan akaun untung rugi dalam masa yang telah ditetapkan, itu juga saya sangat mengalu-alukan oleh kerana dalam banyak keadaan akaun-akaun itu juga tidak ditunjuk.

Yang paling menarik hati saya ialah tentang pemindaan kepada Seksyen 96 di mana setiap pegawai daripada syarikat itu yang didapati mendapatkan pengecualian

tetapi lepas itu tidak mematuhi, setiap daripada pegawai dalam syarikat itu ialah disabit salah di dalam pindaan ini. Ini satulah yang akan menentukan bahawa setiap yang terlibat dalam apa permohonan selepas diberi kelulusan harus menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh, kalau tidak nanti di bawah seksyen ini mereka boleh setiap daripada pegawai syarikat itu boleh dipenjarakan selama 5 tahun ataupun didenda RM100,000 atau kedua-dua kesalahan.

Dalam penjelasan kepada pindaan seksyen 48 ada dikatakan bahawa ini untuk mengelak daripada langganan minimum diterima kalau kurang daripada sesuatu tahap langganan minimum iaitu seperti yang ditetapkan maka itulah dianggap sebagai tidak dilakukan kecuali satu amaun minimum langganan itu diterima. Tetapi apabila kita baca pindaan itu seperti disenaraikan di bahagian (d), nampaknya hanya prospektus-prospektus yang sudah melampaui masa itu disebutkan. So, saya nak tanyalah kenapa ada perbezaan daripada penjelasan dan juga apa yang telah disebutkan di sini.

Akhir sekali, saya juga sangat mengalu-alukan pindaan kepada seksyen 176 di mana seseorang penjamin itu tidaklah diberi perlindungan oleh mahkamah kalau sesuatu syarikat itu minta perlindungan kerana sudah mendapat banyak kerugian maka penjamin-penjamin itu tidak bolehlah dapat perlindungan yang sama. Ini juga akan memastikan apabila seseorang itu menjadi penjamin, ia lebih berhati-hati dan juga tidak sahajalah membenarkan namanya diguna dan kemudian apabila ada masalah cuba mendapatkan perlindungan mahkamah.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan menjawab.

**5.28 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kerana terlibat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkitkan dua, tiga isu berkenaan dengan perpindaan pegawai-pegawai ROC selepas kuasa diberikan kepada Securities Commission iaitu Suruhanjaya Sekuriti selepas pindaan Rang Undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Aziz, pegawai-pegawai ROC masih

diperlukan di ROC untuk mengawal selia syarikat-syarikat yang merupakan kelab rekreasi yang tidak tersenarai di BSKL dan juga ROC semakin lama semakin bertambah kerjanya sebab tiap-tiap bulan masih ada pendaftaran syarikat tempatan dan juga syarikat asing. Pada tahun ini bagi tempoh Januari sampai April ada 10,423 syarikat didaftarkan di ROC. Pada keseluruhannya untuk tahun 1999 ada 27,756 buah syarikat didaftarkan pada tahun lalu dan pada keseluruhannya saya percaya lebih daripada 500,000 syarikat-syarikat yang di bawah jagaan ROC. Saya yakin bahawa SC akan dapat menanggung tanggungjawab yang baru ini.

Berkenaan dengan prospektus untuk kongsi masa (time sharing) yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat luar negara atau syarikat dari negara asing, siapa yang mengawal syarikat-syarikat asing yang mengeluarkan prospektus ini. Syarikat-syarikat luar negara adalah dilarang daripada menawarkan syer-syer kongsi masa yang melibatkan tempat-tempat persinggahan luar negara kepada orang awam di Malaysia.

Ini begitu jelas dalam undang-undang di bawah Akta Syarikat 1965, ini adalah peruntukan di bawah akta ini. Sekiranya maklumat lanjut mengenai mana-mana syarikat luar negara yang berbuat demikian dapat dikemukakan kepada ROC, ROC pasti akan menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat luar negara. Pada .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Perkara semacam ini bukan prospektus formal, ia kadang-kadang dalam majalah, ia ada borang di mana sesiapa yang hendak menyertainya boleh beri nombor kredit kad dan ia terus hantar sahaja. Jadi, saya tidak tahu adakah – dan ia tidak sebut ianya tidak boleh diperlanggankan oleh rakyat Malaysia dan sebagainya, ia tidak sebut kerana ada yang menyebut, Tuan Yang di-Pertua, macam tiket loteri misalkan katakan, kalau orang hendak jual tiket loteri, dia kata tidak boleh dibeli oleh orang-orang Amerika kalau sekiranya benda itu – dalam majalah *Times* kah, saya sudah lupa majalahnya, tetapi ramai yang mungkin mengambil bahagian atas perkara seumpama ini dan pihak kerajaan tidak koyakkan perkara itu dalam majalah-majalah kalau ianya tidak sepatutnya dipamerkan di sini. Soalnya sekarang ini perkara ini berlaku menerusi majalah-majalah.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang dunia kita macam mereka kata is a world village, dengan Internet, dengan komunikasi-komunikasi yang

begitu pantas. Apa yang terjadi di Amerika boleh dilaporkan dengan real time. Pada suatu ketika saya pun hampir-hampir beli satu [Disampuk] kongsi masa atau dengan risalah-risalah, dengan majalah-majalah yang amat tertarik dengan harga yang begitu murah kalau berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang sama di Malaysia yang terdapat di Malaysia. Tetapi kawan-kawan saya yang beli itu bila mereka pergi ke tempat yang ditunjukkan di majalah-majalah dan risalah-risalah tidak sama, dalam majalah ia cat pun elok, semua pun elok tetapi mereka sampai ke tempat di luar negeri ini semua tidak sama, rumah pun usang, bilik pun tidak sama, kotor dan sebagainya.

Ada banyak masalah, sebab inilah saya cakap “look before you leap”, dengan izin, dan sebelum kita meninggalkan wang-wang kita di dalam akaun kita, kita mesti bijak dan sekarang dengan Internet dan lain-lain kita boleh check latar belakang syarikat-syarikat berkenaan atau tanya orang tentang Internet, senang sahaja. Mungkin di luar negara, di negara Barat dan negara yang maju kalau kita hendak check berkenaan dengan penyata kewangan syarikat itu, latar belakang syarikat itu, kita boleh check di Internet dan dengan semakan penyata-penyata kewangan, latar belakang-latar belakang di Internet, selepas kita check dengan baik-baik, barulah kita mengeluarkan wang kita. So, here I can say, they said a fool and his money will soon part, dengan izin. Saya haraplah rakyat negara kita lebih bijak dan lebih pandai sebelum mereka memilih apa-apa kongsi masa, check dengan baik-baiklah, ini nasihat saya dan .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi adakah pihak kerajaan akan mengharamkan, sebab perkara ini sudah berlaku dan kuasa ada di tangan ROC. Sekarang kita tidak pindah, kuasa itu akan terus berada dengan ROC. Dengan wujudnya, pihak kerajaan sudah sedar sekarang, wujudnya perkara-perkara ini dalam majalah-majalah, adakah pihak kerajaan akan mengambil tindakan kalau sekiranya mereka ini tidak memberikan prospektusnya menerusi ROC dalam majalah-majalah ini mereka tidak boleh mempelawa pelanggan. That means secara legalnya dia ada kuasa. Jadi, adakah pihak kerajaan akan mengharamkan, itu soalan saya.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Saya sudah jawab, kalau ada apa-apa maklumat berkenaan dengan penawar itu, the offerer, dengan penawaran itu sila sampaikan kepada ROC, kita akan ambil tindakan dengan tegasnya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkit berkenaan dengan kesalahan berhubung dengan langganan minimum atau dengan izin, minimum subscription hanya berkait kepada prospektus yang telah tamat tempoh sahnyanya. Pindaan yang dibuat melalui Fasal 7, tidak menjadi kesalahan, membuat umpukan syer kepada prospektus yang telah tamat tempoh sahnyanya. Tujuannya ialah untuk hanya merangkumi apa-apa umpukan syer yang dibuat berasaskan prospektus yang didaftarkan dengan SC tanpa mencapai langganan minimum juga sebagai satu kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tanya berkenaan dengan tawaran yang dibuat, borang yang terdapat di dalam majalah. Apa-apa tawaran kepentingan yang dibuat sama ada melalui majalah atau media-media lain ianya juga dilarang melainkan satu prospektus telah didaftarkan dengan ROC.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.40 ptg**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta 1987 yang berkuat kuasa sekarang ini memberi perlindungan kepada pemilik hak cipta dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya termasuk pemilik karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran dengan memberi hak eksklusif kepada mereka untuk mengawal penggunaan dan penerbitannya. Bagaimanapun perlindungan itu tidak termasuk pihak pelaku, dengan izin, performer, seperti penyanyi, pelakon, penari dan lain-lain orang yang membuat persembahan berkaitan sesuatu karya muzik, sastera dan seni.

Perjanjian *Trade Related Aspects of Intellectual Property Right* (TRIPS) yang ditandatangani oleh negara-negara ahli pertubuhan perdagangan sedunia iaitu WTO termasuk Malaysia dalam tahun 1994 di antara lain telah bersetuju supaya hak-hak pelaku juga diberi perlindungan. Kementerian saya berpendapat hak pelaku adalah wajar diberi perlindungan kerana mereka juga terlibat secara langsung dalam memajukan industri muzik tempatan.

Artis-artis tempatan juga telah menyuarakan rasa tidak puas hati kerana hak-hak mereka tidak dilindungi dan telah dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak berkenaan. Dengan itu mereka telah memohon supaya hak-hak mereka juga dilindungi untuk menggalakkan lagi perkembangan industri hiburan tempatan. Sehubungan dengan itu pindaan sewajarnya dicadangkan ke atas Akta Hakcipta untuk memberi perlindungan kepada hak-hak pelaku. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini pada amnya adalah untuk memperuntukkan beberapa hak khusus kepada pelaku dan juga memanjangkan beberapa peruntukan yang telah sedia ada di bawah Akta Hakcipta 1987 kepada golongan tersebut.

Hak-hak pelaku yang dicadangkan adalah seperti di Fasal 7 iaitu seperti berikut:

- i. hak eksklusif bagi mengawal penyampaian sesuatu persembahan secara langsung kepada orang awam. Misalnya,

- hak untuk membenarkan siaran pertunjukan pentas mereka secara langsung melalui TV dan radio kecuali pertunjukan pentas itu sendiri memang bertujuan untuk disiarkan secara langsung melalui TV dan radio;
- ii. hak eksklusif bagi mengawal rakaman sesuatu persembahan yang belum ditetapkan. Misalnya, hak untuk merakam pertunjukan pentas mereka;
  - iii. hak eksklusif bagi mengawal pengeluaran semula penetapan sesuatu persembahan secara langsung;
  - iv. hak eksklusif bagi menjadikan tersedia untuk orang awam buat pertama kali, suatu penetapan persembahan secara langsung, dengan izin, *first making available to the public offixation of a live performance* atau salinannya melalui jualan atau pindaan hak milik; dan
  - v. hak eksklusif bagi mengawal penyewaan sesuatu persembahan secara langsung yang telah dirakamkan atau salinannya kepada pihak awam.

Selain daripada hak-hak di atas apabila sesuatu rakaman bunyi dipersembahkan di hadapan orang awam atau digunakan dalam sesuatu siaran atau penyampaian lain kepada orang awam suatu saraan yang saksama, dengan izin, *equitable remuneration*, hendaklah juga dibayar kepada pelaku.

Tempoh perlindungan untuk hak pelaku adalah selama 50 tahun. Peruntukan-peruntukan lain yang diwujudkan khusus untuk pelaku termasuklah peruntukan yang menetapkan kelayakan bagi pelaku mendapat perlindungan di bawah akta berkenaan. Di antara kelayakan itu termasuklah soal kerakyatan dan tempat persembahan seperti yang dijelaskan di bawah Fasal 5, Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memberi hak-hak eksklusif tersebut peruntukan sivil dan jenayah yang sedia ada di bawah akta berkenaan juga dipanjangkan kepada pelaku jika berlaku pelanggaran. Perkara ini dicadangkan di bawah Fasal 19 dan 27 Rang Undang-undang. Selain daripada pindaan bagi memberi perlindungan kepada pihak pelaku cadangan pindaan ini juga mengambil peluang untuk memperkemas Seksyen 39 Akta yang sedia ada iaitu mengenai larangan mengimport salinan langgaran. Pindaan yang dicadangkan ini adalah supaya pihak

yang memohon untuk menahan kemasukan produk yang disyaki sebagai salinan langgaran membayar cagaran.

Ini adalah untuk melindungi kerajaan sekiranya kerajaan menanggung apa-apa *liability* atau perbelanjaan dalam menahan salinan langgaran itu sekiranya permohonan untuk menahan salinan langgaran itu didapati dibuat dengan niat yang tidak betul. Cadangan ini terdapat di bawah Fasal 18. Selain daripada itu cadangan pindaan ini juga bertujuan untuk memperkemaskan Seksyen 42, akta yang sedia ada. Ia bertujuan untuk memudahkan pemilik hak cipta atau wakilnya menyediakan affidavit bagi tujuan membawa kes-kes pelanggaran ke mahkamah. Cadangan ini jelaskan di bawah Fasal 21 Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan memberi faedah kepada pihak pelaku iaitu salah satu golongan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan karya muzik, sastera dan seni. Ia juga akan menjadikan Akta Hakcipta 1987 selaras dengan undang-undang hak cipta di negara-negara lain sebagaimana yang telah dipersetujui di bawah Perjanjian TRIPS. Dengan itu pindaan-pindaan ini di jangka akan dapat meningkat dan memajukan lagi perkembangan karya muzik, sastera dan seni di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

**5.50 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak kerajaan kerana sesi kali ini banyak rang undang-undang hak cipta. Sebenarnya Rang Undang-Undang Hakcipta (Pindaan) 2000 sebenarnya merupakan golongan rang undang-undang seperti Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu, Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan), Rang Undang-undang Petunjuk Geografi dan Rang Undang-undang Cap Dagangan.

Jadi, saya nampak kerajaan amat prihatin bagi menentukan sistem perdagangan di negara kita ini telus dan tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak dari segi keunikan, dari segi keasliannya. Tetapi sebelum daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengucapkan tahniah kepada tiga orang Senator iaitu Senator Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, Senator Datuk Norjan binti Khan Bahadar dan Senator Puan Hajah Melati binti Ali yang telah pun dipilih untuk menganggotai Pergerakan Wanita UMNO hari semalam dan saya yakin ini akan menguatkan lagi azam mereka untuk meneruskan perjuangan dari segi Kerajaan UMNO dan juga Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi hanya mendengar bahawasanya kita mengambil kira dari segi undang-undang ini mengikuti Agreement On Trade Related Aspect Of Intellectual Property Rights (TRIPS) di mana kita telah pun menandatangani.

Saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan, selain daripada kita melindungi hak ekonomi artis-artis ini, kita juga ingin mengetahui bahawasanya kita juga terlibat di dalam melindungi hak moral iaitu seperti yang dituntut di bawah Bern Convention for the Protection of Literary and Artist Works 1971. Jadi, ini adakah diambil kira bagi mengemaskinikan perundangan kita sebagai latar belakangnya, mukadimahnya kerana kita sudah menyebut TRIPS dan TRIPS merupakan salah satu daripada konvensyen ataupun perjanjian di mana kita menjadi parti dan saya tidak tahu adakah kita juga menandatangani Bern Convention for the Protection of Literary and Artist Works 1971 ini yang memangnya memberikan perlindungan dari segi moralnya kepada artis-artis kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengetahui kalau rang undang-undang ini mempunyai tangan yang akan melindungi selama 50 tahun ke hadapan, saya ingin tahu apa sudah jadi kepada artis-artis agung kita, terutama Allahyarham Tan Sri P. Ramlee misalnya yang banyak pada satu ketika mempersoalkan dari segi hak ciptanya, adakah karyawan beliau ini, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini terlindung di dalam akta-akta yang terdahulu daripada ini dan adakah pihak kerajaan menentukan selain daripada artis seperti Tan Sri P. Ramlee, artis-artis yang lain, yang telah pun meninggalkan kita dan kita mengambil bahagian dari segi kerajaan memberitahu kepada pewaris-pewaris kerana mereka mungkin tidak tahu supaya

mereka membuat afidavit kalau perlu untuk menentukan yang hak-hak mereka juga terjamin.

Saya memang fahamlah dengan wujudnya perundangan yang baru ini, kita akan mengambil ketegasan, pendekatan yang tegas terhadap apa yang akan berlaku, tetapi saya hendak tahu kebelakangan, in the pass, dalam masa lampau apakah perkara semacam ini diambil kira oleh pihak kerajaan bagi menentukan tidak ada orang, mana-mana pihak yang mengeksploitasi artis-artis kita. Saya kasihan melihat artis-artis, baik dari segi karyawan kerana saya melihat dari segi persembahan hidup, life performance, tetapi dari segi hak cipta mereka, saya perhatikan dan semalam saya terbaca Ramli Sarip seorang artis yang agak terkemuka juga, dia kata kerana wujudnya pencerobohan ciplak ini di mana kaset, CD, VCD, cakera padat, video dan sebagainya ini begitu mudah ditiru yang menyebabkan, saya difahamkan Ramli Sarip bercerita dia kata anggaran mula-mula, hasil pengeluaran 200,000 tetapi kerana wujudnya cetak rompak ini kasetnya dibuat, dia hanya boleh menjual 50,000 sahaja dari segi yang asli, yang lain itu kebanyakannya bertaburan dengan cetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, jadi senang sangat orang buat cetak rompak. Jadi, saya mengharapkan tidak ada cetak rompak di mana siapa yang mendapat rights ataupun hak untuk mengambil gambar pementasan artis-artis seperti Siti Nurhaliza dan sebagainya, lepas itu ada pula orang yang membuatnya, lepas itu meniru ataupun copy dan sebar secara meluas.

Jadi, saya mengharapkan perkara ini tidak berlaku kerana saya kasihan, kalau masa empat jam dia menyanyi di atas pentas dengan peluh begitu banyak, lepas itu pendapatannya hanya terhad kepada pendapatan kontrak pertama semasa persembahan, tetapi selepas itu, orang membuat pelbagai hak ciptanya dicerobohi, di mana kawalan seperti ini tentunya akan menjaga dari segi pendapatan artis-artis kita yang secara tidak langsung memang menyumbang kepada pembangunan negara.

Jadi, kita inginkan kesenian negara terpelihara dengan artis-artis, sasterawan-sasterawan, puisi-puisi yang sekarang ini mereka deklamasikan di merata tempat, di GAPENA, PENA, gabungan-gabungan, semuanya mendeklamasi puisi di peringkat ibu negeri, mereka pergi berhijrah. Saya mengucapkan tahniah tetapi janganlah kita mengeksploitasi mereka ini, berilah hak mereka dengan penjagaan yang rapi menerusi rang undang-undang ini.

Saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid.

**5.57 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000.

Akta Hakcipta telah dikuatkuasakan semenjak tahun 1987 untuk memberi perlindungan bagi karya sastera, karya artistik, muzik dan filem. Akta ini bertujuan untuk menggalakkan seni negara dan di samping itu memberi perlindungan eksklusif kepada pencipta-pencipta ini agar ciptaan mereka tidak ditiru dan digunakan oleh orang lain.

Adalah wajar masyarakat Malaysia yang sudah membangun dan maju memberi kesempatan kepada karyawan-karyawan dan artis ini untuk menumpu hidup mereka dengan penuh semangat dan dedikasi. Justeru itu kesenian dan kebudayaan negara dapat diperkembangkan dan dipertingkatkan. Perlindungan kepada karyawan-karyawan dan artis-artis ini sesungguhnya mestilah dari semua aspek pekerjaan mereka. Di dalam alaf teknologi maklumat yang moden bermacam-macam unsur boleh digunakan untuk mengeksploitasikan hasil titik peluh pekerjaan mereka.

Sebagai contoh, penggunaan Internet sekarang boleh dipaparkan gambar-gambar, petikan video dan audio, ini menyebabkan karyawan dan artis yang tidak dilindungi mengalami kerugian secara tidak langsung.

Akta Hakcipta 1987 yang sedia ada tidak dapat memberi perlindungan kepada pelaku, dengan izin, performers. Sekarang sudah sering kita lihat konsert-konsert dan pertunjukan diadakan oleh artis-artis sebagai satu sumber pendapatan mereka. Yang lebih penting ialah rakaman-rakaman pertunjukan ini boleh disiarkan di televisyen atau radio tanpa memberi perlindungan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1994, Malaysia telah menjadi penandatangan kepada perjanjian tentang aspek-aspek yang berhubung dengan perdagangan bagi harta intelek iaitu Perjanjian TRIPS. Perjanjian ini menghendaki kita memberi perlindungan kepada pelaku menjelang tahun 2000. Di sini saya ingin mengetahui mengapakah kita menunggu sehingga lima tahun untuk mengikuti

Perjanjian TRIPS. Para pelaku seharusnya dilindungi semenjak tahun 1994. Akta ini dengan pentingnya:

- (i) memberi definisi seorang pelaku sebagai seseorang yang membuat persembahan secara langsung yang termasuk karya drama, karya muzik, penyampaian karya sastera, persembahan tarian dan lakonan serius;
- (ii) melindungi karyawan dan sasterawan dari segi penyampaian data dan maklumat di komputer;
- (iii) melindungi pelaku warganegara Malaysia dan bukan warganegara yang membuat persembahan yang diadakan di Malaysia; dan
- (iv) memberi hak eksklusif kepada pelaku di Malaysia tentang pengeluaran dan penetapan sesuatu persembahan kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta 1987 ini adalah penting kepada para seni negara kerana sumber pendapatan dan perlindungan mereka bergantung kepadanya. Negara kita hanya mempunyai penduduk seramai 20 juta orang dan setakat ini mereka hanya bergantung kepada masyarakat tempatan. Jadi, pasaran bagi para-para seni ini terhad kepada pasaran tempatan. Jadi, jika pasaran tempatan tidak dilindungi oleh kerajaan untuk mereka, maka sumber rezeki tempatan pun akan terjejas. Ini akan menyebabkan terjejasnya perkembangan seni dan budaya di negara kita. Oleh yang demikian, akta ini seharusnya diperketatkan untuk melindungi dan menggalakkan budaya seni di negara ini. Cetak rompak yang berleluasa kini seharusnya dikawal dan kemudiannya dibasmikan supaya para seni negara dapat mempertingkatkan lagi sumber kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Hakcipta 1987 dan mengajak Dewan yang mulia ini menyokong pindaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

#### **6.05 ptg.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk bersama-sama membahas rang undang-undang ini untuk meminda Akta Hakcipta 1987. Akta Hakcipta 1987 telah pun dibahaskan di Dewan yang mulia ini pada tahun ianya digubal iaitu pada tahun 1987. Banyak yang telah

diperkatakan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai hak cipta. Pada hari ini izinkan saya menambahkan lagi hujah-hujah terhadap rang undang-undang ini.

Akta yang digubalkan ini nampaknya lebih mementingkan dan memberi perlindungan kepada yang empunya hak cipta sama ada dia sebuah syarikat, pengubah, pengarang dan sebagainya tetapi nampaknya akta ini bukan ‘mesra pengguna’, dengan izin, consumer friendly. Sepatutnya penggunalah yang mesti diberi perlindungan dalam apa-apa jua akta yang digubal oleh Dewan yang mulia ini. Kalau mengikut buku yang berjudul *The Electronic Pirates*, dengan izin, oleh John Hestermein and Andy Litermein, hak cipta hanya boleh wujud dalam masyarakat yang demokratik dan mengamalkan sistem kapitalis. Satu daripada prinsip utama sistem kapitalis ialah pengguna berhak memilih apa yang mereka mahu atau minat. Walau bagaimanapun, Akta Hakcipta ini melarang mereka menggunakan hak mereka untuk memilih. Ini kerana kalau sebelum Akta Hakcipta seorang pengguna boleh membuat store-tapping iaitu merakamkan lagu-lagu yang mereka minat di dalam kaset yang lain tetapi selepas hak cipta ini diwartakan pengguna tidak boleh berbuat demikian kerana ini melanggar seksyen tertentu akta ini.

Jadi, di manakah hak pengguna yang hidup di dalam sistem kapitalis atau pasaran bebas, dengan izin, free market untuk memilih apa yang mereka gemar. Hak siapa yang lebih penting, pengguna ataupun yang empunya hak cipta? Kalau tidak kerana sistem yang kita amalkan sekarang ini hak cipta tidak wujud.

Dalam sistem komunis atau sosialis selalunya rakyat tiada pilihan untuk memperolehi apa yang mereka mahu atau gemar. Mereka kena mengambil apa yang diberi kerana tiada pilihan lain. Ini sama seperti, dengan izin, take it or leave it. Ini berbeza dengan sistem free market. Rakyat dianggap sebagai pengguna yang bijak, yang boleh memilih apa yang mereka mahu. Sebagai contoh, kasut ada pelbagai jenama yang boleh dipilih oleh pengguna. Pengguna boleh memilih kasut Bata, Bally, Clark atau apa sahaja yang mereka mahu. Mereka juga boleh memilih pakaian dari jenama Arrow, Van Hauseen, John Master, Don dan sebagainya. Dalam sesuatu jenama sendiri pun ada banyak model yang boleh dipilih – dari segi warna, bentuk, cutting, corak ataupun mengikut cita rasa sendiri.

Tetapi lain pula halnya dengan muzik, nampaknya Akta Hakcipta melarang pengguna memilih lagu yang mereka gemar untuk dirakamkan di pita lain. Kalau di

dalam sesuatu kaset itu ada 10 lagu tetapi hanya sebuah lagu sahaja yang digemari, pengguna tidak boleh membuat rakaman koleksi lagu-lagu yang mereka minat. Selalunya khidmat ini disediakan oleh kedai-kedai muzik. Perbuatan ini tidak boleh dilakukan lagi kerana ia dilarang oleh Akta Hakcipta. Bolehkah Akta Hakcipta memastikan selera dan cita rasa pengguna itu mengikut apa yang dikeluarkan oleh syarikat rakaman? Saya pasti dan percaya tidak semua lagu Sharifah Aini, Siti Nurhaliza, Search, KRU, Mark Anthony digemari oleh semua peminat muzik. Ada setengah-setengah pengguna hanya gemar satu atau dua lagu sahaja dari setiap penyanyi, jadi tidak bolehkah pengguna ini hanya memetik lagu yang mereka gemari sahaja.

Dari segi royalti pula, banyak persoalan yang masih belum dijawab lagi. Buat masa ini PPM, iaitu Persatuan Persembahan Phonografi Malaysia, dengan izin, Phonographic Performance Malaysia mahu mengutip royalti daripada kedai-kedai kopi dan warung yang memainkan radio dan televisyen di tempat perniagaan mereka. Ini adalah tidak adil kerana pertamanya, stesen radio yang menyiarkan lagu-lagu telah membayar royalti kepada persatuan ini. Kenapa mereka mahu menuntut royalti untuk kali kedua. Lagipun selalunya televisyen atau radio ini diletakkan di kaunter bayaran dan ini lebih untuk kedengaran cashier dan bukan untuk pelanggan-pelanggan kedai itu. Mereka hanya pergi ke kedai kopi atau warung untuk menjamu selera sahaja bukan untuk mendengar radio atau menonton televisyen. Radio dan televisyen bukan hanya menyiarkan lagu semata-mata. Selain daripada itu ada lagu-lagu, ada rancangan sembang-semang, dokumentari, penerangan dan sebagainya, dan yang lebih menarik minat pelanggan-pelanggan kedai kopi dan warung mungkin warta berita. Mereka mahu tahu perkembangan semasa dan juga keputusan perlawanan sukan. Adakah ini juga akan dikenakan royalti oleh PPM? Adakah pembaca warta berita itu juga akan menerima royalti daripada PPM? Sekiranya ada, saya mahu tahu berapakah yang telah dibayar kepada mereka ataupun apakah kadar yang hendak dibayar kepada mereka ini?

Saya juga difahamkan kutipan royalti telah dibuat oleh badan-badan tertentu seperti PPM dan MACP tetapi saya masih belum mendengar mengenai siapa yang telah menerima royalti ini dalam Malaysia? Adakah kutipan yang dibayar ini diutamakan kepada artis-artis asing? Siapakah yang telah menerima dan jumlah yang diterimanya di Malaysia ini? Adakah artis-artis kita juga menikmati pembayaran

royalti ini? Bagi Allahyarham Tan Sri P. Ramlee misalnya, siapakah yang telah menerima royalti bagi pihak Allahyarham dan jumlah yang diterimanya?

Dalam Rang Undang-undang ini ada menyebut mengenai 'pelaku' dan hak 'pelaku' dalam Seksyen 3 Fasal 2. Saya sangat setuju dengan perkataan 'pelaku' kerana ini memberi hak yang sepatutnya kepada mereka. Tetapi apa yang saya mahu daripada 'pelaku' ini janganlah ada salah laku. Kutipan royalti ini dibuat bagi pihak artis-artis. Syarikat rakaman mengatakan harga sebuah kaset atau disc itu mahal kerana ia merangkumi bayaran royalti kepada artis dan penggubah. Lain pula halnya dengan pengeluar cetak rompak yang tidak perlu membayar royalti kepada sesiapa pun. Keuntungan yang mereka perolehi hanya untuk mereka semata-mata. Artis dan penggubah tidak menikmati langsung keuntungan yang diperolehi oleh pencetak rompak ini. Saya sedar artis-artis dan penggubah-penggubah telah bersusah payah berusaha untuk mengeluarkan hasil kreativiti kesenian mereka. Mereka sememangnya patut menerima royalti ini.

Tetapi kita sering mendengar dan membaca terutama di dalam akhbar tabloid mengenai salah laku artis-artis popular sama ada artis Malaysia ataupun dari luar negara. Terdapat artis-artis Barat yang bangga dengan anak luar nikah mereka yang dikenali sebagai "love child" ataupun "anak hasil cinta". Bagi mereka, institusi keluarga ini sudah ketinggalan zaman ataupun spesis terakhir, dengan izin, ending-just species. Penjaga anak-anak tidak perlu, suami ataupun isteri tetapi boleh dilakukan dengan adanya penjaga kanak-kanak yang dikenali sebagai nenek. Mahukah kita membenarkan masyarakat kita mengamalkan konsep ini, iaitu bila mahu anak tidak perlu menjalani proses perkahwinan. Sanggupkah kita melihat anak-anak hasil penzinaan ini diamalkan oleh semua peringkat masyarakat?

Bagi artis Malaysia pula, ada yang bernikah di negara jiran. Kenapakah mereka berbuat demikian sedangkan undang-undang pernikahan di Malaysia adalah mengikut lunas-lunas agama? Adakah perkahwinan ini secara rahsia kerana sisuami sudah beristeri dan ada pula artis lelaki yang tidak mahu mengaku kandungan itu adalah anak mereka. Mereka hanya mahu berfoya-foya dan bersuka-suka tetapi tidak mahu bertanggungjawab di atas masalah yang timbul. Artis-artis yang popular ini telah mengambil kesempatan ke atas peminat-peminat mereka yang tidak menyangka artis tersebut tidak mahu bertanggungjawab. Artis-artis seharusnya menunjukkan contoh teladan perilaku yang elok seperti yang dikehendaki oleh masyarakat kita. Tidak

boleh dinafikan perilaku artis boleh mempengaruhi peminat mereka dari segi pakaian, perwatakan dan perilaku. Kalau artis telah menunjukkan contoh-contoh yang tidak baik, peminat-peminat mereka tentu menyangka mereka juga boleh berbuat demikian. Adakah kita mengamalkan undang-undang ini untuk membolehkan artis-artis berbuat sesuka hati mereka tanpa mengira sensitiviti masyarakat tempatan?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penjualan buku ada dua versi yang dijual, ia itu kulit keras dengan izin, hard cover dan kulit lembut, iaitu soft cover. Perbezaan harga ialah versi kulit keras lebih mahal daripada versi kulit lembut bagi judul yang sama. Kenapakah syarikat rakaman tidak boleh berbuat seperti industri buku, iaitu ada versi yang mahal dan ada versi yang murah untuk dilambakkan di pasaran? Bagi mereka yang mempunyai peralatan rakaman yang canggih dan mahal akan lebih berminat membeli versi yang mahal. Walhal bagi orang ramai yang berpuas hati membeli jenama alat rakaman yang berpatutan tidak perlu membeli versi yang mahal. Mereka berpuas hati dengan versi yang murah, sebab itu mereka sanggup membeli salinan cetak rompak yang harganya murah. Mengapakah industri-industri rakaman ini tidak mengambil kira segmen masyarakat yang tidak berkemampuan membeli versi yang mahal? Pihak kementerian mestilah mengkaji balik peranannya yang semata-mata mahu menguatkuasakan undang-undang tetapi tidak mengendahkan apa yang berlaku sebaliknya. Saya bukanlah meminta kementerian menjaga tepi kain orang tetapi Yang Berhormat Menteri mesti sedar masyarakat Malaysia masih menitikberatkan nilai-nilai dan lunas agama.

Kementerian juga menasihatkan industri rakaman supaya mencari jalan untuk mengatasi masalah cetak rompak dari segi sosial dan bukan semata-mata dari segi penguatkuasaan dan perundangan. Bahagian Penguatkuasaan kementerian boleh menangkap sepuluh penjaja-penjaja haram menjual salinan cetak rompak hari ini tetapi esok lagi dua puluh akan timbul untuk menjualnya. Jadi nampaknya, tidak ada penyelesaian bagi masalah ini melainkan industri rakaman itu sendiri mengambil cita rasa dan kemampuan pengguna-pengguna. Selagi pihak industri rakaman tidak mahu berbuat demikian, selagi itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan kembali semula ke Dewan yang mulia ini, untuk membuat pindaan demi pindaan untuk menjaga kepentingan industri dan mengetepikan hak pengguna. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Zainudin.

**6.20 ptg.**

**Datuk Zainudin Maidin:** Saya ingin turut serta secara ringkas untuk menyatakan sokongan saya terhadap pindaan ke atas Akta Hakcipta 1987.

Pada pandangan saya bahawa langkah ini adalah merupakan satu langkah ke hadapan berikutan dengan perkembangan berbagai-bagai bidang seni dan sastera di tanah air kita. Dalam bidang lakonan, penyertaan semakin ramai anak-anak tanah air kita di dalam bidang yang telah berkembang sekian lama tetapi tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya. Kita adalah amat berharap bahawa dengan pindaan ini langkah-langkah yang lebih berkesan akan dapat dijalankan bagi memastikan bahawa para artis kita, sasterawan kita, penyanyi dan sebagainya akan dapat menikmati sepenuhnya hasil karya mereka, daripada persembahan mereka dan sebagainya dan mereka tidak lagi dieksploitasi dengan sewenang-wenangnya oleh pihak yang terlibat dalam industri ini.

Dalam pada itu saya agak, di samping melihat langkah ini sebagai satu langkah ke hadapan, satu langkah yang memberikan penghargaan kepada para sasterawan, dramatis, penyanyi dan siapa juga yang bersifat kreatif dan memberikan sumbangan dalam pembinaan seni budaya tanah air. Tetapi dalam pada itu kita melihat bahawa penilaian itu adakalanya masih rendah dan di pihak kita sendiri yang bertanggungjawab tidak memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada mereka yang telah mencapai satu taraf yang tinggi dalam masyarakat kita. Kita telah pun melalui satu zaman di mana telah kita sebutkan beberapa kali beberapa orang terdahulu daripada saya iaitu tentang bagaimana seniman agung kita telah melalui proses yang tanpa perlindungan tetapi mahu tidak mahu sumbangannya kepada tanah air kita adalah oleh kerana bukan daripada kerajaan tetapi daripada tenaganya sendiri, daripada sumbangan Show Brothers iaitu sebenarnya wujudnya seniman agung kita sendiri adalah hasil bukan daripada masyarakat Melayu sendiri, masyarakat Melayu adalah sebagai sumbangan sebagai sokongan tetapi adalah daripada Show Brothers seorang hartawan Cina yang melahirkannya, yang membimbing, yang menaikkan nama P. Ramlee walaupun itu adalah untuk mencari wang tetapi tanpanya, tanpa Show Brothers mungkin P. Ramlee tidak wujud dan tidak mendapat tempat dalam masyarakat kita kerana tidak ada orang yang mengusahakannya dan tidak ada orang yang dapat mengetengahkannya di tanah air kita. Ini adalah hakikatnya. Tetapi

keadaan sudah berlainan di mana kerajaan sendiri telah dapat memberikan bantuan, memberikan pertolongan, bantuan, tunjuk ajar dan juga melindungi mereka ini. Tetapi malangnya apa yang berlaku baru-baru ini adalah menunjukkan bahawa mereka yang telah mencapai taraf profesional yang begitu tinggi telah tidak dihargai.

Umpamanya saya beri contoh apa yang berlaku baru-baru ini. Iaitu apa yang berlaku kepada sasterawan A. Samad Said. Tidak semua orang penulis boleh mencapai taraf seperti A. Samad Said. Tidak semua penulis boleh menjadi sasterawan, seorang penyair agung seperti Tongkat Waran. Tidak semua penulis boleh menjadi novelis yang agung seperti 'Pramodya Anantateor', tidak!. Hanya beberapa orang sahaja yang diberikan kelebihan oleh Allah S.W.T dengan hasil kesenimannya yang tinggi dengan daya cipta yang luar biasa menghasilkan karya-karya yang mengagumkan kita, yang kadang-kadang mengharukan perasaan kita yang membentuk pemikiran ramai dan sebagainya.

Dan di antara mereka ini yang telah kemudian diakui dan diiktirafkan oleh negara kita. Mereka telah diberikan pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara. Diberikan pengiktirafan. Itu pengiktirafan negara. Jadi bagaimanakah taraf layanan kepada hasil-hasil karya sasterawan yang diiktirafkan ini adalah sama dengan karyawan yang lain yang hanya dikatakan sebagai yang banyak. Apa yang berlaku kepada A. Samad Said baru-baru ini ialah bahawa dia diberikan royalti bukan luar biasa. Suatu royalti yang sama seperti penulis-penulis yang lain. Kemudian bila dia meminta jawapannya ialah bahawa dia telah diberikan kelebihan, dia telah diberikan keistimewaan, dia telah pun diberikan layanan yang lebih daripada orang lain. Memang sepatutnya dia diberikan lebih daripada orang lain. Tetapi dia tidak diberikan. Dia masih menjadi sebagai peminta sedekah. Royaltinya diberikan bawah 10%, dia minta 15%. Apakah ini suatu layanan yang baik kepada seorang Sasterawan Negara. Hal ini dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pendidikan, kepada Dewan Bahasa dan sebagainya.

Jadi pemikiran kita, penilaian kita itu tidak sampai kepada taraf yang diperlukan yang berada di Kementerian Pendidikan, yang berada di Dewan Bahasa melayan seorang Sasterawan Negara begitu rupa. Jadi hal inilah. Kemudian, adakah seorang Sasterawan Negara harus meminta-minta lagi sebab kita tidak dapat melahirkan. Berapa tahun kita dapat melahirkan orang seperti P. Ramlee. Berapa tahun lagi kita akan dapat melahirkan apabila hilang kelak nanti Sasterawan Negara

seperti Usman Awang, seorang penyair agung dapat melahirkan seorang lagi. Dia mengambil masa bertahun-tahun. Berpuluh tahun. Seorang seniman hanya lahir pada satu masa. Shakespeare masih diingat, berapa orang yang lahir kemudiannya yang menjadi penulis-penulis agung. Jadi hal-hal ini haruslah, di samping kita ke depan dalam soal ini tentulah ini disambut baik oleh para penulis, para dramatis, oleh performers, oleh penyanyi dan sebagainya. Satu penghargaan.

Dan saya rasa apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Perlis tadi saya tidak begitu bersetuju. Sebab apa, tiap-tiap pengguna walaupun sistem kapitalisme, menjamin pengguna, hak pengguna tetapi pengguna juga tidak boleh mengeksploitasi, penerbit tidak boleh mengeksploitasi, karyawan tidaklah seharusnya mereka boleh dengan mudah hanya meniru atau menyalin sesebuah hasil karya. Jadi kalau kesemuanya berhak untuk membuat salinan tanpa sekatan maka bagaimanakah para karyawan ini akan hidup. Seperti di zaman dahulu tiap-tiap orang hanya boleh menyalin. Itu sebab di zaman dahulu tidak ada – bukanlah sumber kewangan, tetapi sumber untuk menyebarkan ilmu hanya menyalin. Tetapi sekarang ini kalau disalin sudah merugikan pihak karyawan itu sendiri. Jadi hal ini kita harus fikir dan kita harus juga tidak melindungi pihak yang hanya semata-mata bukan yang hendak mengeksploitasi mencari jalan untuk menjadi sasterawan, dramatis, penyanyi dan sebagainya sebagai alat walaupun di pihak penerbit, di pihak-pihak yang terlibat yang boleh mengguna mereka ini untuk mencari keuntungan secara penipuan, secara yang tidak dapat dilihat, secara meniru dan sebagainya.

Jadi saya rasa yang penting sekali ialah juga bahawa akta ini hendaklah difahamkan kepada pelaku kita ataupun pihak-pihak penulis, ahli-ahli seni kita hendaklah difahamkan tentang hak mereka. Ini adalah perlu. Mereka mestilah difahamkan dan diberikan oleh mana-mana pihak supaya mereka menyedari hak-hak mereka dan supaya dengan itu mereka tidak lagi menganggap bahawa kerajaan telah tidak mengambil berat tentang nasib mereka. Jadi setakat itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya turut untuk menyokong pindaan Hak Cipta 1987.

### **6.30 ptg.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak cakap sedikit sahajalah atas akta rang undang-undang pindaan hak cipta ini. Saya telah mendengar banyak pandangan dan saya sendiri telah pun mengalami dan mengetahui lebih jelas mendalam terutama sekali saya hendak tanyalah Tuan Yang

di-Pertua, cetak rompak dan original, kalau kita tanya orang kebanyakan, dia lebih suka beli cetak rompak kerana harganya murah terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah, orang kampung kerana ianya lebih murah dibeli dan harga begitu murah.

Walau bagaimanapun kita tahu bahawa dengan hal yang demikian ini dengan tidak langsung akan merugikan mereka yang mengeluarkan pita rakaman yang original. Saya kira barangkali mereka yang buat rakaman producer dan penerbit harus mengkaji soal ini. Walaupun kerajaan telah mengeluarkan undang-undang demi satu undang-undang ke satu undang-undang yang lain pada jangka panjangnya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memusnahkan mereka ini dengan sekaligus. Mereka akan hidup, tumbuh oleh kerana perniagaannya begitu laris, ada pembeli dan sebagainya, walaupun ada undang-undang diperkenalkan.

Kita boleh mengatakan undang-undang ini hukumannya berat tetapi saya jangka cetak rompak ini makin hidup dan selama-lamanya kecuali kalau sekiranya penerbit dan producer mengurangkan harga barang-barang mereka dijual di pasaran, saya yakin ini akan dapat melawan cetak rompak, satu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak tahulah, saya sendiri pun tidak tahu dan mereka ini dahulu pernah berjumpa dengan saya hendak menubuhkan kesatuan penyanyi dan sebagainya oleh kerana mereka ada persatuan tetapi tidak begitu kuat, kesatuan lebih kuat katanya untuk mengadakan perundingan kolektif atau perjanjian bersama, dengan izin. Jadi, siapa yang mendapat untung lebih, penyanyikah, pelakonkah ataupun penerbit. Saya kira mereka yang mendapat untung besar penerbit dan producer, mereka yang mendapat untung lebih besar.

Kalau kita lihat penyanyi, pelakon masih lagi seperti kita juga, kalau dibandingkan pelakon dari Hollywood, Bollywood, they are rich, dengan izin, penyanyi yang terbilang begitu kaya, dia ada dengan dia punya pengurus, dia ada dengan dia punya pejabat dan sebagainya, beroperasi besar-besaran dan sesetengahnya ada jet sendiri, terbang. Tetapi negara kita masih lagi ketinggalan, tetapi saya ingat barangkali masalah kita hendak kaji kementerian hendak kaji juga iaitu adakah penyanyi kita ini, pelakon kita ini yang penulis sepertimana Datuk Zam tadi, mendapat bayaran yang semesti didapat oleh mereka. Adakah mereka dieksploitasi oleh orang tengah, dieksploitasi oleh produser dan penerbit.

Ini satu kajian harus dibuat oleh kementerian dan supaya para pelakon, penyanyi, karyawan mendapat bayaran yang setimpal dan sepatutnya dibayar kepada mereka dan tidak dieksploitasi oleh penerbit, itu pendapat saya dan pada umumnya saya kira barang-barang cetak rompak lebih murah daripada original, itu sebab pembelinya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah, orang kampung yang ingin - kalau kita hendak bandingkan cetak rompak dengan original, orang cakap almost the same, tidak ada beza, sebab itu orang cakap lebih suka beli cetak rompak harga murah, original good, same with original one, why should I spend money to by the original one, dengan izin, yang original harga RM35 cetak rompak hanya RM5, RM30 orang pekerja boleh save, itu pendapat saya dan pandangan saya, saya ingat kita kena buat kajian dan kita tanya kepada mereka ini dan cara mana mengurangkan pengeluaran kos dan ini boleh menjadikan pengeluaran original lebih laris dan lebih dibeli oleh pengguna. Sekian terima kasih, saya menyokong rang undang-undang ini.

#### **6.35 ptg.**

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Haji Abdul Wahid, Yang Berhormat Haji Karim bin Salleh, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin dan Yang Berhormat Zainal Rampak atas sumbangan mereka dan perbincangan mereka untuk rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkitkan beberapa isu sama ada moral rights artis di bawah Bern Convention diperuntukkan dalam pindaan ini. Moral rights artis turut dilindungi di bawah fasal 15 dan hak ini diberi juga selepas kematian artis-artis itu. Hak selepas kematian artis itu boleh diselenggara oleh orang atau institusi yang diberi kuasa oleh artis itu sebelum kematiannya dan beliau juga tanya sama ada kita menganggotai Konvensyen Bern. Malaysia menjadi ahli kepada Konvensyen Bern bagi perlindungan hak cipta sejak 1 Oktober 1990. Berkenaan dengan melindungi hak moral, pindaan ini memperuntukkan hak moral baik bagi pemilik hak cipta mahupun pelaku. Ini terdapat di bawah seksyen 25 Akta yang sedia ada dan seksyen 25A pindaan ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan isu sama ada artis-artis terkenal sebelum ini dilindungi. Saya mengucapkan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Dato', beliau amat peka kepada artis-artis agung atau artis-artis negara kita yang pada masa kini telah meninggal. Hasil-hasil karya mereka masih

dilindungi kalau karya-karya itu menepati syarat tempoh masa yang terdapat di bawah akta. Karya-karya seperti karya muzik, karya seni dan karya sastera akan dilindungi selama sepanjang hayat pencipta dan lima puluh tahun selepas kematiannya. Ini bermakna semua artis yang meninggal dunia selepas tahun 1950 akan dapat dilindungi di bawah Akta Hakcipta ini. Bagi karya-karya seperti filem, siaran dan rakaman bunyi, tempoh perlindungan adalah selama 50 tahun dari tarikh karya-karya itu diterbitkan atau dibuat. Ini satu masa yang amat panjanglah.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid menanya berkenaan TRIPS yang ditandatangani oleh negara kita pada tahun 1994, kenapa tunggu lima tahun melindungi hak pelaku. Untuk makluman Yang Berhormat Perjanjian TRIPS ditandatangani pada tahun 1994 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1995. Walau bagaimanapun negara-negara membangun seperti Malaysia diberi tempoh lima tahun untuk memenuhi obligasi TRIPS dan pada sesi ini kita pun nampak kementerian saya telah memperkemaskinikan rang undang-undang atau akta-akta keseluruhannya iaitu pada sesi ini ada lima rang undang-undang ada kaitan dengan hak cipta iaitu Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000, Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000, Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000 dan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000 yang kita membahaskan sekarang. Dengan ini kementerian saya dan kita harap hak cipta pencipta-pencipta akan diberi perlindungan yang lebih ketat dan lebih menyeluruh.

Berkenaan dengan pungutan royalti oleh PPM daripada kedai-kedai kopi tradisional dan warung-warung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh. PPM memungut royalti bagi permainan kepada awam iaitu rakaman bunyi, iaitu muzik bagi pihak syarikat rakaman. Berhubung dengan kutipan royalti daripada kedai-kedai kopi tradisional dan warung-warung, PPM bersetuju untuk memberi pengecualian kepada mereka. So, telah berhentilah kutipan royalti daripada pekedai-pekedai yang kecil macam kedai-kedai kopi tradisional dan warung-warung.

Berkenaan dengan hak pengguna dilindungi atau takrif dalam Akta Hak Cipta 1974, skop akta hak cipta adalah untuk melindungi hak cipta karya yang dihasratkan oleh seseorang. Akta ini tidak berkaitan dengan hak pengguna. Hak pengguna diliputi oleh Akta Perlindungan Pengguna 1998.

Yang Berhormat Haji Karim bin Saleh juga membangkitkan sama ada kerajaan akan memberitahu waris-waris hak yang boleh dituntut. Kerajaan tidak bertanggungjawab memberitahu waris-waris tetapi Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan hak itu diserahkan atau dipindah milik kepada waris-waris dan kerajaan, kerajaan kalau mengetahui perkara ini bersedia menasihati pemilik hak cipta atau warisnya akan hak mereka.

Lagi isu yang dibangkit ialah sama ada pengguna, kalau pengguna tidak diberi pilihan untuk memilih, akta hak cipta memang memberi beberapa hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal beberapa penggunaan karya mereka. Walau bagaimanapun akta itu memberi beberapa pengecualian misalnya untuk penggunaan persendirian atau domestik untuk tujuan pendidikan, penyelidikan, khairat dan sebagainya. Saya rasa mereka ada pilihan kalau pengguna itu adalah penggunaan persendirian atau dengan izin domestic use, kegunaan domestik. Berkenaan siapakah yang menerima royalti yang dikutip oleh PPM. PPM mengutip royalti bagi pihak syarikat-syarikat rakaman bunyi atau recording company dengan izin yang mempunyai hak atas rakaman bunyi mereka. Oleh itu royalti diberi kepada syarikat-syarikat rakaman berkenaan. Bagi pihak pencipta karya muzik iaitu MACP dengan izin Music Alter Copy Right Protection Bhd. mereka mengutip royalti bagi pihak pencipta-pencipta karya muzik.

Berkenaan dengan cadangan supaya kementerian saya lebih berkesan dari membanteras cetak rompak. Mengenai ini satu akta baru iaitu Akta Cakera Optik 2000 akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Julai ini. Akta ini digubal dengan tujuan untuk membolehkan kementerian mengatasi masalah cetak rompak yang berleluasa dengan lebih berkesan lagi, iaitu masalah ini akan menangani "at source". Akta ini akan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguat kuasa dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan khususnya dalam membuat pemeriksaan di premis-premis yang mengeluarkan cakera optik. Di samping itu akta ini akan membolehkan pegawai-pegawai penguat kuasa mengenal pasti pengeluar-pengeluar tiap-tiap cakera optik yang dijual di pasaran melalui kod-kod. Pada masa yang akan datang, pengeluar mesti memakai kod-kod yang tertentu yang boleh digunakan tiap-tiap pengeluar itu, malahan akta ini mengenakan denda yang lebih berat kepada individu dan syarikat-syarikat yang didapati mengeluarkan cakera optik cetak

rompak. Denda yang lebih berat ini sudah tentu akan melemahkan kegiatan cetak rompak tersebut.

Yang Berhormat Datuk Zainuddin pula membangkitkan isu berkenaan keperluan untuk memberi perlindungan sewajarnya kepada pengkarya-pengkarya. Tuan punya hak cipta atau pelaku perlu diberi perlindungan yang sewajarnya bagi mengiktiraf usaha kreatif, masa dan pelaburan mereka. Seterusnya menggalakkan supaya mereka terus kreatif dan menghasilkan banyak karya dan seterusnya memperkaya kan budaya negara.

Yang Berhormat Zainal Rampak membangkitkan isu adakah penyanyi, pelakon dan penulis dibayar dengan wajar dan tidak dieksploitasikan. Pindaan itu bertujuan memberi perlindungan yang sewajarnya. Dengan ini adalah diharapkan agar pemilik hak cipta atau pelaku sedar akan hak mereka dan tidak mudah dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membahas rang undang-undang ini. Bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja, tidak diberikan jawapan sewajarnya di Dewan yang mulia ini sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara yang diberikan yang berkaitan itu akan diambil perhatian oleh kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 22** diperintahkan jadi sebahagian Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### USUL

#### **Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985**

##### **6.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini membuat resolusi merujuk subseksyen (4), seksyen 1, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun bermula dari 15 Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di persidangan Dewan ini dalam bulan April 1985, Dewan yang mulia telah pun membahaskan satu rang undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa juga aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah ataupun terlibat dengan pengedaran najis dadah. Usul itu telah pun menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar, ianya telah pun diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15 Jun 1985 bagi tempoh 5 tahun dan akta itu pernah dilanjutkan oleh Parlimen ini selama 5 tahun yang bermula 15 Jun 1990 dan 15 Jun 1995. Cadangan perlanjutan kali ini adalah lanjutan yang ketiga. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pengedaran dadah bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun.

Perintah ini boleh juga diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun dan pada setiap kali pembaharuan itu. Semenjak akta itu dikuatkuasakan mulai Jun 1985 hingga Disember 1999, Menteri Dalam Negeri telah pun mengeluarkan sejumlah 10,513 perintah-perintah tahanan di bawah seksyen 6(1) ADB, seksyen 6(3) ADB 1985. Pemilihan tempat tahanan bagi seseorang itu ditentukan berdasarkan kepada betapa berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah pun mereka lakukan. Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan mengedar dadah secara serius dan besar-

besaran mereka ditahan di Pusat Tahanan Muar, Johor. Sementara yang sederhana ditahan di Pusat Tahanan Simpang Renggam, Johor dan yang terlibat secara kecil-kecilan, mereka ditahan di Pusat Tahanan Batu Gajah, Perak. Sehingga bulan Disember 1999, terdapat seramai 1,751 orang tahanan ditempatkan di pusat-pusat yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan sesuai dengan matlamat kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk membimbing mereka supaya dapat mempelajari sesuatu kemahiran sepanjang tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan kerberkesanan aktiviti-aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini diikuti dari masa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka telah pun dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka.

Jika orang-orang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikut program-program pemulihan dalam masa perintah tahanan selama 2 tahun, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah seksyen 11(a) akta ini untuk melanjutkan lagi perintah tahanan itu. Orang-orang tahanan yang telah pun dipulihkan sepenuhnya akan dibebaskan sama ada tanpa syarat ataupun diberi pengawasan dengan mengenakan penggantungan perintah di bawah seksyen 7(1) di mana syarat-syarat adalah sama seperti perintah sekatan di bawah seksyen 6(3), Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Selain daripada perintah tahanan, orang yang terlibat dengan aktiviti pengedaran najis dadah adalah juga dikenakan perintah sekatan di bawah seksyen 6(3), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tertakluk kepada serius atau tidaknya kesalahan mereka. Sepanjang tempoh ini, subjek diperintah tinggal di sesuatu kawasan dan berada di dalam kawasan polis. Mereka dikenakan beberapa syarat untuk menghadkan pergerakan mereka. Hingga 20 Februari tahun ini terdapat seramai 1,373 orang dikenakan perintah sekatan di merata tempat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak bulan Jun 1985 dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima sekarang tidak berkurangan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan

selagi terdapat bekalan dari negara pembekal. Gejala penyalahgunaan najis dadah juga sudah banyak sangat diperkatakan, bukan sahaja di negara kita tetapi juga di seluruh dunia. Di dalam media massa seperti di akhbar-akhbar, radio dan TV, berita-berita mengenai najis dadah tersiar setiap hari dan ianya tetap akan menjadi berita menarik selagi ancumannya tidak dapat dibanteras. Tidak sesiapa dapat menafikan kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan ini, bukan sahaja kepada seseorang penagih, bahkan kepada keluarganya, masyarakat dan negara. Malah jika tidak terkawal, sindiket-sindiket yang mengedar dadah ini boleh bermaharajalela dan mengancam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu bercakap panjang lebar mengenai ancaman najis dadah ini. Mengenai sindiket-sindiket yang mengedar ataupun mengenai orang-orang ataupun kumpulan-kumpulan yang menjadi *master mind* dan *financial*, dengan izin. Mereka membawa kesan yang amat buruk kepada kita semua tanpa mengira bangsa, agama, keturunan, warna kulit dan fahaman politik. Dengan lain perkataan, dadah tidak mengenal batasan dan sempadan. Dadah akan melanda orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Kadazan, orang Iban, tidak kira beragama Islam, Buddha, Kristian ataupun Hindu.

Setakat ini, pihak polis telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah. Namun demikian, kedudukan negara ini yang berhampiran dengan kawasan pengedaran dadah dan keadaan perbatasan darat dan laut negara ini yang panjang dan luas telah memberikan kesempatan yang baik kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini. Adalah sukar bagi pihak penguatkuasa untuk menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dengan bukti-bukti pemilikan dadah secara fizikal.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah akta ini dan tujuan kita dapat mengurangkan lagi kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dadah dari pengedar-pengedar kepada penagih. Usaha-usaha pencegahan oleh kerajaan ini perlu diteruskan lagi. Oleh itu, tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini perlu dilanjutkan lagi selama 5 tahun lagi mulai 15 Jun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat.

**6.58 ptg.**

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong resolusi yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama 5 tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah adalah satu masalah yang amat serius dan akan menjejaskan kesejahteraan rakyat dan masa hadapan negara kita dan mestilah ditangani dan dibendung dengan apa cara sahaja yang boleh. Masalah ketagihan dadah merupakan penyakit masyarakat utama yang menunjukkan peningkatan jumlah tahun demi tahun. Di sini saya cuba memberi gambaran kepada Dewan yang mulia ini betapa seriusnya masalah ini. Dari sumber PEMADAM pula menunjukkan jumlah penagih meningkat kepada 35,359 orang pada tahun 1999.

Dengan penagih baru sebanyak 17,915 dan penagih berulang sebanyak 17,444. Daripada jumlah tersebut, 24,224 adalah dari orang Melayu, 5,880 dari orang Cina, 3,498 dari orang India, 1,371 dari bumiputera Sabah, 62 dari bumiputera Sarawak, 171 dari lain-lain bangsa, mungkin orang Siam ataupun Orang Asli serta 153 warga asing.

Dari data-data ini nyata sekali dadah masih dapat diseludup ke dalam negara kita dengan banyaknya. Saya juga difahamkan bandar Hadyai di Selatan Thailand ialah satu pusat utama pengedaran dadah ke negara kita dan saya harap kerajaan mengambil perhatian tentang perkara ini dan mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mencegah kemasukan dadah ke negara kita. Kerajaan perlu mengkaji semula dengan mendalam tentang kelemahan operasi-operasi pencegahan di kawasan sempadan yang membolehkan dadah masuk atau diseludup masuk ke negara ini.

Sekian sahaja dan saya menyokong resolusi ini.

**7.01 mlm.**

**Tuan Thee Thiong Hock:** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong resolusi ini.

Kita telah dengar dari Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga rakan saya bahawa isu dadah ini cukup serius dan oleh kerana ia serius, dan mendatangkan banyak keburukan jadi kita memerlukan satu action yang kira pantas dan efektif. Kalau kita tunggu tindakan mahkamah ataupun action-action lain memang kita tak dapat handle isu ini dengan cara yang efektif. Jadi saya sokong penuhlah resolusi ini tapi hanya satu saja macam mana kita mahu handle 'approach publicity' di platform antarabangsa iaitu nampaknya ini orang di luar negeri tak faham isu ini di negara kita. Mereka kata kita there's no freedom lah Tan Sri fundamental human rights [*Ketawa*] Suka-suka boleh tangkap, suka-suka boleh lokap, suka-suka boleh buat selatan restriction order tapi kita di Malaysia kita semua faham ini mustahak, ini diperlukan. Jadi saya mahu di sini mintalah Timbalan Menteri jelaskan, macam mana kita mahu explain kepada orang-orang seperti di Eropah, Australia dan juga di Amerika Syarikat.

Terima kasih.

### **7.03 mlm.**

**Tuan Haji Gapar bin Haji Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong resolusi yang dibawakan oleh kerajaan ini. Sebagaimana yang kita maklum bahawa dadah ini ataupun salah guna dadah ini menyerang anak-anak muda kita seperti mana yang telah disebutkan tadi tidak mengira bangsa, agama sama ada di desa atau di bandar, semuanya diserang oleh dadah ini dan sebagaimana yang kita maklum, anak-anak muda kita ini adalah pelapis bagi kita. Kalau kita tidak mengambil satu tindakan yang tegas, khususnya kerajaan yang bertanggungjawab maka kita rasa masalah dadah ini akan lebih parah lagi. Sebagaimana yang kita maklum sekarang ini masalah guna dadah ini telah pun menyerang Polis Diraja, sudah ada dalam angkatan tentera, pelajar dan sekarang murid-murid sekolah rendah pun sudah mula dikatakan dapat dilibatkan dengan dadah ini.

Maknanya ada satu sindiket yang begitu berkuasa, berpengaruh di belakang ini. Oleh itulah kita perlukan satu tindakan yang berkesan oleh kerajaan dalam masalah menangani dadah ini. Dengan ini saya turut menyokong resolusi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Zainuddin.

### **7.04 mlm.**

**Datuk Zainuddin bin Maidin:** Datuk Yang di-Pertua, saya rasa bertanggungjawab juga untuk turut serta secara ringkas dalam perbincangan ini kerana semua anggota Dewan ini kebanyakannya telah pun melihat suatu tunjukan oleh pihak keselamatan tentang kesan buruk kepada anak-anak muda, masyarakat kita yang telah terlibat sebagai penagih dadah dan sebagainya. Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengadakan undang-undang yang mandatori bagi menghukum punca-punca penyebaran dadah. Tapi masalah-masalah yang timbul sekarang ialah kerajaan terpaksa menanggung belanja yang besar di pusat-pusat pemulihan dadah dan juga masalah timbul seperti berlakunya rusuhan, kebakaran dan sebagainya di pusat-pusat pemulihan dadah ini.

Jadi kebanyakan mereka dipulihkan tapi saya rasa saya tak perlu bercerita panjang sebab kita telah pun maklum, kita pulihkan tetapi percentage atau peratusan yang dapat dipulihkan adalah sangat kecil. Keluar, mereka kembali semula ke tabiat asal mereka. Hanya saya tidak tahu, saya terfikir dan pernah berkali-kali tidakkah boleh kalau kita mengadakan pusat pemulihan ataupun mereka yang terlibat tertangkap dengan masalah penagihan dadah ini, bukan pengedar-pengedarnya tapi mereka yang saya merasa lebih bersimpati kepada mereka ini sebab kita pun boleh terlibat, kita tidak tahu soal ini, kalau kurang iman dengan mudah saja kita terlibat kemudian mereka menjadi mangsa yang tidak mereka pinta.

Jadi akhirnya apabila menjadi penagih mereka juga menjadi perompak, penyamun dan sebagai pembunuh yang lebih dahsyatnya bukan kerana kemahuan mereka sendiri tapi kerana telah keputusan bekalan dan sebagainya yang memerlukan mereka berbuat demikian untuk menghisap dadah. Jadi saya berpendapat, tidakkah boleh kalau kita mengadakan satu pulau khusus untuk memusatkan semua penagih dadah ini di satu pulau yang asing, umpamanya dulu sebuah pulau...., kita pernah menjadikan Pulau Bidong di Terengganu yang mana penempatan orang-orang Vietnam. Beribu-ribu orang pelarian Vietnam telah kita tempatkan di pulau itu dan inilah satu cara supaya..., sebab di antara mereka biarlah mereka melihat apa yang berlaku. Di antara mereka adalah bangkai-bangkai bernyawa seperti yang kita lihat tidak ada lagi ada harapan untuk hidup, mereka telah dijangkiti penyakit Aids dan sebagainya, hanya menunggu masa untuk mati dalam jumlah yang besar yang seperti yang telah kita beritahu. Maka kita himpulkan mereka itu, biarlah mereka melihat bagaimana akibat, bagaimana seksanya, bagaimana masa depan mereka, biarlah

mereka melihat mayat-mayat yang dibawa dari masa ke semasa keluar dari pulau itu untuk dikebumikan.

Barangkali ini boleh memberikan pengajaran kepada mereka. Mereka yang tidak dapat dipulihkan biarlah mereka mencapai apa yang patut mereka capai pada akhirnya. Jadi saya kira itu adalah lebih barangkali penempatan, pemusatan kepada satu pulau di mana kita tidak gunakan dan kita berikan apa juga yang telah diberikan di 'pusat perhentian' dan pemulihan dan sebagainya tetapi kepada bangkai bernyawa, kita tidaklah dapat untuk berbuat apa-apa lagi.

Jadi sekadar itu saja dan saya turut bersimpati di atas perbelanjaan besar yang terpaksa dikeluarkan oleh kerajaan setiap hari tapi kalau perbelanjaan ini tidak memberi kesan maka tentulah tidak juga akan memberi faedah dan akan menyebabkan masalah penanggungan perbelanjaan yang semakin besar maka satu langkah yang efektif bagi meneruskan resolusi ini haruslah diambil.

Sekian Tan Sri Yang di-Pertua dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Long.

**7.09 mlm.**

**Datuk Long bin Jidin:** Terima Datuk Yang di-Pertua. Saya amat menyokong resolusi menurut subseksyen 4, Seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya terutama sekali tentang langkah-langkah pencegahan arsenic .

Memang dadah ini satu perkara yang kalau di pe dalamankah, di luar bandar dianggap perkara ini..., ramai sebenarnya tak kenal dadah ni tapi saya lihat apabila ada pameran, ada macam-macam, ekspo dan sebagainya tak secara langsung kita yang buat pameran tunjuk dadah, ini Morphine, ini Heroin, ini macam-macam. Akibatnya bila kita dah kenal benda tu dan bila dah kenal ada orang yang nak cuba. Jadi ibarat pepatah orang-orang tua, tak kenal maka tak cinta. Bila dah kenal, nak budak-budak, dia rasa nak cuba. Ha, ini yang jadi masalah. Jadi kalau boleh benda yang kita tak kenal ni kalau boleh sorok, jangan beritahu, jangan bagi nampak, pokok ganja, jangan bagi tunjuk pun kalau boleh begitu.

Yang keduanya, tentang kekuatan anggota pencegahan, saya dapati kalau di daerah, sesuatu daerah yang saya kenallah, kalau dekat daerah saya ada dua orang, tiga orang sahaja yang jaga bahagian dadah ini, yang hendak cegah, dialah yang berkejar ke hulu, dialah berkejar ke hilir. Kenapa tidak kalau sudah kita tahu benda ini amat berbahaya, banyakkann anggota itu yang bekerja khas untuk dadah ini,

bahagian dadah ini. Kurangkan trafik jalan raya ini sebab dia hendak mati sendiri itu biarlah dia mati *[Ketawa]* tetapi yang kita hendak cegah kepada anak-anak muda kita yang akan datang, saya rasa memang perlu kekuatan anggota yang menjaga pencegahan ini perlu ditambah terutama di bahagian polislah.

Yang ketiganya, tentang PEMADAM. Saya lihat akhir-akhir ini PEMADAM nampaknya “hidup segan mati tidak mahu,” tidak berfungsi, tidak ada mesyuarat, tidak ada aktiviti dan sebagainya. Sepatutnya PEMADAM ini saya rasa biasanya DO jadi pengerusi di setiap daerah, dia kena mencambahkan cawangan-cawangannya di peringkat kampung, di peringkat JKK, di peringkat sektor Rukun Tetangga, di peringkat penempatan dan sebagainya, melibatkan banyak aktiviti supaya PEMADAM melibatkan orang ramai, boleh membantu menolong pihak keselamatan untuk mencegah dadah.

Jadi, itu sahajalah pandangan saya untuk menyokong Menteri yang memberi cadangan kepada *[Disampuk]* resolusi Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ustaz Tuan Hassan bin Haji Shukri dahulu ya. *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** ....saya juga terpanggil. Ada orang panggil dahulukah?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ustaz kemudian ya, Ustaz dahulukah?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ustaz dahulu. *[Ketawa]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ....saya ingin turut mengambil bahagian dan menyokong resolusi yang dibentangkan. Saya hendak tahu satu sahaja, kita selalu menyebut tentang pengedar tetapi taukenya siapa? Itu sahaja. Yang saya hendak minta supaya Kementerian Dalam Negeri dan semua yang bertanggungjawab cuba cari taukenya.

Saya tidak pernah dengar lagi selama ini tangkapan-tangkapan dibuat ke atas tauke-taukenya. Cuma yang kita dengar pengedar, itu pun pengedar-pengedar kecil. Saya rasa kalau tauke yang ada di Malaysia ini kita tahan, kita boleh tangkap,

mungkin sebahagian besar daripada penyakit dadah ini ataupun pengedar-pengedar dadah ini pun akan habis kerana dadah ini kita tahu harganya mahal. Jadi, taukenya itu mesti orang kaya. Kalau tidak kaya, tidak ada duit dia tidak akan boleh membeli dadah ini. Jadi, saya haraplah kepada pihak kementerian supaya cari taukenya supaya dadah ini tidak akan boleh lagi diedarkan oleh tauke tadi.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ....pengedar-pengedar besar ataupun pengedar-pengedar kecil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bukan tauke ya.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Bukan, saya mahu minta penjelasan sahaja, perkataan 'tauke' lebih tepat atau 'boss' lebih tepat? *[Ketawa]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sama sahaja bos dengan tauke. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bos kah, tauke kah pokoknya sama sahaja. Itulah yang kita tidak dapat tangkap sekarang ini dan saya tidak pernah dengar lagi setakat ini. Wallahualam, kalau orang lain pernah dengar tetapi saya tidak pernah dengar, yang saya dengar pengedar-pengedar sahaja.

Jadi, saya harap, saya rasa semua kita setuju bahawa kalau dapat tauke ataupun bos ini kita tangkap, lima enam orang kalau ada, mudah-mudahan pengedar-pengedar pun tidak ada lagi. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk hendak berucap menyokong kerajaan, bukan sahaja melanjutkan lima tahun, saya rasa 10 tahun lagi elok kerana Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekarang ini sudah sampai kepada tahap selepas saya menyaksikan bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, penerangan yang dibuat oleh PEMADAM baru-baru ini, berkenaan dengan peningkatan terjerumus ramai sangat, sampai ke FELDA, ke kampung-kampung, terjerumus dengan dadah ini, kita terpaksa mengumumkan satu perang.

Saya hairan kita mempunyai tentera yang canggih, ratus ribu, saya tidak tahu anggota keselamatan, dia hendak berperang dengan siapa saya tidak tahu. Tetapi dadah kita ada statistik yang akan mencipta dan mencetus satu a lost generation, satu generasi yang akan hilang kerana terlalu taksu, terlalu kuat dipengaruhi dadah ini dan kalau statistik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Charern Intachat memang ramai, Melayu, Cina, India rata-rata.

Inilah musuh dan musuhnya pertama kali saya hendak mengumumkan saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, jerungnya, bukan ikan bilis, yang saya tengok orang Kampung Bahru dua tiga orang kena tangkap, orang yang bawa teksi, kereta ini, kereta itu terjumpa barang sebungkus, dua bungkus mesti ada bos yang di bawah tanah, di atas langit saya tidak tahu di mana. Itu yang kita kena cari dan fungsi PEMADAM sekarang ini mungkin tidak relevan lagi, dia terpaksa diperkukuhkan lagi. Polis dan tentera, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin bukan pulau, saya hendak cadangkan satu ladang dadah, ladang di mana pekerja-pekerjanya ialah orang-orang di Pusat Serenti ini, kita tidak boleh meletakkan mereka di sini, di sana, di tempat-tempat yang sempit ini, mindanya sudah lain.

Kita kena letak dia di ladang yang luas, kalau tidak ada tanah kita pergi Sarawak, Sabah pun ada, Pahang pun ada, ladang yang luas, beri dia padang, beri dia pokok-pokok besar-besar, beri dia masjid besar-besar supaya mereka di sana kita pusatkan lepas itu dua, tiga, empat batalion. Baik askar ataupun polis jaga kawad tiap-tiap pagi, pukul 5.30 pagi kawad, maknanya buat secara begini.

Tuan Yang di-Pertua, this is a war, dengan izin, ini satu peperangan. Saya tidak tahulah kenapa kita ambil sambil lewa. Saya tengok statistik sahaja tetapi saya amat sedih, tengok yang tua, yang muda berselerak di jalan-jalan raya, di Jalan-jalan Chow Kit dan sebagainya. Saya tengok dalam video kepada kita yang ditunjukkan baru-baru ini, amat sedih sekali Tuan Yang di-Pertua, Holland pernah membiarkan secara bebas orang hisap dadah. Sekarang ini dia menjadi satu masalah besar di Netherlands dan saya bersetuju dengan Datuk Long bin Jidin ini tadi. Kalau kita asyik hendak pameran sahaja, jadi ianya akan menaikkan naluri ingin tahu, dia hendak tahu dia mencuba, lepas itu dia merebak.

Jadi, saya rasa pendekatan baru mesti diolah oleh pihak kerajaan mengambil perkara ini serius, bukannya tanggungjawab PEMADAM. PEMADAM merupakan NGO yang bertanggungjawab selama ini kerjanya baik tetapi masalahnya, dimensinya sudah pun berleluasa begitu besar sehingga PEMADAM saya rasa tidak mampu, polis pun tidak mampu. Saya hendak polis, askar ramai lagi terlibat dengan dadah ini, is a serious matter, Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih menengok keadaan yang meruncing, merosot dan inilah generasi yang akan mewarisi kita, kalau generasi

terhegeh-hegeh dengan dadah sahaja, saya bimbang negara kita akan terjerumus. Ianya meresap tidak kira dari kampung, FELDA di merata-rata tempat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sambunglah sampai 10 tahun kita sokong dan kita mintalah pihak kerajaan memberikan peruntukan khusus. Kalau sekiranya askar-askar, polis-polis punya peruntukan .....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** .....kita minta peruntukan yang besar bagi mencegah dadah, memerangi dadah. Ini satu perang ....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya hendak minta sahaja, saya tertarik hati dengan soal untuk mengadakan askar bagi mengawalkan perkampungan para penagih dadah. Masalahnya pada akhirnya, kita bimbang askar itu juga turut menjadi pengedar dadah. Hal ini mungkin berlaku, siapa yang berpengalaman tahu.

Jadi, soal itulah sebab saya kata pulau itu lebih penting daripada satu kawasan kecuali kalau kita adakan di tengah-tengah hutan, saya tidak tahu tetapi selagi ada hubungan, maka polis juga boleh jadi terlibat, di penjara, pegawai-pegawai penjara ada yang pernah terlibat dan tambahan pula askar.

Jadi, hal ini kita haruslah fikirkan secara serius bagaimana untuk isolation secara yang betul-betul. Sebab itu saya memikirkan pulau adalah satu – itu pun kadang-kadang kita memikirkan kurang meyakinkan.

Jadi, itulah saya tidak tahu dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pulau ini begitu indah untuk diletakkan pesakit dadah ini. Jadi, saya mengesyorkan hutan belantara yang tebal-tebal dan yang menjaganya polis dan sebagainya kita kena tukar. Saya kalau tengok macam skim Pegawai Penjara duduk di situ berpuluh-puluh tahun, dia kena tukar, dia mesti ada rotation.

Jadi, sistem yang pendekatan dan metodologi yang tersendirilah kita kena cari, bagaimana pengawasan tetapi kita kena buat dan buat dengan secepat mungkin kerana ianya merupakan satu perkara yang amat serius yang melanda negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Ya, Menteri menjawab.

**7.19 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma secara ringkas akan memberi sedikit jawapan

kepada ramai Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap masalah dadah di negara kita khususnya Yang Berhormat Dato' Charern Intachat, Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan juga Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Memang kita semua setuju bahawa masalah dadah ini jika tidak diambil tindakan yang tegas oleh pihak kerajaan, memang ini akan juga menjejaskan keamanan negara kita dan juga kesejahteraan rakyat akan terganggu juga. Kita semua juga mengakui bahawa masalah dadah ini tidak mempunyai batasan, tidak kira sama ada kita orang Melayu, Cina atau India ataupun apa warna kulit, semua ini adalah juga mungkin boleh jadi pada suatu hari menjadi mangsa kepada masalah dadah ini.

Tetapi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pihak kerajaan memang tidak secara sambil lewa dalam tindakan-tindakan terhadap pengedar-pengedar dadah. Sekarang ini kerajaan memang berusaha untuk membanteras masalah dan trend ini adalah mengikut dua peringkat.

- i. Macam mana kita harus memastikan untuk mengurangkan bekalan dari luar negara ke dalam negara; dan
- ii. Macam mana kita dapat mengurangkan permintaan dalam negara.

Dan, dua-dua masalah ini pihak kerajaan telah melalui banyak cara khususnya pihak Agensi Dadah Kebangsaan dan juga PEMADAM juga memainkan peranan walaupun mengikut pendapat Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa PEMADAM buat masa ini tidak begitu aktif dan kemungkinan tidak berfungsi dengan begitu baik. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat sebab memang benar gejala dan juga masalah-masalah berkaitan dengan dadah dan najis dadah adalah satu masalah yang paling besar yang dihadapi oleh bukan sahaja Malaysia tetapi semua negara di dunia ini.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, saya baru balik dari Vienna di mana satu seminar antarabangsa yang dianjurkan oleh badan pertubuhan bersatu di mana semua negara di dunia ini telah pun mengisytiharkan bahawa masalah dadah ini adalah satu *war* dengan kerajaan. Memang kita semua sentiasa harus berwaspada dan kerajaan juga sentiasa mengambil tindakan tegas khususnya melalui

lanjutan kuat kuasa langkah-langkah pencegahan khas tahun 1985 di bawah Akta Dadah Merbahaya.

Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock telah pun bertanya, walaupun kita semua dengan rela, setuju kita sokong dengan tindakan kerajaan untuk melanjutkan lagi 5 tahun langkah-langkah pencegahan khas, adakah pihak ketiga khususnya pemimpin-pemimpin dari Negara Ketiga akan mendakwa melalui Rang Undang-undang ini adakah hak asasi manusia terpelihara. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak takut sama ada publisiti ini akan menjadi satu publisiti yang negatif. Sebab di negara lain pun mereka menghadapi masalah ini dan mereka juga, melalui undang-undang mereka dengan secara tegasnya bertindak terhadap pengedar-pengedar.

Tetapi, untuk makluman Dewan yang mulia ini pula, walaupun kita mempunyai hak iaitu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mempunyai hak untuk menahan sesiapa jika terbukti bahawa seseorang adalah pengedar dadah ataupun najis dadah tetapi oleh kerana masalah kebuktian di mana dadah tidak secara fizikal dirampas bersekali dengan pengedar itu maka menjadi satu masalah jika kita akan mendakwa dia di mahkamah. Dalam perkataan lain, mahkamah kita ini memang cukup mementingkan bukti yang secukup-cukupnya. Tahap kebuktian di mahkamah memang tinggi dan jika kita tahu seseorang adalah pengedar tetapi oleh kerana kita tidak dapat rampas dadah dan najis dadah secara fizikal dari dia, kita akan gagal.

Maka oleh yang demikian, pilihan yang terbaik sekali ialah melalui langkah-langkah pencegahan supaya pengedar yang bersangkutan ini, yang terlibat ini akan ditahan selama 2 tahun. Dan maksud kerajaan untuk menahan pengedar seumpama ini ialah supaya kita dapat memutuskan bekalan dadah dari luar atau dari sedikit dengan pengedar sendiri. Dan kita juga berharap dalam 2 tahun ini melalui latihan-latihan dan juga ajaran-ajaran rohani, jasmani, kita dapat mengubah seseorang supaya menjadi seorang yang baik, seorang rakyat yang berguna bila dia dibebaskan.

Dan, untuk makluman Datuk Tee, dalam Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini kita mempunyai beberapa peruntukan. Di mana bila seseorang telah pun dimasukkan dalam Pusat Pemulihan – oleh kerana yang berkaitan dengan dadah, beliau diberikan beberapa peruntukan di mana beliau dapat merayu:

- (a) merayu kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bila beliau ditahan dalam Pusat Pemulihan. Bila-bila masa dalam

masa 2 tahun ini beliau dapat merayu kepada Menteri supaya Menteri sendiri dapat meneliti kes dia; dan

- (b) bila seorang sudah masuk/ditahan di Pusat Pemulihan, maka ada beberapa jenis jawatankuasa:
  - (i) sebelum seseorang betul-betul ditahan iaitu masa tahanan polis 60 hari itu, ada satu jawatankuasa yang terdiri daripada 3 orang yang agak dikenali sebagai pakar supaya mereka dapat selidik atau meneliti kes seseorang atau seseorang pengedar dan mereka ini akan membuat satu laporan yang terperinci dan satu recommendation, dengan izin, kepada Menteri sama ada pengedar itu harus ditahan atau tidak. Dan mengikut laporan ini jika pengedar itu harus ditahan maka baru dia ditahan, jika tidak pengedar itu akan dilepaskan; dan
  - (ii) 3 bulan sebelum genap 1 tahun, seorang pengedar ditahan, maka satu jawatankuasa pemulihan akan melawat dan membuat satu laporan yang terperinci terhadap pengedar-pengedar yang ditahan di dalam Pusat Pemulihan. Dan sebelum 2 tahun genap, satu jawatankuasa juga akan melawat dan memberikan kesempatan kepada orang yang ditahan untuk – jika ada, jika perlu membawa rayuannya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga sentiasa dengar dan terbaca melalui surat khabar bahawa ada setengah-setengah pengedar walaupun telah ditahan masih diberikan kesempatan iaitu melalui peguam mereka untuk memfailkan permohonan *habeas corpus*, dengan izin, dan *habeas corpus* ini selepas difailkan akan didengar oleh Mahkamah Tinggi dan jika terdapat bahawa kerajaan tersilap di mana-mana tempat maka mahkamah akan membuat keputusan yang sesuai dan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kerajaan melalui Agensi Dadah Kebangsaan dan PEMADAM sentiasa mengadakan program-program dan pameran-

pameran di sekolah supaya kita dapat mendidik anak-anak kita semasa di bangku sekolah untuk lebih tahu apakah dadah dan apakah dadah akan buat kepada manusia jika mereka ini menjadi mangsa dan lain-lain lagi.

Walaupun tadi Yang Berhormat Datuk Long telah pun memberitahu ataupun memberi pendapat iaitu kalau kita didik anak-anak kita untuk kenal apakah jenis ataupun apakah dadah ini, kemungkinan mereka ini lebih suka untuk mencuba, tetapi hasrat kerajaan ialah supaya kita memberitahu mereka pada peringkat awal macam mana mereka harus menjauhi dadah. Ini adalah tujuan murni kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Zainudin telah pun memberi sedikit sebanyak pendapat jika boleh kita mencari sebuah pulau yang besar di mana semua pengedar-pengedar dapat ditahan di tempat itu. Buat masa ini memang kita menahan pengedar-pengedar di beberapa pusat-pusat pemulihan di merata tempat di negara kita dan beliau berpendapat bahawa lebih baik jika kita dapat memusatkan semua pengedar di sebuah pulau, di suatu pusat pemulihan akhlak yang besar-besaran. Cadangan ini memang kita akan mempertimbangkan, saya bukan pertama kali dengar cadangan ini, tetapi cadangan ini adalah juga satu cadangan yang bernas, kita boleh mengambil perhatian tetapi buat masa ini kita juga mempunyai pusat-pusat pemulihan akhlak di mana semua pengedar-pengedar ditahan di pusat-pusat ini semua dan walaupun kita tahu bahawa ....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Saya tidak maksudkan pengedar. Saya maksudkan penagih yang dipusatkan di sesuatu tempat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Ya, penagih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sentuh dengan masalah pengedar. Penagih itu lain pula, memang untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat dua jenis pusat di mana kita tahan pengedar dan penagih. Bagi penagih kita menahan mereka di pusat serenti, di seluruh negara di merata tempat terdapat 27 buah pusat serenti.

Yang Berhormat Datuk Zainudin juga membangkitkan masalah di mana rusuhan-rusuhan sentiasa berlaku. Sebenarnya bukan sentiasa berlaku, sepanjang pengetahuan saya hanya dua, tiga kali telah pun menjadi rusuhan di pusat-pusat serenti dan kerajaan telah pun dengan serta-merta mengambil tindakan yang lebih tegas supaya rusuhan dan insiden-insiden seumpama ini tidak akan berlaku dan pagar-

pagar di sekeliling pusat serenti ini, kerajaan akan perbaiki supaya ia lebih kuat dan tidak ada orang tahanan di pusat-pusat ini yang dapat melarikan diri.

Tetapi hari ini kita sentuh berkenaan dengan macam mana kita akan menahan pengedar-pengedar dadah dan najis dadah. Bagi pengedar, kita menahan mereka di pusat pemulihan akhlak, dalam perkataan lain, di semua pusat pemulihan akhlak, kita mempunyai satu rejim ataupun satu cara latihan yang cukup sistematik di mana pengedar-pengedar ini, pertama, akan diberikan semua latihan. Kemungkinan ada orang kata juga, latihan-latihan ala tentera, mereka akan diberikan pendidikan, macam mana mereka harus menjadi rakyat yang berguna dan dalam pusat pemulihan akhlak, selepas dua tahun jika mereka berubah diri maka kita akan memberikan kesempatan kepada semua ini dan mereka ini dibebaskan.

Tetapi bagi pusat-pusat serenti, jika kita mempunyai sebuah pulau di mana kita dapat memusatkan semua penagih dadah di situ, mungkin juga akan membangkitkan masalah yang lain pula, tetapi walau bagaimanapun, tak apalah, oleh kerana ada cadangan, maka kerajaan akan membawa cadangan ini balik untuk meneliti dan pulau apa, ia juga harus menimbulkan satu masalah yang besar juga. Walaupun kita mempunyai beberapa buah pulau, tetapi hendak mengadakan satu pusat di pulau mana, kemungkinan pulau-pulau yang mendekati dengan negeri-negeri, kemungkinan mereka pun tidak bersetuju juga.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Pulau Sipadan. *[Ketawa]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Oh, Pulau Sipadan. Sebenarnya, Pulau Sipadan ini bukan pulau kepunyaan negara kita buat masa ini, ini masih sedang dipertimbangkan oleh mahkamah antarabangsa lagi, tetapi cadangan ini kita akan mengambil perhatian.

Selain daripada itu, saya juga ingin memberitahu iaitu kepimpinan PEMADAM ini baru sahaja diambil alih oleh sahabat sejawat dengan saya iaitu Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin, iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri dan saya percaya dan mempunyai keyakinan iaitu Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin akan mengadakan lebih banyak perancangan supaya PEMADAM dapat memainkan peranan dalam memerangi masalah dadah.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, oh dia sudah balik, dia ini memang katalah, memang saya bersetuju dengan dia, jika kita hendak mengurangkan

masalah dadah di negara kita, kita harus tahu ataupun kita harus menahan tauke -tauke ataupun sindiket-sindiket yang besar, yang terlibat dalam pengedaran dadah. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan selama ini telah pun berjaya menumpaskan beberapa buah sindiket yang besar dan kita memang tahu ada banyak lagi sindiket dan tauke-tauke yang besar-besar, yang masih belum kita dapat tahan ataupun tangkap, tetapi kita harap melalui usaha kerajaan, melalui kerjasama di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang-orang awam maka kita dapatlah menahan lebih ramai tauke-tauke dan masalah dadah ini akan kian berkurangan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga memberi cadangan yang baik iaitu sebuah pulau juga, beliau kata, dan ini kita akan beri perhatianlah dan sebagai perkataan yang terakhir, maka saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa jika Ahli Yang Berhormat semua menyokong usaha kerajaan untuk memerangi masalah dadah di negara kita, saya mempunyai penuh keyakinan iaitu pada satu hari kelak, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sedikit sebanyak penjelasan dan jawapan saya yang saya telah beri dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya sekali lagi memohon mencadangkan supaya Langkah-langkah Pencegahan Khas di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985 dapat dilanjutkan selama lima tahun. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), Seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 selama lima tahun lagi bermula dari 15 Jun 2000 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah pun menunjukkan 20 minit lagi pukul 8.00 malam. Barangkali semua kita berasa patutlah kita berhenti sekarang ataupun hendak dilanjutkan lagi sehingga pukul 12.00 malam, tetapi sudah tidak ada Usul. Usul sudah habis dah. *[Ketawa]*

Maka dengan ini Majlis Mesyuarat bersurai, tetapi nampaknya Ahli-ahli kita ini sangat setia. Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas kesetiaan Ahli-

ahli Yang Berhormat yang tinggal sehingga habis malam ini dan kita berjumpa lagi pada mesyuarat yang akan datang, insya -Allah, ya. Majlis bersurai!

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam.*

4 Mei 2000

### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina L orline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara:**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha:**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha:**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaruddin bin Mohd. Yusof

**PAR LIMEN KESEPULUH****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

---

<b>Jilid II</b>	<b>Bil. 15</b>	<b>Khamis</b>	<b>11 Mei 2000</b>
-----------------	----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N****USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat  
Dan Penangguhan (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
(Pindaan) 2000 (Halaman 27)
- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
(Pindaan) 2000 (Halaman 72)
- Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000 (Halaman 102)
- Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000 (Halaman 114)

**USUL MENTERI DALAM NEGERI:**

Melanjutkan Tempoh Kuat Kuasa Akta Dadah Berbahaya  
(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Halaman 133)

